



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



# Laporan Tahunan **HOSPITAL KAJANG**

# 2023





# Isi Kandungan

**01**

## **Sekapur Sirih**

Perutusan Pengarah Hospital Kajang

**02**

## **Pengenalan Hospital**

**03**

## **Direktorat Perkhidmatan & Pengurusan (m/s 1-59)**

- Unit Pentadbiran & Pembangunan
- Unit Kewangan & Hasil
- Unit Sumber Manusia & Latihan
- Unit Perhubungan Awam
- Unit Perolehan Aset & Stor
- Unit Hal Ehwal Islam
- Unit Psikologi Kaunseling
- Unit Kejuruteraan
- Unit Keselamatan
- Unit Teknologi Maklumat

**04**

## **Direktorat Perubatan (m/s 60-110)**

- Jabatan Perubatan Am
- Jabatan Psikiatri
- Unit Nefrologi
- Unit Endokrin

**05**

## **Direktorat Wanita & Kanak-Kanak (m/s 111-143)**

- Jabatan Obstetrik & Ginekologi
- Jabatan Pediatrik
- Jabatan Pergigian Pediatrik

**06**

## **Direktorat Pembedahan & Kecemasan (m/s 144-213)**

- Jabatan Pembedahan Am
- Jabatan Ortopedik
- Jabatan Kecemasan & Trauma
- Jabatan Anestesiologi
- Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial
- Jabatan Pergigian Penjagaan Khas

# Isi

# Kandungan

- 07** **Direktorat Diagnostik & Sokongan Klinikal (m/s 214-300)**
- Jabatan Patologi
  - Jabatan Radiologi
  - Jabatan Farmasi
  - Jabatan Rehabilitasi
  - Jabatan Rekod Perubatan
  - Jabatan Dietetik & Sajian
  - Jabatan Forensik
  - Unit Terapi Carakerja
  - Unit Fisioterapi
  - Unit Bekalan Bahan Steril

- 08** **Direktorat Kualiti Penjagaan Perubatan (m/s 301-357)**
- Unit Kualiti
  - Unit Kesihatan Awam & Keselamatan Pekerjaan
  - Unit Kawalan Infeksi
  - Unit Penjagaan Luka
  - Unit Medikolegal
  - Unit Casemix & Penyelidikan Klinikal
  - Unit Transplant

- 09** **Unit Kejururawatan (m/s 358)**

- 10** **Unit Penyeliaan Hospital (m/s 365)**

- 11** **Penghargaan**

# Sekapur Sirih

“Hospital Kajang  
135 tahun,  
dan terus berkembang...”



Assalamualaikum & Salam Sejahtera,

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kerana dengan izin dan kurnia-Nya Laporan Tahunan bagi Tahun 2023 dapat dihasilkan. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat bertungkus lumus menyediakan maklumat dan informasi dalam penghasilan laporan tahunan ini. Laporan Tahunan adalah wadah tradisi yang merupakan dokumen penting dalam mendokumentasikan aktiviti pencapaian jabatan serta merekod peristiwa penting yang berlaku sepanjang tahun.

Suka saya nyatakan, Hospital Kajang sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit. Walaupun Hospital Kajang telah menjangkau usia 135 tahun, semangat dan kesungguhan yang jitu di kalangan warga Hospital Kajang telah membuktikan bahawa Hospital Kajang sentiasa setanding dengan hospital-hospital yang lain.

Tahun 2023 diharungi dengan pelbagai penceritaan suka dan duka. Namun, setiap kakitangan telah dikukuhkan dengan prinsip diri yang jitu dan cecal dalam memberikan perawatan yang terbaik serta holistik, sesuai dengan Visi, Misi dan Objektif Hospital Kajang.

Oleh yang demikian adalah diharapkan, dengan terhasilnya Laporan Tahunan ini, ia dapat membakar semangat wargakerja Hospital Kajang, dalam merealisasikan Hospital Kajang sebagai pusat kecemerlangan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.

Sekian, terima kasih.

**Dr. Hj. Muhd Siv Azhar Merican Bin Abdullah**  
Pengarah Hospital  
Hospital Kajang

L A P O R A N   T A H U N A N   2 0 2 3

# PENGENALAN

H O S P I T A L   K A J A N G





Hospital Kajang (HKJ) terletak di sebelah timur bandar Kajang di dalam daerah Hulu Langat, Negeri Selangor Darul Ehsan. Ia telah dibina pada tahun 1889 di atas tanah seluas 16 ekar, kira-kira 30km di tenggara Kuala Lumpur. Hospital ini telah berkembang maju selaras dengan pembangunan daerah Hulu Langat dari 250 katil pada tahun 1970an kepada 386 katil buat masa kini. Dari segi struktur bangunan, hospital ini telah menerima bangunan tambahan peringkat demi peringkat.

Pembinaan bangunan wad yang asal telah didirikan pada tahun 1910 dan diikuti dengan bangunan wad setinggi 4 tingkat pada tahun 1976 (168 katil). Bangunan lain adalah Blok Sajian Makanan (1983), Rumah Mayat (1985) dan Blok Unit Patologi (1992). Bangunan tambahan melalui projek pembangunan semua fasa 2 telah dibiayai oleh Bank Pembangunan Asia berjumlah RM 14.1 Juta dan telah siap pada tahun 1999.

Antaranya Wad Bersalin Kelas 1 & 2 (22 katil), Unit Rawatan Khas Bayi (30 katil), Blok Dewan Bedah (3 bilik), Unit Rawatan Rapi (6 katil), Blok Kanak-kanak (40 katil) dan Blok Rehabilitasi melalui Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9), pada tahun 2011, dua buah bangunan baru telah dibina iaitu wad 8 yang terdiri dari 20 katil dan juga klinik pakar Psikiatri (Cadangan Bangunan Jabatan Radiologi Utama pula telah dibina pada tahun 2010. HKJ diterajui oleh seorang pengarah dengan dibantu oleh tiga orang timbalan iaitu dua orang Timbalan Pengarah Perubatan dan seorang Timbalan Pengarah Pengurusan. Pengarah HKJ bertanggungjawab terus kepada Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan) dan Pengarah Kesihatan Negeri Selangor. Beliau juga dibantu oleh pakar-pakar perubatan, pegawai-pegawai perubatan, pihak pengurusan, paramedik, kumpulan sokongan klinikal yang bertanggungjawab terus kepada pengarah HKJ. Sehingga September 2022, jumlah kakitangan di HKJ adalah 1684 orang. Terdapat 18 Jabatan dan 20 Unit di HKJ dalam memberikan perkhidmatan terbaik khususnya penduduk kajang.



HOSPITAL TENGGU PERMAISURI M  
(PUSAT RAWATAN WANITA DAN KANAK)

# Visi

Untuk menjadikan Hospital Kajang sebagai sebuah **pusat rawatan pesakit holistik yang cemerlang**

# Misi

Untuk menyediakan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti melalui amalan budaya penyayang, profesionalisme, kerja berpasukan dalam persekitaran yang selesa

# Objektif

**1**

Menyediakan rawatan perubatan professional yang berkualiti, cekap dan mematuhi keperluan pelanggan

**2**

Menyediakan rawatan perubatan professional yang berkualiti, cekap dan mematuhi keperluan pelanggan

**3**

Mempertingkatkan kemahiran profesionalisme melalui latihan dan pembelajaran berterusan

**4**

Mempertingkatkan kemahiran profesionalisme melalui latihan dan pembelajaran berterusan

**5**

Menyediakan perkhidmatan rawatan dan penjagaan yang selesa, selamat dan sejahtera untuk pelanggan dan warga kerja



---

# Perkhidmatan Pengurusan



# UNIT PENTADBIRAN & PEMBANGUNAN

Unit ini diketuai oleh Pegawai Tadbir dan Diplomatik M44 yang bertanggungjawab menyelaras dua portfolio iaitu pentadbiran dan pembangunan. Unit Pentadbiran bertanggungjawab di dalam mengendalikan hal ehwal pentadbiran HKJG yang merangkumi urusan pemantauan sewaan premis, laporan kad perakam waktu, pengurusan kad minyak, pengurusan kad Touch n Go, pengurusan Rumah Kuarters, pengurusan am, Perpustakaan dan Bilik Mesyuarat serta pengurusan surat-menyurat dan sistem fail HKG.

## VISI

Mewujudkan sebuah pengurusan yang cekap dan cemerlang dalam bidang pentadbiran pejabat dari segi penyediaan:

- Perkhidmatan yang bermutu, bersistem dan proaktif terhadap semua anggota hospital dan berdedikasi serta komited terhadap tugas dalam melaksanakan tugas harian serta menerapkan konsep-konsep berkualiti, penyayang dan mesra

## MISI

Mengamalkan prinsip-prinsip perkhidmatan yang berdedikasi, amanah dan sentiasa mengutamakan tugas yang diamanahkan di samping mewujudkan:

- Persekitaran kerja yang bersih dan tersusun.
- Memahami dan memenuhi keperluan pengurusan.

## OBJEKTIF

Memberikan 100% kepuasan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.

## SKOP PERKHIDMATAN

### a) PENGURUSAN SURAT

Menguruskan penghantaran keluar dan penerimaan masuk surat-surat biasa dan surat berdaftar sama ada melalui pengurusan pos atau secara serahan tangan ke destinasi yang ditetapkan dan pengagihan surat-surat yang diterima ke Jabatan-Jabatan.

### b) PENGANGKUTAN

Menyediakan dan menguruskan kemudahan pengangkutan terdiri daripada kenderaan jabatan iaitu

dua (2) kereta, lima(5) van, satu(1) lori *rigid* (3 tan),satu(1) kereta SUV Toyota Fortuner dan dua(2) van jenazah untuk kegunaan anggota Hospital Kajang dan orang awam.

**c) RUMAH KERAJAAN DAN ASRAMA**

- ❖ Menyediakan dan menguruskan kemudahan sebanyak 114 unit rumah Jabatan dan 44 unit asrama untuk anggota Hospital Kajang.
  - Asrama Jururawat siap dibina pada tahun 2008
  - Tahun penggunaan sebagai asrama : 2010
  - Tahun penggunaan sebagai stor simpanan rekod : 2020
  
- ❖ Maklumat ruang di asrama jururawat :
  1. Terdapat **61 unit** (44 unit bilik penghuni dan 17 unit bilik guna sama);
  2. Maklumat **perincian penggunaan bilik** sebagai *secondary storage* :

Jabatan	Jenis Dokumen/ tahun	Tempoh Penyimpanan (tahun)	Jumlah penggunaan bilik (unit)	Anggaran bilangan dokumen
Pediatrik	Rekod Pesakit (2008-2016)	21	10	77,400 fail
	Rekod Pesakit Luar	21	2	28,000 fail
	ICU Chart (2016-2022)	21	1	7,000 keping
<b>Obstetrik</b>	Rekod Pesakit (2005-2020)	21	16	120,000 fail
<b>Jabatan Kecemasan dan Trauma</b>	Kad Rawatan Pesakit (2018-2022)	7	3	456,000 kad
<b>Jabatan Radiologi</b>	Filem Xray (2016-2020)	7	6	150,000 keping
<b>Bahagian Pengurusan</b>	Fail unit sumber, perolehan dan pentadbiran	7	5	15,000 fail
<b>JUMLAH BILIK SECONDARY STORAGE</b>			<b>43</b>	

**d) PREMIS**

Mengurus dan memantau kemudahan 1 buah Kafeteria, 1 buah kedai serbaneka, 1 buah kedai mini mart, 1 buah Taska dan 9 unit *vending machine*.

#### e) PERCETAKAN

Mengurus percetakan borang dan lain-lain dokumen untuk kegunaan Jabatan Klinikal dan Bukan Klinikal.

#### f) PENGURUSAN FAIL

Mengurus pemfailan surat, merekod nombor fail, penyimpanan fail am Jabatan dan pemberian nombor fail bagi fail am yang baru dibuka.

#### g) AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL PSIKIATRI

Menguruskan Ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri Hospital Kuala Kajang seperti pengurusan mesyuarat, lawatan dan aktiviti mereka.

#### h) URUSETIA MESYUARAT

Urusetia kepada mesyuarat-mesyuarat utama Jabatan seperti Mesyuarat Bahagian Pengurusan Bersama Ketua-ketua Jabatan, Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan, Mesyuarat Perumahan, Mesyuarat Premis, Mesyuarat Pengurusan TASKA, Mesyuarat Pengurusan Pemandu dan juga Urusetia Bersama kepada Perhimpunan Bulanan Hospital Kajang.

#### i) PERAKAM WAKTU

Menguruskan perakam waktu untuk semua kakitangan Hospital Kajang. Menyediakan laporan.

#### j) PERPUSTAKAAN

Perpustakaan Hospital Kajang merupakan perpustakaan perubatan di mana ia adalah Perpustakaan Khusus yang menjadi pusat sumber ilmu dan maklumat bagi warga Hospital Kajang mendapatkan maklumat terkini mengenai perubatan dan kesihatan. Ianya terletak di tingkat 2 bangunan Unit kecemasan.

Perpustakaan Hospital Kajang juga menyediakan perkhidmatan bilik mesyuarat dan ruang perbincangan kepada pengguna dan ia mampu menampung seramai 12 orang pengguna dalam satu masa. Selain itu perkhidmatan komputer dan internet juga disediakan.

Waktu operasi Perpustakaan Hospital adalah pada setiap hari isnin hingga jumaat bermula dari jam 8 pagi hingga 5.00 petang. Waktu rehat adalah dari jam 1 tengah hari hingga 2 petang dari Isnin hingga Khamis dan 12.15 tengah hari hingga 2.45 petang pada hari Jumaat.

#### k) KOMPLEKS ATAS PANGGILAN

Hospital Kajang menyediakan 3 jenis kompleks atas panggilan kepada Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Latihan Siswazah.

Pegawai Perubatan Latihan Siswazah dibekalkan 2 buah bilik iaitu satu kepada pegawai lelaki dan 1 unit kepada pegawai perempuan. Dua2 unit dilengkapi dengan katil dan ruang solat.

Bilik untuk Pegawai Perubatan pula disediakan 3 buah bilik iaitu 1 bilik bagi setiap unit iaitu unit Orthopedik, Surgical dan Medical.

#### l) PAS KESELAMATAN

##### PERMOHONAN PAS PENGENALAN JABATAN

Pas ini dikeluarkan kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan (penjawat awam) lantikan tetap dan kontrak yang bertugas di Hospital Kajang.

Pemohon yang membuat permohonan baru untuk Pas Pengenalan Jabatan hendaklah mengisi borang

dengan lengkap dan disahkan oleh Ketua Unit/Jabatan berkenaan.

Permohonan baru untuk Pas Pengenalan Jabatan (Tetap) mestilah disertakan dengan dokumen yang lengkap seperti di bawah:

- a. Borang Pas Pengenalan Jabatan (Tetap) yang lengkap diisi serta tandatangan oleh pemohon dan diakui sah oleh Ketua Jabatan;
- b. Gambar ukuran passport sebanyak 1 keping dengan latar belakang warna biru muda; dan
- c. Salinan kad pengenalan (hadapan dan belakang).

#### **KEHILANGAN PAS PENGENALAN JABATAN**

- a. Memaklumkan segera kepada Unit Pentadbiran Dan Pembangunan bagi mematikan dalam sistem agar ia tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu bagi kepentingan peribadi;
- b. Membuat Laporan polis atas kehilangan Pas Pengenalan Jabatan;
- c. Membuat bayaran sebanyak RM30.00 atas nama Ketua Akautan Negara Malaysia kepada Bahagian Kewangan dan Akaun sebagai denda kecuaiian sehingga menyebabkan pas tersebut hilang; dan
- d. Permohonan untuk Pas pengenalan yang didapati telah hilang mestilah beserta dengan dokumen yang lengkap beserta bukti bayaran hendaklah diserahkan kepada Unit Pentadbiran dan Pembangunan untuk proses seterusnya.

#### **m) TASKA DALAM HOSPITAL**

Taska Hospital Kajang dikelola oleh Taska Pintar Sunnah di bawah pentadbiran pengurusan Hospital Kajang. Taska ini ditubuhkan pada tahun 2020 sejurus selepas penyelenggaraan bangunan taska sekarang. TASKA Hospital Kajang dikategorikan sebagai taska di tempat kerja di mana taska ini menerima lebih dari 10 orang kanak-kanak dan didaftarkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). TASKA ini mengendalikan kemasukan kanak-kanak berumur 3 bulan hingga 4 tahun sahaja. Penjagaan anak-anak dikelaskan mengikut umur seperti berikut :

UMUR	HARGA(RM)
3 bulan – 1 tahun	480.00
1 - 3 tahun	450.00
3 - 4 tahun	400.00

Perkhidmatan Taska beroperasi bermula jam 7.00 pagi hingga 6.00 petang sahaja.

Objektif utama penubuhan TASKA Hospital Kajang adalah untuk:

1. Menyahut seruan kerajaan Malaysia bagi mengadakan TASKA di tempat kerja oleh majikan.
2. Memenuhi tanggungjawab sosial majikan kepada kakitangan yang memerlukan penjagaan anak mereka semasa bekerja.
3. Memastikan kakitangan dapat menjalankan kerja dengan baik apabila masalah penjagaan anak dapat diatasi.
4. Memastikan pengurusan penjagaan dan perkembangan kanak-kanak dilakukan dengan berkesan serta mengikut prosedur dan peraturan di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984.

## STATISTIK

### PENGURUSAN KAD INDEN BAHAN API KENDERAAN JABATAN

Unit pentadbiran, Hospital Kajang menguruskan 11 kenderaan jabatan yang terdiri daripada kenderaan jabatan iaitu 2 kereta , 6 van, 1 lori rigid (3 tan),1 kereta suv Toyota Fortuner dan 2 van jenazah. Bagi perkhidmatan ambulan, penyeliaan adalah di bawah Jabatan Kecemasan dan Trauma.

Bagi tahun 2023, jumlah penggunaan kad inden bahan api bagi 11 kenderaan jabatan berjumlah RM 132,718.20. Kad Inden yang diuruskan di Unit Pentadbiran, Hospital Kajang adalah seperti berikut:

BIL	JENIS KAD INDEN	2022	2023
1.	Kad Individu(Jusa)	9	8
2.	Kad Pemandu	7	7
3.	Ambulans	11	9

*Jumlah Kad Inden yang diuruskan di Unit Pentadbiran, Hospital Kajang*

### PENGURUSAN KAD INDEN BAHAN API KENDERAAN JABATAN

Unit pentadbiran, Hospital Kajang menguruskan 11 kenderaan jabatan yang terdiri daripada kenderaan jabatan iaitu 2 kereta , 6 van, 1 lori rigid (3 tan),1 kereta suv Toyota Fortuner dan 2 van jenazah. Bagi perkhidmatan ambulan, penyeliaan adalah di bawah Jabatan Kecemasan dan Trauma.

Bagi tahun 2023, jumlah penggunaan kad inden bahan api bagi 11 kenderaan jabatan berjumlah RM 132,718.20. Kad Inden yang diuruskan di Unit Pentadbiran, Hospital Kajang adalah seperti berikut:

BIL	JENIS KAD INDEN	2022	2023
1.	Kad Individu(Jusa)	9	8
2.	Kad Pemandu	7	7
3.	Ambulans	11	9

*Jumlah Kad Inden yang diuruskan di Unit Pentadbiran, Hospital Kajang*

## PENGGUNAAN BAHAN API BAGI KENDERAAN JAWATAN UNTUK SEKTOR AWAM (JUSA)

Selain daripada menguruskan kenderaan jabatan, Unit Pentadbiran juga menguruskan kad inden bahan api bagi kenderaan Jawatan Untuk Sektor Awam (JUSA). Bagi tahun 2023, jumlah penggunaan kad inden minyak bagi 8 buah kenderaan JUSA berjumlah RM28,870.01.

BIL	KATEGORI	2022	2023
1.	Kenderaan Jabatan	11	11
2.	Kenderaan Rasmi Jusa	9	8
	JUMLAH	20	19

*Jumlah kenderaan jabatan dan kenderaan rasmi yang diuruskan di Hospital Kajang*

## LAPORAN KAD PERAKAM WAKTU

Sepanjang tahun 2023, Unit Pentadbiran memantau kehadiran untuk anggaran 1615 orang kakitangan HKJG dengan berpandukan kepada Surat Pekeliling Am Bil. 11 Tahun 1981 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil.4 Tahun 2017 Penambahbaikan Waktu Bekerja Berperingkat Di Agensi Kerajaan Persekutuan. Sebanyak **82 kad hijau** dan **99 kad merah** telah dikeluarkan kepada kakitangan HKJG yang telah menunjukkan **prestasi kedatangan yang kurang memuaskan**.

## PENGURUSAN RUMAH KAKITANGAN KERAJAAN (KUARTERS)

Rumah kuarters kakitangan HKJG terletak di Sungai Chua Kajang. Kuarters berketinggi 4 tingkat yang mempunyai **114 buah rumah** ini dikhususkan untuk kakitangan HKJG. Secara keseluruhannya, bagi tahun 2023, jumlah diisi untuk rumah kuarters HKJG adalah sebanyak 87 unit rumah.

Sepanjang tahun 2023, hanya 7 orang anggota yang menerima tawaran untuk menduduki kuarters. Terdapat 111 aduan telah dilaporkan kepada pihak Radicare meliputi aduan seperti kerosakan lampu, kerosakan tombol pintu, sinki tersumbat dan lain-lain berkaitan. Pada tahun 2023 juga kerja-kerja pembaikan tiles juga telah dilaksanakan.

## JUMLAH PENGGUNAAN FASILITI

Bagi tujuan pelaksanaan mesyuarat, perbincangan, pembelajaran serta latihan dari dalam dan luar, HKJG menyediakan fasiliti di bawah selenggaraan Unit Pentadbiran seperti Jadual 3 berikut:

FASILITI	KAPASITI
Bilik Mesyuarat Pengurusan 1	20 Orang
Bilik ISO	10 Orang
Bilik Perbincangan (Perpustakaan)	15 Orang

*Kemudahan Fasiliti di Jabatan Pengurusan Hospital Kajang*

## PENCAPAIAN & AKTIVITI

### KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)

KPI yang dipantau oleh Unit Pentadbiran adalah PPM kenderaan yang telah mencapai KPI sebanyak **87.65%** pada tahun 2023.

### MESYUARAT BAHAGIAN

MESYUARAT	BIL. MESYUARAT	TARIKH
Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan	4 kali	24 Mei 2023 13 September 2023
Mesyuarat Jawatankuasa Premis dan Kafeteria Sihat	1 kali	25 Oktober 2023
Mesyuarat Pengurusan Taska	1 kali	15 Jun 2022
Mesyuarat Ahli Lembaga Pelawat Psikiatri Hospital (ALPHP)	12 kali	Setiap bulan
Perhimpunan Bulanan	11 kali	Setiap bulan

## UNIT PEMBANGUNAN

Unit Pembangunan bertanggungjawab untuk mengawal selia projek pembangunan, kerja-kerja naik taraf dan minor work seperti menyediakan skop dan spesifikasi bagi minor work (sebutharga RM 500 000 ke bawah), memantau pelaksanaan projek, memantau kerja-kerja Pengujian dan Pentauliahan (T&C) aset dan fasiliti baru dan memastikan Tempoh Tanggungan Kecacatan (Defect Liability Period) diuruskan dengan berkesa

a) STATUS PROJEK PEMBANGUNAN 2022

❖ Projek yang telah selesai (*Reimbursable Work*)

Bil.	Nama Projek	Nilai Projek (RM)	Tarikh Tamat Kerja	Status Semasa
1.	Kerja-Kerja Penggantian Cermin Hadapan Ambulans BPK 6924	RM4,000.00	09.03.2023	Selesai urusan pembayaran
2.	Kerja-Kerja Penambahan Pemasangan Lampu Di Wad	RM8,010.00	09.03.2023	Selesai urusan pembayaran
3.	Kerja-Kerja Pembaikan Submain Di Hospimart	RM4,700.00	09.03.2023	Selesai urusan pembayaran
4.	Kerja-Kerja Penggantian Cistern Tank Di Tandas Awam	RM5,200.00	09.03.2023	Selesai urusan pembayaran
5.	Kerja-Kerja Pemasangan Curtain Railing Di Kubikal 5, Wad 4	RM3,126.00	09.03.2023	Selesai urusan pembayaran
6.	Kerja-Kerja Penggantian Alat Ganti Bagi Infusion Pumps, Syringe (009001099) Di Jabatan Kecemasan, Hospital Kajang	RM1,043.65	08.06.2023	Selesai urusan pembayaran

❖ Projek yang telah selesai (Lantikan Terus)

Bil.	Nama Projek	Nilai Projek (RM)	Tarikh Mula Kerja	Tarikh Tamat Kerja	Status Semasa
1.	Kerja-Kerja Membuka Pagar dan Kawat Duri Perkarangan Tempat Letak Kereta Kakitangan di Pejabat Pengurusan 2 dan Naiktaraf Tandass CSSD di Hospital Kajang	RM10,900.00	06.05.2023	20.05.2023	Selesai urusan pembayaran
2.	Kerja Membina Bumbung Laluan Tandass Awam Klinik Pakar 2, Membina Bumbung Laluan Pejalan Kaki Jabatan Farmasi dan Penggantian Bumbung Laluan Pejalan Kaki Jabatan Rekod	RM14,871.60	27.04.2023	18.05.2023	Selesai urusan pembayaran
3.	Kerja-Kerja Pemasangan Bumbung Greenhouse Film UV Bagi Ruang Aktiviti di Wad 8	RM11,000.00	30.05.2023	13.06.2023	Selesai urusan pembayaran
4.	Kerja-Kerja Pembaikan Am Bagi Pemindahan Sementara Perkhidmatan Jabatan Kecemasan, Hospital Kajang (Ramp)	RM23,000.00	26.06.2023	10.07.2023	Selesai urusan pembayaran
5.	Kerja-Kerja Naiktaraf Paip Air Bangunan Sinki Di Kafeteria, Naiktaraf Bangunan Unit Kawalan Infeksi Dan Pembinaan Kaunter Di Jabatan Rekod Hospital Kajang	RM 14,495.40	14.08.2023	11.09.2023	Selesai urusan pembayaran

6.	Kerja-Kerja Penambahbaikan Bangunan Enzo, Bilik Pemandu, Wad 8 Dan Dewan Bestari, Hospital Kajang	RM48,131.40	17.10.2023	14.11.2023	Selesai urusan pembayaran
7.	Kerja Naiktaraf Surau, Tandas Dan Ruang Dapur Jabatan Dietetik Dan Sajian Dan Kerja Naiktaraf Rumah Sampah Serta Perpustakaan Di Hospital Kajang	RM46,148.00	25.10.2023	06.12.2023	Selesai urusan pembayaran
8.	Kerja-Kerja Menggantikan Bumbung Polycarbonate Di Bangunan Wad 4 Tingkat, Bangunan Pentadbiran, Klinik Pakar 2 Dan Lulu Pejalan Kaki KP 2 KeX-Ray Lama, HospitalKajang	RM49,950.60	26.10.2023	16.11.2023	Selesai urusan pembayaran
9.	Kerja-Kerja MenggantiJubin Lantai Kuarters Kakitangan, Hospital Kajang	RM39,763.65	26.10.2023	15.11.2023	Selesai urusan pembayaran

❖ Projek yang telah selesai (Sebut Harga)

Bil.	Nama Projek	Nilai Projek	Tarikh Mula Kerja	Tarikh Tamat Kerja	Status Semasa
1.	Tawaran Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Pemindahan dan Pembinaan Zon Hijau dari Lokasi Asal ke Lokasi Baru di Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Kajang	RM848,902.00	12.05.2023	29.09.2023	Selesai urusan pembayaran
2.	Tawaran Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Naiktaraf bagi Penambahbaikan Jabatan di Lokasi Asaldi Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Kajang	RM140,121.00	03.07.2023	14.08.2023	Selesai urusan pembayaran
3.	Tawaran Sebut Harga Kerja-Kerja Penggantian Sistem Penyaman Udara Berpusat di Bangunan Jabatan Kecemasan dan Trauma	RM472,000.00	26.06.2023	09.10.2023	Selesai urusan pembayaran
4.	Kerja-Kerja Penggantian Panel Kawalan Sistem Pencegah Kebakaran Jenis Aerohub dan lain-lain Kerja berkaitan di Hospital Kajang	RM6,390.00	11.05.2023	08.07.2023	Selesai urusan pembayaran

# UNIT KEWANGAN & HASIL

Unit Kewangan dan Hasil adalah unit yang bertanggungjawab terhadap pengurusan peruntukan, bayaran dan hasil di Hospital Kajang.

Unit ini juga merupakan urusetia bagi Mesyuarat Pengurusan Kewangan dan Akaun yang dipengerusikan oleh Pengarah Hospital Kajang. Bilangan mesyuarat yang perlu dilaksanakan adalah sebanyak empat (4) kali setahun.

## SKOP PERKHIDMATAN

Skop perkhidmatan yang dilaksanakan di unit ini adalah seperti berikut:

- Mengurus peruntukan mengurus tahunan
- Membuat pembayaran emolumen kepada kakitangan
- Membuat bayaran kepada kakitangan/ individu dan pembekal
- Mengutip terimaan daripada pesakit/ individu
- Menjalan pemeriksaan dalaman dan mengejut selaras dengan Arahan Perbendaharaan 308 dan 309
- Urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun

## STATISTIK PENCAPAIAN PERKIDMATAN

### Pengurusan Peruntukan Mengurus Tahunan

Tahun	2023	2022	2021
Amaun Perbelanjaan (RM)	183,474,727.51	175,164,534.28	145,699,647.72
Peratus Perbelanjaan (%)	116.41%	100.00%	116.80%

### Pengurusan Emolumen

Tahun	2023	2022	2021
Bilangan kakitangan diisi (pada 31 Disember)	1,634	1,312	1,301
Bilangan dokumen diproses	2,218	2,522	2,352

### Pengurusan Bayaran

Tahun	2023	2022	2021
Bilangan bil./ tuntutan diproses	21,262	25,325	28,536
Amaun (RM)	47,702,664.61	66,621,975.02	72,063,433.68
Peratus pembayaran kurang 14 hari	100%	100%	100%

### Kutipan Terimaan

Tahun	2023	2022	2021
Bilangan pesakit/ individu	22,832	20,382	19,450
Amaun kutipan (RM)	12,870,787.93	10,423,870.14	9,034,901.27

### Melaksana Pemeriksaan Dalaman dan Mengejut

Tahun	2023	2022	2021
Bil. pemeriksaan dalaman AP308 dijalankan	2/2	2/2	2/2
Bil. pemeriksaan mengejut AP309 dijalankan	2/2	2/2	2/2

### Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun

Tahun	2023	2022	2021
Bil. mesyuarat dijalankan	4/4	4/4	4/4

**Hospital Performance Indicators For Accountability (HPIA):** peratus pembayaran bil dapat dikutip daripada pesakit dalam yang discaj

Pencapaian tahun 2023 adalah seperti berikut ; STANDARD : >85%

BULAN	PERATUS	JUMLAH BIL YG DI BAYAR	JUMLAH BIL KESELURUHAN
JANUARI	90.5%	1,693	1,870
FEBRUARI	88.2%	1,596	1,808
MAC	88.5%	1,730	1,954
APRIL	88.7%	1,524	1,717

MEI	88.3%	1,806	2,043
JUN	86.9%	1,683	1,936
JULAI	88.8%	1,903	2,143
OGOS	91.0%	1,930	2,121
SEPTEMBER	89.6%	1,813	2,023
OKTOBER	87.48%	1,754	2,005
NOVEMBER	87.58%	1,736	1,982
DISEMBER	87.21%	1,713	1,964
<b>JUMLAH</b>	<b>88.65%</b>	<b>10,849</b>	<b>12,238</b>

**Objektif Kualiti :** peratus masa pendaftaran pesakit di buat dalam masa 15 minit  
Pencapaian tahun 2023 adalah seperti berikut ; STANDARD : > 95%

BULAN	PERATUS	BIL PESAKIT DAFTAR DALAM MASA 15 MINIT	JUMLAH PESAKIT YG DIDAFTARKAN
JANUARI	100%	2,740	2,740
FEBRUARI	100%	2,583	2,583
MAC	100%	2,755	2,755
APRIL	100%	2,457	2,457
MEI	100%	2,935	2,935
JUN	100%	2,844	2,844
JULAI	100%	3,044	3,044
OGOS	100%	3,030	3,030
SEPTEMBER	100%	2,923	2,923
OKTOBER	100%	2,825	2,82
NOVEMBER	100%	2,799	2,799
DISEMBER	100%	2,859	2,859
<b>JUMLAH</b>	<b>100%</b>	<b>8,483</b>	<b>8,483</b>

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Kursus-kursus yang dijalankan oleh unit pada tahun 2023 adalah seperti berikut:

Bil	Tajuk Kursus	Tarikh
1.	Taklimat Berkaitan Dokumen Perolehan dan Kewangan 2023	9 Ogos 2023
2.	CME Hospital	Sepanjang tahun 2023

## KAUNTER HASIL



Kaunter utama Unit Hasil

Kaunter Klinik Pakar 1



# UNIT SUMBER MANUSIA & LATIHAN

Bahagian Pengurusan HKJG terdiri daripada Unit Sumber Manusia Dan Latihan. Diterajui oleh Pegawai Tadbir dan Diplomatik M32 bagi dua portfolio tersebut. Unit Sumber Manusia Dan Latihan bertanggungjawab dalam Urusan Pengurusan Sumber Manusia dan Latihan di Bahagian Pengurusan, Hospital Kajang Bagi memastikan kelancaran dan membolehkan agensi menjalankan fungsi yang ditetapkan dengancekap dan berkesan.

## OBJEKTIF

Memastikan Pengurusan Sumber Manusia diuruskan dengan cekap dan teratur mengikut peraturan-peraturan dan arahan semasa yang berkuatkuasa

## SKOP PERKHIDMATAN

### a) PERKHIDMATAN

Melaksanakan semua aktiviti merekod, memproses, menyemak dan menyelaras dalam urusan perkhidmatan bagi kakitangan di JKNS seperti berikut:-

- Menjadi urusetia Panel Pembangunan Sumber Manusia dan Pentadbir Sistem PPSM
- Menguruskan permohonan Anjakan Gaji kepada pegawai yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan
- Membuat edaran surat penyiaran kenaikan pangkat bagi semua jawatan apabila ada arahan daripada JKNS
- Menguruskan aktiviti kenaikan pangkat, pemangkuan dan Khas Untuk Penyandang (KUP)
- Merekod, memproses dan mengedarkan Sijil Amalan Tahunan bagi Pegawai Perubatan
- Menguruskan urusan tanggung kerja bagi anggota Hospital Kajang
- Menyedia, menyemak dan merekod Laporan Perubahan (KEW.8) bagi pegawai – pegawai di Hospital Kajang
- Menguruskan permohonan cuti pegawai Hospital Kajang
- Permohonan baru dan pelanjutan Pekerja Mystem bagi membolehkan Unit / Jabatan menjalankan fungsi yang ditetapkan dengan berkesan
- Memastikan pengurusan perjalanan ke luar negara mendapat kelulusan dan mematuhi peraturan yang berkuatkuasa


### b) PERJAWATAN

Struktur fungsi dan perjawatan merupakan elemen penting dalam mempertingkatkan kapasiti dan kebolehpayaan sesebuah organisasi. Sehubungan itu, Unit Perkhidmatan berperanan dalam membantu Jabatan dan Unit mempunyai struktur organisasi yang bersesuaian dan mencukupi untuk menjalankan peranannya secara berkesan dan selaras dengan ekspektasi stakeholder.

- Mengendalikan dan mengemaskini data perjawatan Hospital Kajang mengikut aktiviti

- Mengemaskini maklumat penyandang Hospital Kajang mengikut bangsa, jantina dan OKU mengikut PTJ
- Memproses permohonan pewujudan perjawatan melalui ABM Tahunan jika ada
- Mengurus Sistem Aplikasi HRMIS
- Menjadi urusetia Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.2) Hospital Kajang
- Menguruskan Pengisytiharan Harta
- Memproses permohonan dan kelulusan Lawatan Keluar Negara bagi semua pegawai di Hospital Kajang
- Memproses permohonan urusan bagi Pengambilan Jawatan Sambilan di Hospital Kajang
- Menyediakan laporan – laporan Perjawatan setiap bulan untuk dikemukakan ke JKNS

Tahun	Perjawatan	Isi	Kontrak
2020	1377	1310	383
2021	1381	1301	388
2022	1447	1311	360
2023	2443	1350	300



URUSAN PENGESAHAN LANTIKAN, PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN, PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN, PEMBERIAN TARAF BERPENCEN

BIL	URUSAN	JUMLAH
1	PENGESAHAN LANTIKAN	88
2	PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN	0
3	PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	58
4	PEMBERIAN TARAF BERPENCEN	19
	<b>JUMLAH</b>	<b>165</b>

URUSAN PENAMATAN & PERSARAAN

JUMLAH YANG DICADANGKAN PENAMATAN PADA 2023	JUMLAH YANG TELAH DITAMATKAN PADA 2023
14	15

JUMLAH BERSARA WAJIB	JUMLAH BERSARA PILIHAN	JUMLAH BERSARA TERBITAN
6	8	1

Majlis telah diadakan November 2023 di Dewan pada 9 Bestari



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang merupakan penghargaan kepada anggota Hospital Kajang yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang. Pemilihan anggota yang layak adalah berdasarkan markah yang diperolehi dalam penilaian prestasi tahunan dan kelulusan Mesyuarat Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri.

**BILANGAN PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN (TAHUN 2021 – TAHUN 2023)**

Tahun 2021	Tahun 2022	Tahun 2023
104 orang	105 orang	108 orang

c) LATIHAN

Unit Latihan bertanggungjawab dalam pengurusan serta mengendalikan kursus dan latihan kepada pegawai dan anggota Hospital Kajang serta menguruskan permohonan latihan klinikal, latihan

sangkutan, post basik. Kursus dan latihan yang dikendalikan terdiri dari kursus wajib dan lain-lain kursus bagi tujuan meningkatkan kompetensi pegawai dan anggota. Unit latihan bertanggungjawab bagi melaksanakan fungsi-fungsi berikut:

- Mengumpul Permohonan dan membuat perancangan bagi Pelan Operasi Latihan daripada Jabatan untuk dihantar ke JKNS bagi setiap tahun
- Memproses permohonan Transformasi Minda ke JKNS bagi pegawai lantikan baru
- Menerima permohonan kursus dalaman dan luaran bagi tujuan kelulusan Pengarah Hospital Kajang
- Mengumpul Laporan Kursus yang telah dibuat oleh setiap Jabatan dan pegawai selepas 14 hari kursus
- Mengeluarkan sijil bagi Jabatan atau Unit yang mengganjurkan kursus
- Menjalankan kursus orientasi bagi pegawai lantikan baru dan bertukar masuk
- Memastikan Audit KPI dan HPIA indikator 15 tercapai
- Mengendalikan permohonan Kursus Pos Basik dengan membuat hebahan kepada pegawai
- Menguruskan Latihan Elektif, Latihan Industri dan Latihan Sains Kesihatan Bersekutu (yang memerlukan MOA)

#### d) TATATERTIB

Bertanggungjawab dalam mengendalikan kes-kes pelanggaran tatakelakuan pegawai/anggota di Hospital Kajang mengikut prosedur dan tatacara yang berkuatkuasa. Unit Tatatertib bertanggungjawab bagi melaksanakan fungsi-fungsi berikut:

- Menyediakan kertas-kertas pertimbangan dan dokumen kes tatatertib mengikut prosedur yang telah ditetapkan
- Menyediakan laporan pelanggaran tatakelakuan dan dikemukakan kepada KKM
- Menyediakan laporan tataterib bagi setiap sukuan

## AKTIVITI

### MESYUARAT BAHAGIAN

#### Mesyuarat di bawah Unit Sumber Manusia Dan Latihan, Hospital Kajang

MESYUARAT	BIL. MESYUARAT	TARIKH
Mesyuarat Pemilihan Calon Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022	1 kali	06 Januari 2023

# UNIT PERHUBUNGAN AWAM

Unit Perhubungan Awam pada awalnya diletakkan di bawah Unit Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Hospital Kajang dengan seorang Penolong Pegawai Tadbir dan Timbalan Pengarah (Perubatan) yang menguruskan aduan-aduan yang diterima daripada pelanggan Hospital Kajang. Pada November 2015 secara rasminya Unit Perhubungan Awam ditubuhkan dengan menempatkan seorang Penolong Pegawai Perhubungan Awam bagi menguruskan maklumbalas daripada pelanggan. Seramai 6 orang Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N19 ditempatkan dibawah Unit ini bagi mengendalikan panggilan telefon dan 3 orang Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N19 ditempatkan di Klinik-klinik Pakar bagi melancarkan urusan di klinik / kaunter.

## SKOP PERKHIDMATAN

### Perkhidmatan yang disediakan

- ❖ Menguruskan dan mengendalikan aduan awam.
- ❖ Menguruskan penghargaan dan cadangan.
- ❖ Menganalisa dan mengenalpasti aduan melalui akhbar / media sosial.
- ❖ Menerima dan menguruskan permohonan lawatan rasmi dari agensi luar.
- ❖ Menerima dan menguruskan permohonan penggambaran filem.
- ❖ Menyelaras dan menguruskan mesyuarat/aktiviti/program ALP Hospital.
- ❖ Menyalurkan maklumat serta melayan pertanyaan pelanggan/orang awam secara bersemuka, telefon, surat dan email.

## TUGAS PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN

### Tugas Pegawai Khidmat Pelanggan (Operator Telefon)


Bertanggungjawab mengendalikan panggilan telefon dari luar dan dalam secara cekap iaitu menjawab panggilan dengan segera, sopan dan mesra serta menjawab dengan ucapan dan pengenalan jabatan

### Tugas Pegawai Khidmat Pelanggan (Klinik Pakar)

Bertugas di kaunter setiap hari bagi membantu melancarkan perjalanan klinik dengan menyambut mesra pelanggan, menenangkan pelanggan yang beremosi atau yang memerlukan tindakan segera.


## STATISTIK PENCAPAIAN PERKIDMATAN

### i) STATISTIK ADUAN TAHUN 2023 (MENGIKUT KATEGORI)



Carta bar merujuk statistik aduan tahun 2023 (mengikut kategori)

### ii) STATISTIK ADUAN DAN PENGHARGAAN TAHUN 2023



Carta Pai merujuk statistik Aduan dan Penghargaan Tahun 2023

### iii) PENCAPAIAN HPIA

Unit Perhubungan Awam turut terlibat dalam 1 indikator HPIA. Berikut merupakan pencapaian HPIA pada tahun 2023: -

INDICATOR HPIA	STANDARD PENCAPAIAN HPIA	PERATUS SEBENAR PENCAPAIAN
<p><b>Indicator 13:</b>  <i>Percentage of Aduan Biasa that were received through SisPAA (Sistem Pengurusan Aduan Awam) and settled within the stipulated period (working days)</i></p>	<p>≥ 85%</p>	<p>91.80%</p>

## AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2023

MESYUARAT AHLI LEMBAGA PELAWAT (ALP) HOSPITAL KAJANG DIADAKAN PADA 02.11.2023



**LAWATAN AHLI LEMBAGA PELAWAT (ALP) HOSPITAL KAJANG KE WAD/KLINIK PADA 28.11.2023****LAWATAN CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR)**

- (i) Lawatan dan sumbangan oleh Mantan Perdana Menteri ke-9, YBhg. Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob ke Wad 7 pada 17.01.2023



- (ii) Lawatan dan sumbangan oleh YB Menteri Kesihatan, YB Dr Zaliha Binti Mustafa pada 19.04.2023 (Wad Pediatrik)



# UNIT PEROLEHAN ASET & STOR

Merancang, mengurus dan memantau semua aktiviti pengurusan berkaitan Perolehan, Aset Alih Kerajaan dan Stor selaras dengan Tatacara Prosedur serta pekeliling yang sedang berkuatkuasa bagi memastikan ianya dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berkesan dalam mencapai budaya kerja berprestasi tinggi serta mencapai Key Performance Indicator (KPI) yang ditetapkan oleh Hospital.

## SKOP PERKHIDMATAN

- Menguruskan perolehan secara Pembelian Terus, Sebut Harga dan Tender dari tempoh 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023.
- Menguruskan perolehan melalui Kontrak Pusat & Kontrak Pusat Sistem Panel
- Memastikan pergerakan Aset Alih Kerajaan sentiasa direkod.
- Memantau dan menguruskan pengemaskinian Senarai Aset di Lokasi (KEW.PA-7) di Jabatan/Wad/Klinik/Unit.
- Menguruskan pelupusan Aset Alih Kerajaan.
- Menguruskan kehilangan dan hapuskira aset alih kerajaan.
- Menguruskan penyelenggaraan aset alih kerajaan.
- Memantau dan mengemas kini pergerakan stok semasa di hospital.

## STATISTIK PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

- Pembelian Terus, Sebut Harga dan Tender dari tempoh 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023
- Pergerakan Aset Alih Kerajaan
- Pengemaskinian Senarai Aset di Lokasi (KEW.PA-7) di Jabatan/Wad/Klinik/Unit.
- Penyelenggaraan Aset Alih Kerajaan
- Pergerakan Stok Semasa di Hospital

- Menguruskan perolehan secara Pembelian Terus, Sebut Harga dan Tender dari tempoh 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023

**PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA**

Status Pelaksanaan Perancangan <b>Sebut Harga</b>												
Jenis Perolehan	Perancangan Tahunan Keseluruhan	Belum Dipelawa	Telah Pelawa									
			Belum Dikeluarkan Surat Setuju Terima / Pesanan / Tempatan / Inden			Telah dikeluarkan Surat Setuju Terima / Pesanan / Tempatan / Inden			Syarikat Bukan Bumiputera			
			Bil	RM	Bil	RM	Bil	RM	Bil	RM	Bil	RM
Bekalan	117	33	0	13,149,246.13	0	0	0	0	0	0	84	13,149,246.13
Perkhidmatan Bukan Perunding	6	3	0	712,374.24	0	0	0	0	0	0	3	712,374.24
Perkhidmatan Perunding Fizikal												
Perkhidmatan Perunding Bukan Fizikal												
Kerja	6	0	0	1,881,019.50	0	0	0	0	0	0	6	1,881,019.50
<b>JUMLAH</b>	<b>129</b>	<b>36</b>	<b>0</b>	<b>15,742,639.87</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>93</b>	<b>15,742,639.87</b>

**PEROLEHAN SECARA TENDER**

Jenis Perolehan	Perancangan Tahunan Keseluruhan	Belum Ditender
	Bil	Bil
Bekalan	9	9
Perkhidmatan Bukan Perunding	1	1
Perkhidmatan Perunding Fizikal	0	0
Perkhidmatan Perunding Bukan Fizikal	0	0
Kerja	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>10</b>	<b>10</b>

- Memastikan Pergerakan Aset Alih Kerajaan sentiasa direkod.

**LAPORAN KEDUDUKAN SEMA SA A SET ALIH KERAJAAN**

TAHUN SEMASA	HARTA MODAL		ASET BERNILAI RENDAH		JUMLAH KESELURUHAN	
	KUANTITI	NPA (RM)	KUANTITI	NPA (RM)	KUANTITI	NPA (RM)
<u>Baki Dibawa Ke Hadapan</u>	3188	56,708,135.23	7,065	3,146,895.76	10,253	59,855,030.99
<u>Suku Tahun Pertama</u>	4	53,350.00	22	10,700.00	26	64,050.00
<u>Suku Tahun Kedua</u>	4	80,800.00	34	17,004.00	38	97,804.00
<u>Suku Tahun Ketiga</u>	14	395,273.00	243	85,228.70	257	480,501.70
<u>Suku Tahun Keempat</u>	272	2,306,872.56	667	502,298.50	939	2,809,171.06
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>3,482</b>	<b>59,544,430.79</b>	<b>8031</b>	<b>3,762,126.96</b>	<b>11,513</b>	<b>63,306,557.75</b>

- Memantau dan Menguruskan Pengemaskinian Senarai Aset di Lokasi (KEW.PA-7) di Jabatan/Wad/Klinik/Unit.

**LAPORAN PEMERIKSAAN ALIH  
KERAJAAN SUKU KEEMPAT TAHUN 2023**

TAHUN SEMASA	KUANTITI ASET				JUMLAH KUANTITI ASET					
	KESELURUHAN	DIPERIKSA	TIDAK DIPERIKSA	PERATUSAN ASET DIPERIKSA	A	B	C	D	E	F
Suku Tahun Pertama	10,314	2,700	7,614	26.18%	2,620	1	77	0	0	2
Suku Tahun kedua	10,320	7,035	3,285	68.17%	6,809	1	91	119	13	2
Suku Tahun ketiga	10,649	8,191	2,458	76.91%	7,955	1	91	130	12	0
Suku Tahun keempat	11,513	11,513	0	100%	11,116	0	152	233	12	0

A: Sedang Digunakan, B: Tidak Digunakan, C: Rosak/BER, D: Sedang Diselenggara, E: Pinjaman/Cadangan Pelupusan, F: Hilang

- Menguruskan Penyelenggaraan Aset Alih Kerajaan

**LAPORAN PENYELENGGARAAN  
ASET ALIH KERAJAAN  
BAGI SUKU KEEMPAT 2023**

BIL	BILANGAN ASET	JUMLAH KUANTITI	JUMLAH KOS
1	Facility Engineering Maintenance Services (FEMS)	7860	722,760.08
2	Biomedical Engineering Maintenance Services (BEMS)	2474	3,502,817.53
JUMLAH		10334	4,225,577.61

- Memantau dan Mengemas kini Pergerakan Stok Semasa di Hospital

**LAPORAN KEDUDUKAN STOK SUKU KEEMPAT TAHUN 2023**  
**KATEGORI: UBAT, VAKSIN DAN BUKAN UBAT**  
**JABATAN FARMASI**

Tahun Semasa	Sedia Ada (RM)	Pembelian/ Penerimaan (RM)	Pengeluaran/ Penggunaan (RM)	Stok Semasa (RM)	Kadar Pusingan Stok
<b>Baki Bawa Hadapan</b>		Baki Stok Akhir Tahun 31.12.2022		4,952,592.77	
<b>Suku Tahun Pertama</b>	4,952,592.77	6,414,018.35	6,916,668.17	4,449,942.95	1.47
<b>Suku Tahun Kedua</b>	4,449,942.95	5,502,755.22	5,475,968.59	4,476,729.55	1.23
<b>Suku Tahun Ketiga</b>	4,476,729.58	6,363,933.95	6,371,863.71	4,468,799.82	1.42
<b>Suku Tahun Keempat</b>	4,468,799.82	10,626,145.51	10,227,999.29	4,866,946.04	2.19
<b>KESELURUHAN</b>	<b>18,348,065.12</b>	<b>28,906,853.03</b>	<b>23,516,531.17</b>	<b>18,262,418.36</b>	<b>6.31</b>

LAPORAN KEDUDUKAN STOK SUKU KEEMPAT TAHUN 2023  
KATEGORI: SAJIAN  
JABATAN DIETETIK DAN SAJIAN

Tahun Semasa	Sedia Ada (RM)	Pembelian/ Penerimaan (RM)	Pengeluaran/ Penggunaan (RM)	Stok Semasa (RM)	Kadar Pusingan Stok
Baki Bawa Hadapan	Baki Stok Akhir Tahun 31.12.2022			83,774.36	
Suku Tahun Pertama	83,774.36	302,771.96	280,014.19	106,532.13	2.94
Suku Tahun Kedua	106,532.13	162,512.82	192,037.71	77,007.24	2.09
Suku Tahun Ketiga	77,007.24	150,623.56	161,473.20	66,157.60	2.26
Suku Tahun Keempat	66,157.60	320,119.48	315,179.99	71,097.09	4.59
<b>KESELURUHAN</b>	<b>267,313.73</b>	<b>936,027.82</b>	<b>633,525.10</b>	<b>254,636.46</b>	<b>11.88</b>

**LAPORAN KEDUDUKAN STOK SUKU KEEMPAT TAHUN 2023**  
**KATEGORI: ALAT TULIS**  
**UNIT PEROLEHAN, ASET & STOR**

<b>Tahun Semasa</b>	<b>Sedia Ada (RM)</b>	<b>Pembelian/ Penerimaan (RM)</b>	<b>Pengeluaran/ Penggunaan (RM)</b>	<b>Stok Semasa (RM)</b>	<b>Kadar Pusingan Stok</b>
<b>Baki Bawa Hadapan</b>	Baki Stok Akhir Tahun 31.12.2022			114,597.30	
<b>Suku Tahun Pertama</b>	114,597.30	105,555.10	95,859.33	124,293.07	0.80
<b>Suku Tahun Kedua</b>	124,293.07	75,779.00	96,582.03	103,490.04	0.85
<b>Suku Tahun Ketiga</b>	103,490.04	136,877.40	114,056.78	126,310.66	0.99
<b>Suku Tahun Keempat</b>	125,942.94	95,801.32	117,555.78	104,188.48	1.02
<b>KESELURUHAN</b>	<b>468,323.35</b>	<b>414,012.82</b>	<b>424,053.92</b>	<b>458,282.25</b>	<b>3.66</b>

## AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2023

### LAPORAN PEMERIKSAAN ASET ALIH KERAJAAN (HPIA INDICATOR 19)

Sehingga suku keempat tahun 2023 sebanyak **11,513** aset telah diperiksa daripada jumlah keseluruhan 11,513 yang menunjukkan peratusan sebanyak **100%**.

### AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2023

#### MENGANJURKAN BENGKEL PENYELARASAN PENGGUNA CPRC/MPIS HOSPITAL SYSTEM BERSAMA BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN KKM

TARIKH: 14/07/2023

TEMPAT: DEWAN BESTARI, HOSPITAL KAJANG

PENCERAMAH: DR. FARHANA BINTI MD. ALI, KPPK UNIT SUMBER PERUBATAN



**MENGANJURKAN BENGKEL PENYELARASAN URUS SETIA SEBUT HARGA BAGI PEROLEHAN PERALATAN PERUBATAN DAN BUKAN PERUBATAN (GROUP 3 & 4) KOMPLEKS WANITA DAN KANAK-KANAK (WCC), HOSPITAL KAJANG**

TARIKH:04/07/2023

TEMPAT: BILIK LATIHAN IT, HOSPITAL CYBERJAYA

PENCERAMAH: ENCIK MOHAMAD SAIFUL NIZAM KHAN BIN ABDUL SATTAR, AKAUNTAN HCJ



**MENJADI URUSETIA DALAM MENGENDALIKAN SESI VERIFIKASI THERMOMETER BAGI KEGUNAAN PELBAGAI JAB/UNIT/WAD/KLINIK BERSAMA JABATAN PATOLOGI HOSPITAL KAJANG**

TARIKH: 15 SEPTEMBER 2023

TEMPAT: DEWAN BESTARI, HOSPITAL KAJANG

PENYELARAS: PEGAWAI SAINS, JAB. PATOLOGI HKJG



**AKTIVITI PINDAHAN LEBIHAN ASET YANG BOLEH DISERAHKAN KE PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) PERINGKAT HOSPITAL SUNGAI BULOH**

TARIKH: 31/10/2023



**AKTIVITI PEMINDAHAN TIGA BUAH VENTILATOR DARI HOSPITAL SUNGAI BULOH BAGI KEGUNAAN ICU HOSPITAL KAJANG**

TARIKH: 01/12/2023



# UNIT HAL EHWAL ISLAM

Unit Hal Ehwal Islam adalah sebuah unit di bawah Jabatan Pengurusan Hospital Kajang. Unit ini diketuai oleh Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam S29, kader daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Unit ini bertanggungjawab mengendali, menyelaras dan melaksanakan latihan dan program penerapan nilai-nilai Islam kepada warga kerja hospital, merealisasikan dasar Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mewujudkan konsep Hospital Mesra Ibadah serta menyediakan dan melaksanakan perkhidmatan dan kemudahan yang berkaitan Hal Ehwal Islam.

Unit Hal Ehwal Islam Hospital Kajang mempunyai seorang Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam dan seorang Personel Mystep dalam menjalankan tugas-tugas berkaitan Hal Ehwal Islam hospital.

## VISI

Berperanan sebagai unit yang memberi bimbingan berkaitan hal ehwal Islam ke arah melahirkan wargakerja dan pesakit yang berpengetahuan dan berpendidikan serta berakhlak mulia.

## MISI

Memberi perkhidmatan pengurusan Hal Ehwal Islam yang cekap dan berkualiti kepada semua wargakerja dan pesakit.

## OBJEKTIF

- Meningkatkan kefahaman dan penghayatan Islam bagi memastikan wargakerja dan pesakit mendapat bimbingan kerohanian.
- Meningkatkan kualiti perkhidmatan secara berterusan melalui penerapan budaya Islam dan penghayatan nilai-nilai murni dikalangan wargakerja semasa bertugas.
- Memastikan aktiviti hospital yang berkaitan dengan hal ehwal Islam dilaksanakan dengan cekap dan efisien.
- Menyediakan pelbagai kemudahan yang sesuai dengan keperluan dan selaras dengan kehendak Syari'e.
- Melahirkan wargakerja hospital yang mahir dalam pengurusan dan pengendalian ibadah pesakit

## SKOP PERKHIDMATAN

- Merancang, melaksana dan memantau pengurusan Unit Hal Ehwal Islam bagi memastikan program Hal Ehwal Islam dilaksanakan secara efisien dan sistematik.
- Merancang, melaksana dan memantau pelaksanaan Program Hospital Mesra Ibadah (HMI) bagi memudahkan pesakit, waris dan warga kerja hospital menunaikan ibadah.
- Merancang dan melaksana program penerapan nilai-nilai murni di hospital bagi melahirkan modal insan yang berintegriti.
- Merancang, menyelaras dan melaksana program penjagaan spiritual di hospital bagi memastikan perkhidmatan kesihatan yang disediakan adalah bersifat holistik merangkumi penjagaan kesihatan fizikal, mental, sosial dan spiritual pesakit meliputi perkara berikut:
  - a. Kaunseling Syarie (ilaj ruhi, ilaj tauhidi)
  - b. Ibadah Pesakit
  - c. Doa dan ruqyah
  - d. Bimbingan spiritual
- Menyelararas dan memantau perkhidmatan pengurusan jenazah Islam supaya menepati.
- Menyelararas fatwa dan hukum syarak berkaitan isu-isu perubatan ke arah perkhidmatan kesihatan yang memenuhi tuntutan syaria hukum syarak.
- Menziarahi pesakit di setiap wad hospital
- Memastikan kakitangan hospital mendapat latihan dan pendedahan asas mengenai Fiqh Ibadah serta nilai-nilai Islam dalam menjalankan tugas.
- Bacaan Doa Pagi

## PIAGAM PELANGGAN

### 1. Tanggungjawab kepada hospital.

- ✓ Mewujudkan Jawatankuasa Hospital Mesra Ibadah.
- ✓ Bertanggungjawab terhadap semua program dan aktiviti berkaitan Hal Ehwal Islam peringkat hospital.
- ✓ Sumber rujukan /penerangan program berkaitan syaria/agama
- ✓ Menjalankan pemeriksaan dan audit teknikal bagi semua system fasiliti hospital termasuk kemudahan asas dan awam.

## 2. Perkhidmatan kepada wargakerja hospital

- ✓ Menyelaras dan melaksana program Penerapan Nilai-Nilai Islam secara berhikmah, terancang dan berkualiti.
- ✓ Memberi sokongan kerohanian dan khidmat nasihat Syarie kepada wargakerja hospital.

## 3. Perkhidmatan kepada pesakit dan waris.

- Khidmat nasihat dan bimbingan kerohanian kepada pesakit dan waris.
- Ziarah dan bimbingan pengurusan ibadah pesakit.

## STATISTIK PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

- Peratus penyertaan Program Tilawah Al-Qur'an Sempena Ihya' Ramadhan 1443H Peringkat Hospital Kajang secara keseluruhan.  
**Pencapaian: 100%**
- Peratusan penyediaan kertas cadangan kerjasama bersama Hospital Banting untuk mengadakan Program Interaktif @ Islam : Kursus Smart Solat Tahun 2022 Secara Kerjasama Hospital Kajang.  
**Pencapaian: 100%**
- Peratusan seliaan dan kehadiran mesyuarat jawatankuasa Pengurusan Kerja, Teknikal, Pengurusan Kandungan, Pembangunan Dan Penyelenggaraan Laman Web Rasmi Dan Media Sosial Hospital Kajang mengenai naiktaraf dan kemaskini  
**Pencapaian: 100%**
- Peratusan menghadiri bengkel pemeriksaan kompetensi Pegawai Hal Ehwal Islam di Kementerian Kesihatan Malaysia untuk peningkatan tahap penguasaan dan kecekapan dalam pengurusan kerja serta menambah pengetahuan berkaitan bidang tugas Pegawai Hal Ehwal Islam dalam kerjaya & perkhidmatan  
**Pencapaian: 100%**
- Bilangan peserta bagi Majlis Ilmu bulanan yang dianjurkan oleh JawatanKuasa Hospital Mesra Ibadah iaitu "Mendepani Cabaran Membentuk Keluarga SaMaRa (Sakinah, Mawaddah, dan Rahmah)  
**Pencapaian: 12/12**
- Peratus pengurusan jenazah yang tiada waris/ tidak dituntut di Unit Forensik, Hospital Kajang mengikut keperluan.  
**Pencapaian: 100%**
- Bilangan pelantikan sebagai *Liaison Officer (LO)/ PERSON IN CHARGE (PIC)* Hospital Mesra Ibadah bagi menjayakan Program HMI untuk mengangkat syiar Islam dalam mewujudkan suasana Hospital Mesra Ibadah, Hospital Kajang.  
**Pencapaian: 84/84**

- Peratusan Lawatan Kerja Jawatankuasa Hospital Mesra Ibadah Hospital Kajang ke Hospital Serdang bagi perkongsian ilmu serta pengalaman dalam persiapan, pengendalian serta implementasi pengwujudan konsep HMI serta pelaksanaan perkhidmatan kepada pesakit.  
**Pencapaian: 100%**

**PROGRAM/ AKTIVITI 2023**



**AKTIVITI UNIT HAL EHWAL ISLAM & JKHMI HOSPITAL KAJANG TAHUN 2023**

**ZIARAH & KHIDMAT NASIHAT AGAMA**

The collage includes logos for Hospital Kajang and HMI, and several photographs: a group of people in a meeting, a woman in a hijab talking to a patient, a person in a red and white uniform attending to a patient in a hospital bed, and a person in a white uniform interacting with a patient.



**AKTIVITI UNIT HAL EHWAL ISLAM & JKHMI HOSPITAL KAJANG TAHUN 2023**

**PEMUDAH CARA PENGURUSAN JENAZAH**

The collage includes logos for Hospital Kajang and HMI, and two photographs: a group of staff members wearing full blue protective suits and masks, and a person in a white uniform working with a body in a specialized facility.




**AKTIVITI UNIT HAL EHWAL ISLAM & JKHMI HOSPITAL KAJANG TAHUN 2023**

HOSPITAL KAJANG KE ARAH  
*Pensijilan*  
HOSPITAL MESRA IBADAH

1

6

HARI LAGI






**HOSPITAL MESRA IBADAH**  
Adalah dengan ini dipaparkan bahawa:  
**HOSPITAL KAJANG**  
adalah mematuhi kriteria pengiktirafan Hospital Mesra Ibadah, Kementerian Kesihatan Malaysia dengan peringkat 5 Bintang.



Tan Sri Datuk Seri Dr. Anwar Ibrahim 1st Deputy Menteri Kesihatan Malaysia  
Datuk Hj. Hasmah bin Mohd Yusoff 1st Deputy Menteri Kesihatan Malaysia

Tarikh: 23 November 2023  
Sah-sahabnya: 29 November 2023


No. 21/2023  
SMM 018







**PESIJILAN HMI**







**AKTIVITI UNIT HAL EHWAL ISLAM & JKHMI HOSPITAL KAJANG TAHUN 2023**



*Majlis*  
**Doa Selamat**  
Warga Kerja Hospital Kajang  
bersama Pengarah baharu  
**YBrs. Dr. Hj. Muhd Siv Azhar Merican bin Abdullah**  
17 MAC 2023 (JUMAAT) | 24 SYAABAN 1444H  
9.00 PAGI - 11.00 PAGI  
SURAU IBNU SINA, HOSPITAL KAJANG






### AKTIVITI UNIT HAL EHWAL ISLAM & JKHMI HOSPITAL KAJANG TAHUN 2023








Gotong Royong  
**Bubur Lambuk & Ziarah Perdana**  
RAMADAN 1444H




### AKTIVITI UNIT HAL EHWAL ISLAM & JKHMI HOSPITAL KAJANG TAHUN 2023




## Kenduri Aidiladha

HOSPITAL KAJANG 2023

Rewang • Makan • Bersilatullahim

04 Julai 2023 / 15 Zulhijjah 1444  
Tempat: Foyer Taska

**Aturcara 03/07/2023 (Isnin)**

12.00pm ..... Persiapan Lokasi  
3.00pm ..... Pra Persiapan (Rewang)

**Aturcara 04/07/2023 (Selasa)**

7.00am ..... Persiapan memasak  
8.30am ..... Mula memasak  
11.00am ..... Persiapan jamuan  
12.00pm ..... Jamuan bermula  
(Makan Kenduri di Lokasi)

Adukan:  
Jawatankuasa IHWI Hospital Kajang & Surau Ibnu Sina Hospital Kajang



**SERTAI IBADAH Qurban**  
@Hospital Kajang 1444 | 2023

**Maklumat Penyertaan Ibadah Qurban:**

Harga (1) Bahagian	RM800
Tarikh akhir bayaran	22 Jun 2023

Depositkan ke nombor akaun berikut:

IBNU SINA HOSPITAL KAJANG	Akaun: Unit Hal EHWAL Islam Hospital Kajang
12-092-01-0047713	IBNU SINA

\*Sehagian Qurban dari setiap peserta akan dimakan dan dihidangkan kepada semua kakitangan Hospital Kajang. Harapakala setengah seutuhnya lagi akan diadakan kepada orang yang memerlukan.

\*Minta berhubung dengan kakitangan:  
En. Shahri • 0122265629 • Ua. Firdus Plus • 0197330150




# UNIT PSIKOLOGI KAUNSELING

Unit Psikologi Kaunseling Hospital Kajang beroperasi sejak tahun 2002 bertujuan untuk memberikan perkhidmatan intervensi psikologi dan kaunseling kepada pesakit dan waris yang mendapatkan rawatan di Hospital Kajang.

Perkhidmatan psikologi kaunseling turut disediakan kepada kakitangan hospital yang memerlukan sokongan emosi, kesihatan mental dan motivasi. Selain daripada itu, program-program pembangunan personel dilaksanakan untuk mewujudkan pembangunan sendiri yang positif dalam kalangan kakitangan hospital.

Unit Psikologi Kaunseling Hospital Kajang mempunyai 2 orang anggota:

- 1) Puan Siti Maisurah Binti Mohd Ali - Pegawai Psikologi
- 2) Puan Ainaa Syahirah Binti Abd Rahman - Personel Mystep

## VISI

Memperkasa kesejahteraan insan dan komuniti melalui perkhidmatan psikologi kaunseling yang profesional

## MISI

Perkhidmatan psikologi kaunseling ini diberikan oleh pegawai yang kompeten, berkemahiran dan berdasarkan amalan berasaskan bukti terkini melalui perkhidmatan yang kondusif, terapeutik dan efektif

## OBJEKTIF

- Menyampaikan perkhidmatan psikologi kaunseling yang seragam dan holistik untuk kesejahteraan individu, organisasi dan komuniti
- Meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan Pegawai Psikologi (Kaunseling) secara berterusan
- Melaksanakan perkhidmatan berteraskan etika dan peruntukan perundangan yang berkaitan


## SKOP PERKHIDMATAN

Perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit, waris dan kakitangan hospital:



## STATISTIK PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

STATISTIK BILANGAN KES & BILANGAN SESI  
UNIT PSIKOLOGI KAUNSELING HOSPITAL KAJANG  
JANUARI - DISEMBER 2023



Carta bar merujuk kepada bilangan kes & bilangan sesi sepanjang 2023

### KPI

**KPI Smart Goal:** Pencapaian sekurang-kurangnya 75% daripada keseluruhan klien memenuhi matlamat kaunseling dengan skor 2 berdasarkan alat ukuran SMART GOA.

## AKTIVITI KUALITI

Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan peringkat Hospital Kajang diadakan pada 26 Oktober 2023 bertemakan “Minda Madani, Masyarakat Harmoni”.

Unit Psikologi Kaunseling Hospital Kajang melaksanakan pendekatan *Outreach Programme* kepada semua kakitangan Hospital Kajang dengan mengedarkan kad dan coklat beserta imbasan kod qr yang mempunyai tip dan maklumat kesihatan emosi dan psikologi.

Program ini menerapkan sokongan emosi dan menzahirkan penghargaan kepada seluruh kakitangan hospital.



# UNIT KEJURUTERAAN

Unit Kejuruteraan Operasi Hospital adalah berfungsi sebagai unit yang memantau Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) yang diuruskan oleh syarikat konsesi meliputi Sistem Penyenggaraan Kejuruteraan Fasiliti (FEMS), Sistem Penyenggaraan Kejuruteraan Biomedical (BEMS), Sistem Pengurusan Sisa Klinikal (HWMS), Perkhidmatan Pembersihan (CLS), Perkhidmatan Dobi & Linen (LLS) dan Servis Pengurusan Fasiliti (FMS).

## VISI

Mengawalselia Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) serta memberikan perkhidmatan kejuruteraan secara professional bagi memastikan kelancaran serta kesempurnaan operasi hospital

## MISI

Unit Kejuruteraan Operasi Hospital akan memastikan perkhidmatan yang berkualiti dengan:-

- Memantau dan menyelaras perkhidmatan fasiliti hospital, keadaan peralatan perubatan dan bukan perubatan, kebersihan, linen dan pelupusan sisa klinikal diurus dengan berkesan.
- Menjalankan pemeriksaan dan audit teknikal bagi semua system fasiliti hospital termasuk kemudahan asas dan awam.
- Memberikan khidmat nasihat teknikal secara professional berkaitan perkhidmatan kejuruteraan.
- Mewujudkan budaya kerja berpasukan dan bekerjasama di antara Unit Kejuruteraan Operasi di dalam negeri Selangor dan Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

## OBJEKTIF

- Memantau pelaksanaan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) bagi perkhidmatan FMS, FEMS, BEMS, CLS, LLS dan HWMS agar pelaksanaan mengikut perjanjian konsesi.
- Melindungi kepentingan KKM dan pengguna-pengguna hospital dengan memastikan keperluan di dalam perjanjian konsesi dipenuhi.
- Memastikan PSH yang diberikan oleh syarikat konsesi adalah berterusan, cekap dan selamat pengikut piawaian yang bersesuaian.
- Menjalankan pemeriksaan secara fizikal ke atas system, pemasangan loji dan peralatan jentera / mekanikal, elektrik dan biomedikal.
- Membantu menguruskan pengeluaran Sijil Perakuan Pelupusan (PEP) bagi peralatan jentera / mekanikal, elektrik dan biomedikal.
- Memberikan pendidikan dan latihan pengguna bagi mempertingkatkan pemahaman tentang PSH.

## SKOP PERKHIDMATAN

- Merancang program pemantauan Perkhidmatan Sokongan Hospital ke atas enam (6) perkhidmatan *Facility Management Services (FMS)*, *Facility Engineering Management Services (FEMS)*, *Biomedical Engineering Management Services (BEMS)*, *Cleansing Services (CLS)*, *Linen and Laundry Services (LLS)* dan *Healthcare Waste Management (HWMS)* yang dijalankan oleh Syarikat Konsesi di Hospital
- Merancang pelaksanaan aktiviti dibawah *Sustainability Programme (SP)* bagi *Energy Management (EM)*, *Indoor Air Quality (IAQ)* dan *Reduce, Reuse, Recycle (3R)*.
- Memberi khidmat nasihat berkaitan isu teknikal dan Perkhidmatan Sokongan Hospital.

## STATISTIK PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

- Peratus lawatan ke Engineering Plant Room (EPR) disemua pemasangan setiap tiga (3) bulan mencapai 100 peratus, terdapat 24 plant room secara keseluruhan.  
**Pencapaian: 100%**
- Peratusan laporan Sustainability Program (SP) ke atas aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan bagi tujuan tuntutan pembayaran kepada syarikat konsesi.  
**Pencapaian: 100%**
- Peratusan seliaan dan kehadiran mesyuarat yang melibatkan perkhidmatan sokongan hospital sama ada di peringkat hospital, JKNS dan KKM mengikut keperluan.  
**Pencapaian: 100%**
- Peratusan penyediaan brif, skop kerja serta menghadiri mesyuarat tapak dan teknikal bagi projek-projek pembangunan atau sinking fund di seluruh Hospital Kajang secara sebutharga, tender atau lantikan terus mengikut keperluan.  
**Pencapaian: 100%**
- Bilangan laporan Hospital Monthly Report (HMR) kepada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor  
**Pencapaian: 12/12**
- Peratus pengurusan, pemantauan dan melaksanakan MYSPATA (aset tak alih) di hospital mengikut keperluan.  
**Pencapaian: 100%**
- Bilangan laporan Deduction Assessment Report (DAR) dan Verification of Works Completion Certificates (VWC) untuk pembayaran kepada syarikat konsesi setiap bulan bagi enam (6) perkhidmatan yang diberikan  
**Pencapaian: 12/12**

- Bilangan semakan dan pengesahan dokumen Hospital Specific Implementation Plan (HSIP) bagi tahun yang berikut melibatkan 6 Perkhidmatan Sokongan Hospital.  
**Pencapaian: 1/1**
- Peratusan semakan dokumen permohonan Beyond Economic Repair (BER1), laporan teknikal (CA) dan seterusnya menyediakan laporan pemeriksaan Beyond Economic Repair (BER2) untuk aset-aset kerajaan dan sistem kejuruteraan mengikut keperluan.  
**Pencapaian: 100%**
- Peratusan penyediaan laporan keadaan atau laporan teknikal yang diperlukan sekiranya diarahkan oleh pihak hospital atau arahan ketua unit/jabatan  
**Pencapaian: 100%**
- Bilangan Mesyuarat Sustainability Program (SP)  
**Pencapaian: 3/3**
- Bilangan Mesyuarat Validasi diadakan bagi membuat penilaian pemotongan fi dan pengesahan pembayaran  
**Pencapaian: 12/12**
- Bilangan Mesyuarat Perkhidmatan Sokongan Hospital diadakan bagi membincangkan isu-isu berbangkit berkenaan Perkhidmatan Sokongan Hospital  
**Pencapaian: 12/12**
- Bilangan laporan penilaian prestasi (Company Performance Assessment) syarikat konsesi  
**Pencapaian: 4/4**
- Peratusan pelaksanaan uruselia bagi mesyuarat jawatankuasa kerja-kerja imbal balik serta membuat semakan harga yang dikemukakan oleh pihak konsesi bagi memastikan pelaksanaan kerja dapat berjalan dengan lancar mengikut keperluan.\*boleh juga dinyatakan dalam bentuk carta bar/ graf garisan  
**Pencapaian: 100%**

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

- Bengkel HSIP
- Bengkel Sustainability Programme (SP)
- Lawatan ke Medilaund dan Clinwaste di Teluk Panglima Garang

## AKTIVITI KUALITI

- Pelaksanaan Clinical Governance Round
- Lawatan ke Engineering Plant Room (EPR)



*Sesi Lawatan ke Clinwaste dan Medilaund di Teluk Panglima Garang*



*Sesi Taklimat Berhubung Green Building di Resort Villa Golf Course Berhad*

# UNIT KESELAMATAN

Unit Keselamatan bertugas memberi khidmat nasihat keselamatan perlindungan kepada Kerajaan Negeri, Kementerian, Jabatan dan agensi kerajaan dengan tujuan untuk membantu mengekalkan tahap keselamatan fizikal, keselamatan dokumen dan keselamatan personel di semua agensikerajaan yang ditetapkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa bagi melindungi terhadap espionaj dan sabotaj serta daripada kebocoran maklumat tanpa kebenaran daripada semua Jabatandan agensi Kerajaan.

## VISI

Memastikan keselamatan perlindungan terjamin sepanjang masa bagi mengelakkan pelanggaran keselamatan dengan memberi khidmat nasihat berkaitan sistem Kawalan Keselamatan Perlindungan dan Pengurusan Rahsia Rasmi Kerajaan berpandukan kepada peruntukan- peruntukan dalam Akta- akta berkaitan, Arahan Keselamatan, Arahan Tetap Sasaran Penting dan Surat- surat Pekeliling yang berkuatkuasa bagi dipatuhi, diambil tindakan pencegahan, pembetulan dan penambahbaikan secara berterusan.

## KEKUATAN ANGGOTA

Syarikat Dynamic GuardForce Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 977527-H) telah dilantik berkuatkuasa pada 27 Mac 2021 hingga 26 Mac 2024 (3 Tahun) di Hospital Kajang dan Syarikat Cisco Security Sdn. Bhd. Telah dilantik bagi perkhidmatan kawalan keselamatan di WCC selama 6bulan 1 Disember 2023 hingga 31 Mei 2024.

## SKOP PERKHIDMATAN

**Fungsi utama Unit Keselamatan, Hospital Kajang ialah:**

- Bertanggungjawab kepada Ketua Jabatan dan Pegawai Keselamatan Jabatan dalam memberikan khidmat nasihat bagi memastikan kesempurnaan tugas keselamatan perlindungan;
- Bertanggungjawab kepada Ketua Jabatan dan Pegawai Keselamatan Jabatan dalam melaksanakan dan memastikan kesempurnaan tugas operasi yang ditetapkan;
- Menasihati, membantu, memeriksa dan menyelaras semua aspek pengurusan dan kawalan keselamatan perlindungan fizikal yang merangkumi;
  - i. Akridetasi;
  - ii. Kawalan kunci;
  - iii. Kawalan akses;
  - iv. Sistem keselamatan;
  - v. Kelengkapan fizikal; dan
  - vi. Kelengkapan Pengawal Keselamatan.
- Menasihati, membantu, memeriksa dan menyelaras semua aspek pengurusan dan kawalan

keselamatan perlindungan, keselamatan dokumen, maklumat dan bahan;

- i. Pengelasan;
  - ii. Pengelasan semula;
  - iii. Penyimpanan;
  - iv. Pemeringkatan;
  - v. Pelupusan; dan
  - vi. Pengurusan fail
- Menasihat, membantu, memeriksa dan menyelaras semua aspek pengurusan dan kawalan keselamatan perlindungan peribadi yang merangkumi;
    - i. Perlantikan Pegawai Keselamatan Jabatan dan Penolong PegawaiKeselamatan Jabatan;
    - ii. Perlantikan Pegawai Pengelas di bawah Seksyen 2B, Akta Rahsia Rasmi1972;
    - iii. Mengenalpasti pemegang Jawatan Keselamatan Berjadual;
    - iv. Perakuan Akta Rahsia Rasmi 1972 (sedang berkhidmat dan meninggalkanperkhidmatan);
    - v. Tapisan keselamatan;
    - vi. Pemeriksaan penyalahgunaan dadah; dan
    - vii. Kempen kesedaran keselamatan.
  - Memastikan kelancaran pengurusan operasi dan tugas pengawal keselamatan.
  - Menasihat, membantu, memeriksa dan menyelaras semua aspek pengurusan dan kawalan keselamatan perlindungan peribadi yang merangkumi;
    - i. Perlantikan Pegawai Keselamatan Jabatan dan Penolong PegawaiKeselamatan Jabatan;
    - ii. Perlantikan Pegawai Pengelas di bawah Seksyen 2B, Akta Rahsia Rasmi1972;
    - iii. Mengenalpasti pemegang Jawatan Keselamatan Berjadual;
    - iv. Perakuan Akta Rahsia Rasmi 1972 (sedang berkhidmat dan meninggalkanperkhidmatan);
    - v. Tapisan keselamatan;
    - vi. Pemeriksaan penyalahgunaan dadah; dan
    - vii. Kempen kesedaran keselamatan.
  - Memastikan kelancaran pengurusan operasi dan tugas pengawal keselamatan.

## STATISTIK PENCAPAIAN PERKIDMATAN

### RINGKASAN DYNAMIC GUARFORCE SDN BHD

BIL	BULAN	JUMLAH PEMOTONGAN	JUMLAH PENUH
1.	JANUARI	RM 15,074.00	RM 166,098.00
2.	FEBRUARI	RM 5,670.00	RM 150,024.00
3.	MAC	RM 5,047.50	RM 166,098.00
4.	APRIL	RM 13,011.00	RM 160,740.00
5.	MEI	RM 7,063.50	RM 166,098.00
6.	JUN	RM 9,111.00	RM 160,740.00
7.	JULAI	RM 9,522.50	RM 165,330.00
8.	OGOS	RM 10,895.48	RM 166,098.00
9.	SEPTEMBER	RM 15,179.20	RM 191,952.00
10.	OKTOBER	RM 14,970.24	RM 198,350.40
11.	NOVEMBER	RM 15,391.44	RM 191,952.00
12.	DISEMBER	RM 3,435.92	RM 198,350.40

### RINGKASAN CISCO SECURITY SDN BHD

BIL	BULAN	JUMLAH PEMOTONGAN	JUMLAH PENUH
1.	JANUARI	-	-
2.	FEBRUARI	-	-
3.	MAC	-	-
4.	APRIL	-	-
5.	MEI	-	-
6.	JUN	-	-
7.	JULAI	-	-
8.	OGOS	-	-
9.	SEPTEMBER	-	-
10.	OKTOBER	-	-
11.	NOVEMBER	-	-
12.	DISEMBER	RM 7,846.80	RM 70,084.80

**RINGKASAN TEMPAHAN PARKIR HOSPITAL KAJANG**

BIL	BULAN	JUMLAH PERMOHONAN
1.	JANUARI	10
2.	FEBRUARI	15
3.	MAC	9
4.	APRIL	12
5.	MEI	16
6.	JUN	19
7.	JULAI	18
8.	OGOS	21
9.	SEPTEMBER	20
10.	OKTOBER	19
11.	NOVEMBER	18
12.	DISEMBER	14

**AKTIVITI 2023**

BIL	PERKARA	TARIKH / MASA / TEMPAT
1.	MESYUARAT KAWALAN KESELAMATAN BIL 1/2023	TARIKH : 13 JANUARI 2023 (JUMAAT) MASA : 10.00 AM TEMPAT : BILIK MESYUARAT ISO PENGURUSAN
2.	MESYUARAT KAWALAN KESELAMATAN BIL 2/2023	TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN) MASA : 03.00 PM TEMPAT : BILIK MESYUARAT PENGURUSAN
3.	MESYUARAT KAWALAN KESELAMATAN BIL 3/2023	TARIKH : 21 MAC 2023 (SELASA) MASA : 10.00 AM TEMPAT : BILIK MESYUARAT PENGURUSAN
4.	MESYUARAT KAWALAN KESELAMATAN BIL 4/2023	TARIKH : 14 APRIL 2023 (JUMAAT) MASA : 09.00 AM TEMPAT : BILIK MESYUARAT PENGURUSAN
5.	MESYUARAT KAWALAN KESELAMATAN BIL 5/2023	TARIKH : 18 MEI 2023 (KHAMIS) MASA : 11.00 AM TEMPAT : BILIK MESYUARAT PENGURUSAN

6.	MESYUARAT KAWALAN KESELAMATAN BIL 6/2023	TARIKH : 23 JUN 2023 (JUMAAT) MASA : 03.00 PM TEMPAT : BILIK MESYUARAT PENGURUSAN
7.	MESYUARAT KAWALAN KESELAMATAN BIL 7/2023	TARIKH : 15 JULAI 2023 (SELASA) MASA : 02.30 PM TEMPAT : BILIK MESYUARAT PENGURUSAN
8.	MESYUARAT KAWALAN KESELAMATAN BIL 8/2023	TARIKH : 15 OGOS 2023 (SELASA) MASA : 02.30 PM TEMPAT : BILIK MESYUARAT PENGURUSAN
9	MESYUARAT KAWALAN KESELAMATAN BIL 9/2023	TARIKH : 13 SEPTEMBER 2023 (RABU) MASA : 02.30 PM TEMPAT : BILIK MESYUARAT PENGURUSAN
10	MESYUARAT KAWALAN KESELAMATAN BI 10/2023	TARIKH : 12 OKTOBER 2023 (KHAMIS) MASA : 02.30 PM TEMPAT : BILIK MESYUARAT PENGURUSAN
11.	MESYUARAT KAWALAN KESELAMATAN BIL 11/2023	TARIKH : 17 NOVEMBER 2023 (JUMAAT) MASA : 03.00 PM TEMPAT : BILIK MESYUARAT PERPUSTAKAAN
12.	MESYUARAT KAWALAN KESELAMATAN BIL 12/2023	TARIKH : 29 DIDECEMBER 2023 (JUMAAT) MASA : 09.30 AM TEMPAT : BILIK MESYUARAT PENGURUSAN

# UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Unit Teknologi Maklumat di Hospital Kajang merupakan satu unit yang ditubuhkan di bawah Bahagian Pengurusan Hospital Kajang dan mula beroperasi pada awal tahun 1997. Unit ini diwujudkan bagi membantu pihak pengurusan Hospital Kajang dalam mengurus rangkaian, peralatan, sistem aplikasi, keselamatan, membantu dari segi teknikal berkenaan dengan ICT dan khidmat nasihat serta program ICT dari masa ke semasa bagi memperbaiki dan mempertingkatkan keberkesanan, kualiti dan produktiviti dalam sistem pentadbiran. Lokasi Unit Teknologi Maklumat terletak di Pejabat Pengurusan 2 Hospital Kajang.

## VISI

Ke arah memodenkan pentadbiran Hospital Kajang dengan teknologi ICT yang terkini untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti, cepat dan cekap serta melahirkan warga yang membudayakan ICT.


## MISI

Memastikan dan menyelaras penggunaan Teknologi Maklumat dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi membantu melancarkan perkhidmatan serta kemudahan ICT yang diberikan oleh Hospital Kajang.

## OBJEKTIF

- Memastikan pelaksanaan Sistem Teknologi Maklumat, Komunikasi Data dan Rangkaian Kawasan Setempat (LAN) dan Rangkaian Kawasan Luas (WAN) di Jabatan/Unit dan Wad berjalan dengan sempurna.
- Memastikan keselamatan asset Sistem Teknologi Maklumat, Komunikasi Data dan Rangkaian terjamin.
- Memastikan Dasar Keselamatan ICT KKM dilaksanakan.
- Memberi perkhidmatan helpdesk serta khidmat nasihat teknikal kepada semua peringkat pengguna
- Memberikan perkhidmatan penyelenggaraan ICT yang berkualiti
- Memastikan keselamatan terhadap sistem dan rangkaian ICT sentiasa terpelihara.

## CARTA ORGANISASI UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT, HOSPITAL KAJANG



## SKOP PERKHIDMATAN

- Menguruskan sistem, peralatan dan menjamin keselamatan ICT Hospital Kajang.
- Memantau dan menyelenggara rangkaian internet dan komputer rangkaian di Hospital Kajang agar berfungsi dengan baik.
- Menghubungi pihak *vendor* untuk menyelesaikan masalah peralatan rangkaian sekiranya berlaku kerosakan besar.
- Memberi khidmat nasihat dan sokongan teknikal ICT serta menyelaras aduan berkenaan ICT di Hospital Kajang agar semua masalah ICT dapat diselesaikan dengan berkesan.
- Memantau dan menyelenggara *server* di Hospital Kajang agar berfungsi dengan baik.
- Memberi latihan / kursus dan khidmat nasihat yang berkaitan dengan penggunaan sistem rangkaian hospital dan sistem aplikasi kepada pengguna.
- Merancang, menyelaras dan melaksanakan kursus, taklimat serta latihan pembudayaan ICT di Hospital Kajang supaya pendedahan mengenai ICT dapat disalurkan kepada semua kakitangan hospital.
- Memantau pengoperasian sistem yang digunakan di Hospital Kajang agar berfungsi dengan baik.
- Mengurus Laman Web Rasmi Hospital Kajang untuk memberi kemudahan kepada staf dan orang awam mengakses maklumat berkaitan dengan Hospital Kajang.

- Mentadbir penggunaan emel MyGovUC di Hospital Kajang agar penggunaan emel rasmi jabatan dapat digunakan dengan baik dan berkesan.
- Menyelaras, memantau dan memberi khidmat sokongan teknikal penggunaan sistem aplikasi Kerajaan Elektronik (eSPKB, HRMIS dan ePerolehan), Sistem Pengurusan Pesakit Dalam (SPPD), Sistem Pengurusan Pesakit (SPP) dan lain-lain sistem kepada pengguna.
- Memberi khidmat sokongan teknikal berkaitan majlis atau sambutan yang dilakukan di Hospital Kajang.

## STATISTIK

### STATISTIK ADUAN ICT

Berikut merupakan statistik aduan ICT bagi tahun 2022 dan 2023. Aduan yang diterima pada tahun 2022 adalah sebanyak 424, manakala aduan pada tahun 2023 adalah sebanyak 738.

Aduan ICT di Hospital Kajang dari tahun 2022 hingga 2023

Jenis Aduan / Tahun	2022	2023
Perkakasan	187	364
Perisian	19	66
Sistem	55	67
Rangkaian	83	148
Emel / Video Conference	79	65
Lain-lain	1	28
	<b>424</b>	<b>738</b>

Jumlah aduan ICT di Hospital Kajang dari tahun 2022 hingga 2023



## AKTIVITI & PENGLIBATAN

### Pengurusan Aduan ICT

Unit Teknologi Maklumat, Hospital Kajang memberi perkhidmatan teknikal ICT kepada staf yang menggunakan peralatan ICT dari masa ke semasa. Aduan yang diterima akan direkodkan ke dalam Fail

Aduan Kerosakan ICT dan tindakan yang dilaksanakan adalah seperti di dalam Polisi Unit Teknologi Maklumat.

Aduan kerosakan yang dilaporkan kepada Unit Teknologi Maklumat adalah seperti berikut:

Bil	Jenis Aduan	Justifikasi Aduan
1.	Perkakasan (Hardware)	<p>Melibatkan aduan daripada pengguna merangkumi kerosakan yang dikenalpasti iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Tetikus (<i>Mouse</i>)</li> <li>● Papan Kekunci (<i>Keyboard</i>)</li> <li>● Cakera Keras (<i>Hard Disk</i>)</li> <li>● RAM</li> <li>● Pencetak (<i>Printer</i>)</li> <li>● <i>Scanner</i></li> <li>● CPU</li> <li>● <i>Power Supply</i></li> <li>● <i>Network Card</i></li> <li>● <i>Monitor</i></li> <li>● <i>Power Cord</i></li> <li>● <i>Projector</i></li> </ul> <p>Terdapat juga unit-unit yang memohon set komputer baru bagi menggantikan set komputer yang lama.</p>
2.	Perisian (Software)	<p>Melibatkan aduan daripada pengguna merangkumi semua pemasangan perisian di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● <i>Microsoft Office (2013/2019/2021)</i></li> <li>● <i>Adobe Acrobat Reader</i></li> <li>● <i>Antivirus</i></li> <li>● <i>Web Browser (Mozilla, Chrome, Internet Explore dan sebagainya)</i></li> <li>● <i>Printer Driver</i></li> <li>● <i>Windows (XP, 7, 8 dan 10)</i></li> <li>● <i>Driver untuk Windows</i></li> </ul> <p>Terdapat juga aduan format keseluruhan sistem komputer.</p>
3.	Sistem	<p>Melibatkan aduan daripada pengguna merangkumi semua sistem di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Sistem SPP</li> <li>● Sistem SPPD</li> <li>● Sistem PHIS</li> <li>● Sistem RISPAC</li> <li>● Sistem iLab</li> <li>● Sistem Emel MyGovUC</li> <li>● Sistem PABX - (Telekomunikasi)</li> </ul>
4.	Rangkaian (Network)	<p>Melibatkan aduan daripada pengguna mengenai masalah rangkaian seperti di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● <i>IP Limited</i></li> <li>● Permohonan rangkaian internet yang baru/penambahan port internet.</li> <li>● Tiada <i>access</i> terhadap LAN</li> <li>● Kerosakan switch</li> <li>● Kerosakan kabel UTP</li> <li>● QMS</li> <li>● CCTV</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Telekomunikasi</li> </ul>
5.	Emel & Video Conference	Melibatkan aduan daripada pengguna mengenai masalah email dan video conference.
6.	Lain-lain	Melibatkan aduan mengenai masalah di luar skop kerja ICT.

Jumlah aduan yang dilaporkan sepanjang tahun 2023 mengikut kategori kerosakan.

Jenis Aduan / Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jumlah
Perkakasan	23	33	44	22	32	30	36	43	34	30	14	23	364
Perisian	3	4	14	7	4	6	7	8	7	4	1	1	66
Sistem	7	5	2	7	17	4	6	8	8	1	1	1	67
Rangkaian	16	8	8	13	11	8	7	11	27	11	16	12	148
Emel / Video Conference	0	0	0	0	7	4	9	7	7	7	13	5	65
Lain-lain	1	2	3	0	1	0	5	2	1	1	2	8	28
													738

### Pengurusan Penyelenggaraan Perakasan ICT

Berikut merupakan senarai syarikat penyelenggaraan yang telah dilantik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia mengikut kontrak sewaan/sewa beli komputer dan status aktif sehingga tahun 2023.

Bil	Nama Syarikat	Tempoh Sewaan / Sewa Beli	Bilangan Perakasan
1.	Micro Venture	1 Oktober 2022 hingga 31 Julai 2023	Komputer = 10 Unit
2.	Nissen	1 Disember 2019 hingga 31 Mac 2024	Komputer = 5 Unit Komputer Riba = 3 Unit
3.	Heritage Forte	7 Februari 2022 hingga 6 Jun 2025	Komputer = 1 Unit Komputer Riba = 3 Unit
4.	Micro Venture	1 November 2023 hingga 1 Oktober 2025	Komputer = 18 unit Printer Mono = 9 unit Printer 3 in 1 = 2 unit

Bagi komputer, pencetak, pengimbas dan perakasan ICT yang tidak didaftarkan di dalam kontrak penyelenggaraan adalah diselenggarakan oleh Unit Teknologi Maklumat, Hospital Kajang.

### Pengurusan Rangkaian Internet

Penyelenggaraan internet dilakukan sepanjang tahun 2023 adalah mengikut aduan yang diterima dan keperluan yang dimohon oleh pengguna. Antara aduan yang diterima adalah tiada sambungan internet pada komputer pengguna.

## Pengurusan Sistem

Unit Teknologi Maklumat mengurus beberapa sistem utama yang terdapat di Hospital Kajang ini. Antara sistem utama tersebut adalah:

- Sistem Pengurusan Pesakit (SPP)
- Sistem Pengurusan Pesakit Dalam (SPPD)
- Sistem PhIS
- Sistem Ilab
- Sistem Pengurusan Kejururawatan (Nursys)
- Sistem Dalam Hospital (Pengurusan)
- Sistem Pengurusan Rekod (Peminjaman BHT)

## Pengurusan Emel Jabatan – MyGovUC

Unit Teknologi Maklumat, Hospital Kajang juga berperanan sebagai Pentadbir Emel. Tugas utama adalah seperti berikut:

- Mendaftar dan mewujudkan akaun emel bagi pengguna yang tidak mempunyai emel jabatan atas kepentingan perkhidmatan.
- Menentukan pakej akaun yang layak diterima serta saiz storan yang sewajarnya diterima bergantung kepada kepentingan perkhidmatan.
- Menghapus akaun emel bagi akaun pegawai yang tidak aktif melebihi 90 hari, bersara atau meninggal dunia.
- Membantu pengguna yang baru berpindah masuk atau berpindah keluar dari Hospital Kajang dengan membuat log untuk pertukaran OU.
- Reset kata laluan bagi pemegang akaun emel yang lupa kata laluan.
- Mengemaskini rekod pemegang emel yang aktif dan memantau Tarikh penggunaan emel dari semasa ke semasa.

## Pengurusan Laman Web Hospital Kajang (<http://jknselangor.moh.gov.my/hkkg>)

Web Portal Hospital Kajang menggunakan versi Joomla 3.0 dan unit ini berperanan untuk mengemaskini 'patches' Joomla agar mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM dari semasa ke semasa.

Kandungan di dalam web portal Hospital Kajang akan dikemaskini sepanjang masa melibatkan fungsi-fungsi di bawah:


- Memasukkan info-info semasa berkaitan Hospital Kajang
- Mengemaskini info-info yang telah lama atau luput.
- Memasukkan aktiviti-aktiviti Hospital Kajang.

## Makmal ICT

Unit Teknologi Maklumat turut menyediakan makmal ICT sebanyak 8 unit komputer bagi kegunaan kakitangan Hospital untuk melakukan mesyuarat secara online, untuk mencetak bahan kerja, membuat carian maklumat secara online dan lain-lain.

## Penglibatan Unit Teknologi Maklumat

- Unit Teknologi Maklumat terlibat dengan aktiviti-aktiviti di dalam Hospital Kajang yang melibatkan sokongan teknikal, kemudahan ICT, khidmat nasihat secara teknikal, dan bantuan komunikasi.



HMF



Audit

- Unit Teknologi Maklumat di Hospital Kajang juga pernah menjadi host bagi Program Perhimpunan Bulanan untuk bahagian pengurusan hospital.
- Unit Teknologi Maklumat dalam peralihan pengurusan dari sistem manual ke sistem elektronik bagi rekod perubatan di Hospital Kajang melibatkan beberapa langkah penting dalam pengurusan Teknologi Maklumat (IT).



# DIREKTORAT PERUBATAN

# JABATAN PERUBATAN AM

Jabatan Perubatan Hospital Kajang telah beroperasi sejak tahun 1889 dan mempunyai perkhidmatan kepakaran pada tahun 1990. Struktur Jabatan Perubatan merangkumi beberapa sub-unit seperti:

1. Wad Perubatan Lelaki dan coronary care unit
2. Wad Perubatan Perempuan
3. Wad 9 - 20 katil
4. Marque Tent (ENZO) - 20 katil
5. Wad Isolasi (Wad 6)
6. Klinik Pakar Perubatan (MOPD)
7. Klinik Dada/TB
8. Klinik Penyakit Berjangkit
9. Klinik Endokrinologi dan Diabetes
10. Klinik Buah Pinggang (CKD)
11. Klinik Kulit
12. Pusat Sumber Diabetes
13. Unit Hemodialisis.

## KEKUATAN ANGGOTA Jabatan Perubatan

JAWATAN	BILANGAN	NAMA
KETUA JABATAN	1	Dr. Manohari Balasingam
PAKAR PERUBATAN AM	5	Dr Yuhanisa Ahmad Dr Aiu Jer Ling Dr IlmanAiman bin Ismail Dr Chong Poi Leng Dr Norainon Jariah Sohor
PAKAR NEFROLOGI	2	Dr Sadanah Aqashiah bte Mazlan Dr Nurul Izah Ahmad
PAKAR ENDOKRINOLOGI	2	Dr Elliyin Katiman Dr Hazwani Ismail
REGISTRA	10	
PEGAWAI PERUBATAN	38	

## Wad 2

Kategori staf	Wad 2
Jururawat U41	0
Ketua Jururawat U32	3
Jururawat U32 ( KUP )	1
Jururawat U32 ( TBK )	1
Jururawat U29	19
Jururawat U24	0

Jururawat U19	1
PPK U11	5

### Wad 3

Kategori staf	Wad 3
Jururawat U 41	1
Ketua Jururawat U 32	3
Jururawat U 32 ( KUP )	0
Jururawat U 32 ( TBK )	3
Jururawat U 29	23
Jururawat U 24	2
Jururawat U 19	0
PPK	5

### Wad 9

Kategori staf	Wad 9
Jururawat U41	1
Ketua Jururawat U32	1
Jururawat U32 ( KUP )	4
Jururawat U32 ( TBK )	3
Jururawat U29	4
Jururawat U24	0
Jururawat U19	2
PPK U11	4

### Klinik Pakar

BIL	JAWATAN	JUMLAH
1	Ketua Jururawat	1
2	KUP U32	0
3	TBK U32	3
4	Jururawat U32	0
5	Jururawat Masyarakat U24	3
6	Jururawat Masyarakat U19	0
7	PPK	0

## VISI

Menyediakan penjagaan dan perawatan kesihatan yang komprehensif dan berkualiti tinggi berdasarkan perubatan berasaskan bukti melalui kerjasama, peningkatan kesedaran dan pengetahuan untuk membolehkan pesakit:

- Mencapai sepenuh kemampuan kesihatan mereka.
- Menghargai kesihatan sebagai aset yang bernilai.
- Mengekalkan status kesihatan bagi menikmati kehidupan yang bermutu.

## MISI

Jabatan Perubatan akan menjadi sebuah jabatan yang:

- Memberi perkhidmatan kesihatan yang cekap dan memberi kepakaran yang tinggi, mengutamakan pesakit dan menghormati kemuliaan insan serta berkualiti sesuai dengan Pusat Rujukan Negara.
- Peka kepada penyelidikan dan perawatan berteknologi tinggi, memainkan peranan di dalam aspek pencegahan dan mempromosikan cara hidup sihat.

## OBJEKTIF

- Memberikan perkhidmatan perubatan dalaman yang berkualiti, kepakaran untuk pesakit dan pelanggan melalui kerja berpasukan serta mengamalkan sikap penyayang dan professional.
- Menyediakan suasana kerja yang memberi bimbingan dan panduan kerja klinikal pegawai-pegawai perubatan siswazah dan pelajar-pelajar siswazah yang menjalankan *attachment* untuk elective posting.
- Memastikan dan melengkapkan semua anggota dalam jabatan dengan pengetahuan dan kemahiran berterusan melalui CME/CNE supaya dapat memberikan perkhidmatan yang cekap, tepat dan selamat.
- Menyediakan latihan dalam bidang perubatan dalaman kepada pakar-pakar klinikal yang berminat dalam bidang perubatan dalaman dan juga latihan kepada pakar-pakar klinikal prawarta.
- Menyediakan latihan untuk pegawai-pegawai perubatan untuk melengkapkan diri supaya menghadapi peperiksaan postgraduate atau program sarjana dengan lebih yakin.
- Menggalakkan penyelidikan dan audit untuk memelihara dan meningkatkan mutu perkhidmatan perubatan dalaman.

## SKOP PERKHIDMATAN

- Perkhidmatan pesakit dalam
- Perkhidmatan pesakit luar
- Perkhidmatan harian (Daycare)
- Prosedur perubatan am dan subkepakaran

## Perkhidmatan Pesakit Dalam

- Wad 2 Lelaki dan Coronary Care Unit- (42 + 4 katil)
  - Wad 2 merupakan Wad Perubatan Lelaki dan CCU yang mempunyai 42 katil termasuk 6 katil di dalam isolasi untuk pesakit PTB/SARI dan 4 katil di bilik CCU.
- Wad 3 Perempuan – (42+4 katil)
  - Wad 3 merupakan Wad Perubatan Perempuan yang mempunyai 42 katil termasuk 4 katil di HDU dan 8 katil di kurbikel akut.
- Wad Stepdown (Wad 9 - 20 katil)
  - Wad 9 merupakan wad tambahan, mempunyai 20 katil. Kemasukkan pesakit di kira sebagai transfer in.

## Perkhidmatan Pesakit Luar (MOPD)

Klinik MOPD terletak dalam satu bangunan dua tingkat Bersama dengan unit pentadbiran dan pengurusan ditingkat atas bersebelahan dengan pejabat penyelia jururawat, Jabatan Radiologi dan pengimejan.

### JADUAL WAKTU KLINIK PAKAR PERUBATAN KLINIK PAKAR 2 HOSPITAL KAJANG


BIL	KLINIK	HARI/MASA	PERKARA/ JENIS KES	JUM. PESAKIT
1.	KLINIK PERUBATAN MOPD	ISNIN/8.00AM-2.00PM	KES ULANGAN	150 PESAKIT
		SELASA/8.00-1.00PM	KES BARU	70 PESAKIT
		RABU/8.00-200PM 2.00 -4.00PM	KES ULANGAN	150 PESAKIT
		JUMAAT/8.00-12.30AM	KES ULANGAN	60 PESAKIT
2	KLINIK DADA	KHAMIS/8.00-2.00PM	KES UNTUK MAKAN UBAT, APPT/TCA, AMBIL DARAH	30 PESAKIT
		JUMAAT/8.00AM-1.00PM MINGGU KE TIGA (1 BULAN SEKALI)	KES BARU DAN ULANGAN	60 PESAKIT
4	SMBG KLINIK (DMTAC)	KHAMIS/ 2.00PM-5.00PM	KES ULANGAN	15 PESAKIT
5.	WAFARIN KLINIK(WTAC)	RABU/2.00PM- 5.00PM	KES ULANG /KES BARU	10 PESAKIT
6.	KLINIK I/D	SELASA / 2.00PM- 5.00PM	KES ULANGAN DAN BARU	30 PESAKIT
		KHAMIS/ 2.00-5.00PM		
7.	CKD	KHAMIS / 8.00 -1.00PM SETIAP MINGGU	KES BARU DAN ULANGAN	40 PESAKIT
8.	PRE DIALYSIS /RRT	SELASA/2.00 – 5.00PM	BARU	20 PESAKIT

TALK	SETIAP MINGGU		
9.	KLINIK THALASAEMIA	KHAMIS / 2.00PM-5.00PM	KES BARU DAN ULANGAN 15 ORANG

**JADUAL WAKTU KLINIK PAKAR PERUBATAN  
KLINIK PAKAR 2 HOSPITAL KAJANG**

BIL	KLINIK	HARI/MASA	PERKARA/JENIS KES	JUM. PESAKIT
1.	ENDOCRINE	SELASA/8.00 - 1.00PM	KES RUJUKAN DAN ULANGAN	20 PESAKIT
2.	DIABETIS	ISNIN/2.00 – 5.00 PM MINGGU KE 2,3,4	KES RUJUKAN DAN ULANGAN	30 PESAKIT
3.	KAUNSELING DRC	RABU MINGGU 2,3,4 8.00AM- 1.00PM	KES RUJUKAN DAN ULANGAN	10 PESAKIT
4.	KLINIK COMBINE (O&G KLINIK)	ISNIN MINGGU PERTAMA 8.00AM-1PM	KES RUJUKAN DAN ULANGAN	50 PESAKIT
5.	PROSEDUR ENDOCRINE (SMRP)	MINGGU PERTAMA -RABU ATAU KHAMIS	KES RUJUKAN DAN ULANGAN	10 PESAKIT
6.	KLINIK REHABILITASI	ISNIN/ 2.00-5.00PM MINGGU KE 2	KES ULANGAN DAN BARU	20 PESAKIT

**STATISTIK PENCAPAIAN PERKHIDMATAN**







**JUMLAH KATIL DISPLIN PERUBATAN MENGIKUT WAD**

WAD 2	WAD 3	WAD 9
42	42	20

## WAD 2 (WAD PERUBATAN LELAKI / CCU)



Graf menunjukkan jumlah pesakit di Wad 2 pada tahun 2022 dan tahun 2023:







### WAD 3 (WAD PERUBATAN PEREMPUAN)


Graf menunjukkan jumlah pesakit di Wad 3 dan lodgers pada Tahun 2022 dan Tahun 2023:





## WAD 9 (WAD PERUBATAN MULTIDISPLIN)



Graf menunjukkan jumlah pesakit di Wad 9 pada tahun 2022 dan tahun 2023:







## KLINIK PAKAR PERUBATAN

- KLINIK PAKAR PERUBATAN 1:



### • KLINIK DERMATOLOGI:

Klinik Dermatologi hanya beroperasi sebulan sekali iaitu setiap Jumaat minggu ketiga setiap bulan. Klinik ini dikendalikan oleh seorang Pakar Dermatologi dari Hospital Sultan Idris Shah dengan bantuan seorang pegawai perubatan dari Jabatan Perubatan dan seorang Jururawat Masyarakat dari Klinik Pakar. Pesakit yang dirujuk dari wad juga akan dilihat oleh Pakar Dermatologi pada hari klinik. Untuk sebarang prosedur, pesakit akan dirujuk ke Klinik Dermatologi Hospital Sultan Idris Shah.



### • KLINIK ID


Klinik ID, terletak bersama dengan Klinik Dada Hospital Kajang. Klinik ini dikendalikan 2 orang ID kaunselor Kup Intan Syafinah Mohamad & Kup Haslida Mokhtar. Klinik ini turut menerima kedatangan Pakar ID *visiting* dari Hospital Sg Buloh setiap khamis. Tahun 2023 Klinik Id turut menyediakan rawatan Hepatitis C. Klinik ini juga dijadikan tempat pembelajaran praktikal bagi pelajar Pos Basic Pengkhususan Hiv & Aids Kaunseling dari Institut Latihan kkm sg buloh.

#### Perkhidmatan yang di sediakan :


1. Menerima kes baru yang dirujuk dari Klinik Swasta / Hospital dan NGO
2. Menerima kes yang dirujuk dari Klinik Kesihatan yang memerlukan khidmat nasihat dari Pakar ID.
3. Kaunseling HIV (*Basic* kaunseling bagi kes baru, *Pre HAART* Kaunseling, *Post HAART* Kaunseling, HAART kaunseling, Kaunseling keluarga, Kaunseling Pra-perkahwinan)
4. Saringan Tanpa Nama
5. *Adherence Clinic* untuk kes banduan setiap Isnin pagi diurus oleh ID Kaunselor
6. *Wellness Clinic* setiap hari Rabu diurus oleh ID Kaunselor
7. *Virtual Clinic* hari jumaat diurus oleh ID Kaunselor
8. Menguruskan dan beri kaunseling untuk kes Hepatitis C
9. Kes needle stick injury / splash injury di kalangan kakitangan Hospital Kajang
10. Pemberian Nebulizer Pethamidine untuk kes allergic *Bactrim*.
11. Pemberian suntikan IM benzypenicillin
12. Pengambilan darah CD4, *viral load*, HLA dan rutin.
13. Kemaskini data base /MY HIVCC (HIV Cascade) dan KPI

Jadual Aktiviti Di Klinik ID:

8am - 11am	11am - 1.00pm	1.00pm- 2.00pm	Hari / Masa	2.00PM- 5.00PM
PENGAMBILAN DARAH	"ADHERENCE CLINIC" & SARINGAN TANPA NAMA	REHAT	ISNIN	MELAWAT PESAKIT DI WAD/KEMASKINI FAIL
PENGAMBILAN CD4 DAN VIRAL LOAD	PENGAMBILAN CD4 DAN VIRAL LOAD	REHAT	SELASA	SESI KLINIK
"WELLNESS CLINIC	SUNTIKAN & KEMASKINI DATABASE	REHAT	RABU	MELAWAT PESAKIT DI WAD / KEMASKINI FAIL
PENGAMBILAN DARAH HLA & KLINIK DADA BEROPERASI	RODAAN BERSAMA PAKAR ID DI WAD	REHAT	KHAMIS	SESSI KLINIK
8.00am-10.00am	10.00am – 12.15am	12.15am - 2.45pm		2.45pm-5.00pm
NEBULIZER PENTHAMIDINE	VIRTUAL CLINIC & SARINGAN TANPA NAMA	REHAT	JUMAAT	KEMASKINI DATABASE



**JUMLAH PESAKIT YANG MENERIMA  
 Highly Active Anti-Retroviral Therapy  
 (HAART) Bagi Tahun 2023**




• **KLINIK DADA “CHEST CLINIC”**


Klinik Dada, terletak bersama dengan Klinik ID Hospital Kajang. Klinik dada beroperasi setiap hari Isnin – Jumaat, dan Klinik Dada aktif pada setiap hari. Klinik Dada dikendalikan oleh Pengelola TB: Tbk Rosezanaazila Binti Muslan bersama PPP Farihin .

AKTIVITI YANG DIJALANKAN DI KLINIK DADA

1. Menerima kes baru, kes rujukan dari Klinik Kesihatan berhampiran
2. Melakukan prosedur ujian tuberculin bagi pesakit dan kakitangan Hospital setiap hari Selasa dan Jumaat
3. Pengambilan darah
4. Menghantar reten bulanan bagi pesakit baru dan ulangan ke pejabat rekod sebelum 5 hb setiap bulan
5. Menghantar reten saringan kumpulan berisiko ke JKNS setiap bulan sebelum 5 hb setiap bulan
6. Melakukan prosedur “lung function test” setiap hari Isnin dan Jumaat
7. Memberi kaunseling tibi kepada pesakit sebelum discaj
8. Memantau pesakit makan ubat tibi setiap hari (DOTS)
9. Mengemaskini data online dalam Mytb
10. Mengendalikan pesakit defaulter dengan menghubungi pesakit 3 kali. Jika masih tidak hadir menghantar borang 10d untuk tindakan oleh pihak pejabat kesihatan daerah (PKD)
11. Memberi temujanji pesakit
12. Menguruskan mesyuarat bagi kes-kes kematian tibi

**JUMLAH KEDATANGAN PESAKIT TIBI  
 DI KLINIK DADA  
 2022 DAN 2023**





## AKTIVITI

### Morning Pass Over

Akan diadakan pada hari Khamis. Semasa sesi ini, sebarang maklumat terkini akan disampaikan secara terus oleh Ketua Jabatan dan pakar-pakar yang berkenaan. Selain daripada itu, kes-kes dari wad yang perlu mendapat pandangan pakar akan dibincangkan semasa sesi ini.

Selain daripada itu, masalah masalah berbangkit akan turut dibincangkan dalam sesi ini. Setiap wakil dari pelbagai katogeri akan mengemukakan masalah yang dihadapi dan masalah tersebut akan dibincangkan bersama. Masalah yang biasanya dibincangkan bersama ialah:

- 1) Masalah di wad/klinik
- 2) Masalah Doktor Pelatih
- 3) Aduan
- 4) Kes bermasalah di wad



### Mesyuarat Jabatan

Mesyuarat peringkat jabatan pada tahun 2023 dijalankan sebanyak empat kali mengikut tarikh-tarikh berikut:-

- 30/01/2023
- 01/08/2023
- 10/10/2023
- 12/12/2023



### Kursus Medical Update

Kursus ini diadakan pada 8 haribulan September 2023. Peserta-peserta terdiri daripada pegawai-pegawai perubatan dari jabatan perubatan dan dari lain-lain jabatan. Kursus ini mendedahkan pengetahuan tentang pengurusan-pengurusan terkini penyakit tertentu untuk diaplikasi kepada pesakit.

### CME

Sesi CME diadakan pada hari Selasa dan Khamis diantara jam 1 tengahari hingga 2 petang bertempat di Klinik Pakar Perubatan. Semasa sesi ini berjalan, para doktor didedahkan dengan informasi terkini tentang sesuatu penyakit ataupun ubat-ubatan.

### Perhimpunan Bulanan

Perhimpunan Bulanan yang dihoskan oleh Jabatan Perubatan telah diadakan pada 26 haribulan Julai 2023.



## Jamuan Perayaan

*Sambutan Hari Raya*



*Sambutan Tahun Baru Cina*



- ✚ Lawatan ke Hospital Cyberjaya @ 10/09/2023
- ✚ Lawatan ke Hospital Rehab Cheras pada 7/6/2023
- ✚ Pembentangan poster di 'Annual Scientific Congress 2023 Acute medicine' pada 17-19/11/2023.

# UNIT NEFROLOGI

Unit Hemodialisis Hospital Kajang telah ditubuhkan pada tahun 1998. Pada mulanya, ia diselia oleh seorang Penyelia U32; manakala Pakar Nefrologi dari Hospital Serdang akandatang bagi memantau proses kerja di Hospital Kajang.

Seorang Pakar Nefrologi “in house” iaitu Dr. Sadanah Aqashiah binti Dato’ Mazlan kemudiannya mengisi jawatan tersebut di Hospital Kajang pada Februari 2015. Seterusnya pada tahun 2018, Unit CAPD telah ditubuhkan dan dengan itu, secararasminya nama Unit Hemodialisis telah ditukarkan kepada **Unit Nefrologi**. Pada tahun yang sama juga, klinik CKD yang sebelum ini dikendalikan oleh staf dari MOPD, telah diambil alih sepenuhnya oleh staf dari Unit Nefrologi.

Pertambahan Unit Transplan Nefrologi pada Unit Nefrologi yang sedia ada bermula pada tahun 2020 di mana pesakit buah pinggang tahap akhir dan penderma yang berpotensi akan menjalani ujian – ujian saringan, bagi menentukan kesesuaian pendermaan buah pinggang sebelum dirujuk ke Pusat Koordinasi Transplan di HKL. Pada masa yang sama, *Clinical Research Unit* (CRU) di Unit Nefrologi diwujudkan bagi tujuan kajian penyelidikan dalam dan luar negara.

## PERKHIDMATAN & PENJAWATAN DI UNIT NEFROLOGI MENGIKUT TAHUN

TAHUN	2015			2018			2020-2022		
	MANAGER	MA	SN	MAN	MA	SN	MAN	MA	SN
<b>ACUTE HD</b>	1	4	4	1	4	2	2	4	2
<b>CHRONIC HD</b>									
<b>CKD CLINIC</b>	Staf gunasama dari MOPD			0		1			1
<b>CAPD</b>				1		1	1		2
<b>SPECIAL PROCEDURE/OT</b>									
<b>TRANSPLANT UNIT</b>									
<b>CLINICAL RESEARCH NEPHRO UNIT</b>									
<b>JUMLAH STAFF</b>	9			10			12		

**JUMLAH STAF SEDIA ADA DAN KEKOSONGAN STAF DI UNIT NEFROLOGI**

JAWATAN STAFF	STAF SEDIA ADA (TAMBAHAN STAF YANG DIPERLUKAN)
PAKAR NEFROLOGI	1 (+1)
PAKAR PERUBATAN	0 (+1)
PEGAWAI PERUBATAN	2 (+2)
MANAGER	2 (+1)
PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN	5 (+2)
JURURAWAT TERLATIH	6 (+2)
PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN	4 (+1)
JUMLAH SEDIA ADA (TAMBAHAN YANG DIPERLUKAN)	20 (+10)
<b>JUMLAH SEBENAR YANG DIPERLUKAN</b>	<b>30</b>

## VISI

Menyediakan dan memberikan perkhidmatan dialisis mengikut perkembangan teknologi semasa yang berkesan.

## MISI


Memberi perkhidmatan yang selamat dan berkualiti.

## OBJEKTIF

- Memberi perkhidmatan hemodialisis dan dialisis peritoneum yang telah ditetapkan agar pesakit yang mengalami masalah kegagalan buah pinggang kronik dapat menjalani kehidupan harian yang lebih baik.
- Memberi perkhidmatan hemodialisis bagi pesakit di dalam wad pesakit kegagalan buahpinggang akut.


## SKOP TUGAS & STATISTIK

### CARTA PERKHIDMATAN UNIT NEFROLOGI




### ASET-ASET UNIT NEFROLOGI

KATEGORI MESIN	JUMLAH	PENEMPATAN	KEGUNAAN
Mesin Hemodialisis	18	Unit Nefrologi	Untuk kegunaan dialisis pesakit tetap kronik dan akut yang stabil di Unit Nefrologi
Mesin Hemodialisis	6	Wad 1,2,3,4, ICU	Untuk kegunaan dialisis pesakit yang tidak stabil untuk dialisis di Unit Nefrologi
Mesin RO (20 points)	1	Unit Nefrologi	Untuk menghasilkan air RO bagi kegunaan hemodialysis
Mesin RO (portable)	5	Wad 1,2,3 & ICU	
Mesin Peritoneal Dialysis	2	Unit Nefrologi	Untuk kegunaan pesakit PD di dalam wad
Mesin CRRT	2	ICU	Untuk kegunaan pesakit kritikal di ICU yang memerlukan rawatan dialisis
Mesin USG Mindray	1	Unit Nefrologi	Untuk kegunaan pemasangan kateter, pengimejan buah pinggang dan prosedur biopsy



### PESAKIT LUAR KLINIK NEFROLOGI DI KPP2 (DI LUAR UNIT NEFROLOGI)



Klinik Nefrologi telah dibahagikan kepada 2 sesi, iaitu pada setiap hari Selasa (pra- dialisis) dan Khamis

(klinik CKD). Pada awalnya, Klinik Nefrologi dikendalikan oleh staf MOPD, walau bagaimanapun bermula tahun 2018 Pakar Nefrologi telah memutuskan agar klinik-klinik tersebut dikendalikan sepenuhnya oleh staf Nefrologi. Justeru itu, seorang jururawat ditugaskan bagi tujuan menyelia dan dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Perubatan atau Jururawat secara berjadual.





Staf Kajian dan Penyelidikan Unit Nefrologi



## KES RAWATAN HARIAN UNIT NEFROLOGI

Kemasukan pesakit kronik hemodialisis adalah berpandukan senarai *center slot*. Pada Disember 2022, jumlah pesakit kronik (negatif) di *Unit Nefrologi* adalah seramai 45-46 orang dan pesakit hep C positif adalah seramai 8 orang. Ini bermakna kedua-dua slot (negatif dan hepatitis C) **adalah penuh**.

Graf menunjukkan jumlah rawatan hemodialysis yang dilakukan di Hospital Kajang pada setiap tahun. Anggaran 12 ke 14 kali rawatan / sebulan di dalam Unit Nefrologi.




Jumlah pesakit CAPD adalah di antara 45-50 orang pada satu masa, dan ini adalah jumlah yang maksima bagi Hospital Kajang disebabkan oleh kekangan bilangan staf dan bajet. Tidak seperti rawatan hemodialisis (dialisis darah) yang dilakukan di Pusat Hemodialisis, rawatan CAPD ini adalah unik kerana ia adalah rawatan dialisis air yang dilakukan oleh pesakit sendiri di rumah (*selfcare*).




*Sesi Pembelajaran antara Staff dan Pesakit CAPD sebelum dibenarkan melakukan rawatan di rumah sendiri*

## RAWATAN HARIAN - PROSEDUR



Terdapat penurunan yang ketara bagi prosedur utama pada tahun 2020-2022 yang disebabkan oleh pandemik COVID-19. Ini kerana Unit Nefrologi telah menghadkan bilangan prosedur yang boleh dilakukan bagi mengurangkan kontak penyebaran COVID 19. Ia juga bagi mengurangkan kemasukan kes-kes elektif prosedur ke dalam wad untuk memberi laluan kepada kemasukan pesakit-pesakit yang lebih memerlukan. Ia juga bagi mengurangkan kemasukan kes-kes elektif prosedur ke dalam wad untuk memberi laluan kepada kemasukan pesakit-pesakit yang lebih memerlukan.

**JUMLAH BILANGAN PROSEDUR LAIN**



*Prosedur Tenckhoff Catheter pertama di OT Major, Kajang Hospital, dibantu oleh Prof Goh Bak Leong (Pakar Perunding Nefrologi Senior, Hospital Serdang, September 2017. Sebelum prosedur ini diperkenalkan di Hospital Kajang, Pakar Nefrologi bersama 2 orang staff Unit Nefrologi telah menjalani latihan sangkut di HospitalSerdang selama 3 bulan*



*Prosedur Kidney Biopsy oleh Pakar Nefrologi, Dr. Sadanah Aqashiah di bilikprosedur, Unit Nefrologi*



*Prosedur Tenckhoff Catheter di OT Minor*


### SPECIAL PROCEDURES (Highly Specialised Technique)

Semenjak tahun 2015, beberapa rawatan khas telah diperkenalkan di Unit Nefrologi Hospital Kajang. Antara perkhidmatan tersebut ialah *Continuous Renal Replacement Therapy (CRRT)*. Dengan menggunakan *citrate anticoagulant (RCA)*, *Plasma Exchange(PEX/DFPP)* dan *Lipid Apheresis*. Rawatan kes *CRRT* adalah khusus untuk pesakit kritikal yang memerlukan rawatan dialisis selama 24-72 jam di ICU. Hospital Kajang merupakan antara beberapa hospital yang menggunakan *citrate anticoagulant* secara aktif semenjak tahun 2019. Ini adalah satu pencapaian yang membanggakan kerana unit ini dapat menjalankan rawatan tersebut secara konsisten dan mempunyai jumlah pesakit tertinggi di Malaysia setakat ini.

Selain itu, penggunaan *plasma exchange* dan *double filtration plasmapheresis (PEX/DFPP)* juga dijalankan di Hospital Kajang. Rawatan ini adalah rawatan pertukaran plasma darah bagi kes-kes seperti *thrombocytopenic thrombotic purpura (TTP)*, *Resistant Autoimmune Disease* dan lain-lain.

*Lipid Apheresis* juga antara rawatan yang pernah dilakukan di Hospital Kajang di mana ia melibatkan seorang ibu yang mempunyai masalah genetik dalam penghasilan *lipid (Homozygous Familial Hypercholesterolemia)*. Sebanyak 56 sesi *Lipid Apheresis* telah dijalankan sepanjang

kehamilan beliau bagi mengelakkan komplikasi *cardiovascular* semasa dan selepas kelahiran anak. Kaedah *Lipid Apheresis* adalah sama dengan kaedah *Plasma Exchange*, tetapi dengan menggunakan *filtration* yang berbeza. *Lipid Apheresis* adalah sangat jarang dilakukan di dunia, kerana kes seperti ini juga adalah jarang-jarang ditemui. Setakat ini, Hospital Kajang adalah satu-satunya hospital yang berpeluang untuk merasai pengalaman menjalankan rawatan *Lipid Apheresis* di Malaysia.




23/Malay lady/G1P0 @ 12/52 POA, a known case of HoFH. Came with acute pancreatitis. Regular PEX was done 2x/52 until delivery. Every session costed RM1200 and the estimated cost of the whole PEX was RM67,000.00.

(Molecular Absorbent Recirculating System - MARS) untuk pesakit kegagalan hati akut 42 year old /lady; admitted for dengue shock with multiorgan failure. MARS therapy and CRRT was started due to acute liver and kidney failure. Her condition and blood parameters were improving, she was extubated but unfortunately she succumb after 1 month hospitalization due to severe hospital acquired pneumonia



## RENAL TRANSPLANT

### KES RENAL TRANSPLANT UNIT NEFROLOGI HOSPITAL KAJANG 2018-2022



Semenjak tertubuhnya Unit Transplan Nefrologi pada tahun 2018, Unit Transplan Nefrologi secara aktifnya telah mengendalikan saringan ujian darah, urin dan pengimejan bagi penderma dan penerima buah pinggang dalam menentukan kesesuaian pendermaanorgan sebelum pasangan tersebut dirujuk ke Pusat Koordinasi Transplan, HKL.

Target bagi pasangan yang berjaya di dalam pendermaan buah pinggang adalah mengikut kepada bilangan Pakar Nefrologi pada sesebuah hospital. Ini bermaksud bagi Hospital Kajang, target pencapaian Unit Nefrologi adalah mengikut nisbah 1 kes: 1 Pakar Nefrologi (tercapai).

Terdapat peningkatan jumlah calon pada tahun 2022. Hal ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran orang awam, khususnya dalam kalangan ahli keluarga mengenai rawatan pemindahan buah pinggang telah semakin meningkat.

Pasangan Pemindahan Buah Pinggang  
(Living Related Kidney Transplant-suamikepada isteri)  
yang berjaya dijalankan



## KPI UNIT NEFROLOGI


UNIT	KPI	TAHUN	TARGET	PENCAPAIAN
KLINIK	Peratusan waktu menunggu pesakit luar berjumpa doktor di klinik 90 minit	2018-2012	90%	Tercapai
HD	Peratusan pesakit hemodialisis yang mencapai KT/V 1.2	2018-2012	85%	Tercapai
CAPD	Peratusan pesakit CAPD menghidapi PD peritonitis	2018-2012	4%	Tercapai

## DATA KAJIAN PENYELIDIKAN

Unit Nefrologi adalah salah satu unit yang aktif dengan kajian penyelidikan. Bentuk penyelidikan yang dijalankan melibatkan kajian dan laporan kes tempatan, juga melibatkan kajian melalui kolaborasi dari luar negara (ISR). Semenjak tahun 2018 hingga 2022, kajian penyelidikan di Unit Nefrologi telah melibatkan sebanyak 22 kajian di mana 14 adalah dari dalam negara, dan 8 dari luar negara.

BIL	NAMA KAJIAN	LOKAL	LUAR NEGARA
1	Thrombotic Thrombocytopenic Purpura: Local experience	2017	
2	Epidemiology and Outcomes of Community Acquired Vs Hospital Acquired AKI in HKJ	2018	
3	Hospital Acquired AKI Incidence and It's Outcome in Geriatric patients admitted in HKJ	2018	
4	Severe Dengue Requiring CRRT in Intensive Care Unit in District Hospital	2019	
5	A Short Term Outcome After Initiation of CRRT in Patients admitted to ICU, HKJ	2019	
6	Methanol Intoxication, a case report	2019	

7	Demographics of patients attending Pre-renal Replacement	2019	
8	Prevalence of Cardiovascular Disease in CKD in a District Hospital	2019	
9	Quality Initiative Towards Zero Catheter Infection in Dialysis, Selangor	2019	
10	The successful HCV Treatment & Subsequent Isolation Practice patterns in HD Unit	2019	
11	A Multicentre International - <b>EMPA-KIDNEY TRIAL</b>		2019-2025
12	Aldosterone Blockade for Health Improvement Evaluation in ESRD - <b>ACHIEVE TRIAL</b>		2020-2024
13	Randomised Controlled Trial of Efepoeitin Alfa vs Mircera - <b>GXE TRIAL</b>		2020-2022
14	Randomized Evaluation of Sodium Dialysate levels of Vascular Events - <b>RESOLVE TRIAL</b>		2020-2023
15	Treatment of CVD with low dose Rivaroxaban in Advanced CKD - <b>TRACK TRIAL</b>		2020-2025
16	A Prospective study for Sofosbuvir & Daclatasvir with or without Ribavirin (RBV) in chronically infected HCV patients with ESRD - <b>HECTOR TRIAL</b>		2020-2023
17	Flavobacterium Meningosepticum/Elizabethkingia Meningosepticum Peritonitis	2021	
18	Ertapenem Induced Neurotoxicity In ESRD Patient in Intermittent HD	2021	
19	Perception Of Contrast Induced Nephropathy Among Healthcare Workers In Medical HKJ	2021	
20	Demographic Characteristics & Outcomes of PD in HKJ	2021	
21	RCT To Evaluate the Safety and Efficacy of AT-1501 in Patients with Ig A Nephropathy - <b>ELEDON TRIAL</b>		2022-2025
22	RCT to investigate the efficacy and safety of FINERENONE, in addition to standard of care, on the progression of CKD in Non-diabetic CKD - <b>FIND CKD TRIAL</b>		2022-2025



## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

AKTIVITI DALAMAN		
1	BENKEL CKD	1-2 KALI SETAHUN
2	REFRESHER COURSE FOR CRRT HANDLING	1-2 KALI SETAHUN
3	CME DALAMAN	1-2 KALI SEBULAN
4	CAPD REFRESHER TRAINING	1 KALI SETAHUN
AKTIVITI LUARAN		
1	ADMAN PARAMEDIC COURSE – HAEMODIALYSIS COURSE	1 KALI SETAHUN (KURSUS WAJIB TAHUNAN)
2	MALAYSIA SOCIETY OF NEPHROLOGY MASTERCLASS	1 KALI SETAHUN
3	KURSUS CAPD (CAPD MASTERSKILL)	1 KALI SETAHUN
4	CRRT COURSE	1 KALI SETAHUN



*Kursus CRRT untuk staf Nefrologi*



*CME Dalaman Unit Nefrologi*

# UNIT ENDOKRIN

Perkhidmatan subkepakaran Endokrinologi, Jabatan Perubatan, Hospital Kajang telah ditubuhkan pada bulan Mac 2018. Sejak penubuhan, unit ini telah memperluaskan perkhidmatan secara berperingkat bermula dengan hanya 1-2 klinik seminggu pada tahun 2018 kepada 7 klinik pada tahun 2023.

## VISI

Ke arah perkhidmatan endokrinologi yang berkualiti dan cemerlang.

## MISI

Memperkasakan perkhidmatan endokrinologi menerusi pendidikan, pencegahan, saringan dan pemberian rawatan yang optima dan bermutu tinggi.

## OBJEKTIF

- Membuat saringan diagnostik, siasatan serta perawatan pesakit yang mempunyai masalah penyakit metabolik, pertumbuhan, kelenjar tiroid, kelenjar adrenal, kelenjar pituitary, masalah gangguan haid dan fertiliti, masalah akil baligh dan gangguan kalsium dan tulang seperti osteoporosis untuk pesakit yang tinggal berhampiran Hospital Kajang.
- Menyambung rawatan pesakit endokrin yang sebelum ini dirawat di hospital tertiar untuk rawatan susulan kepakaran endokrinologi di Hospital Kajang.
- Merawat dan memberi fokus perawatan pesakit Diabetes Type 1, LADA, MODY, young T2DM serta pesakit T2DM yang kompleks dan berkomplikasi
- Merawat pesakit endokrin yang kompleks yang dirujuk oleh klinik pakar perubatan am dan klinik kesihatan berhampiran.

## SKOP PERKHIDMATAN

### 1. Perkhidmatan pesakit dalaman

- menerima rujukan pesakit diabetes dan endokrin daripada semua jabatan klinikal termasuk dari wad kecemasan di Hospital Kajang
- membantu membuat ujian saringan diagnostik dan 'endocrine dynamic test'
- merawat pesakit 'endocrine emergencies' seperti Addisonian Crisis, Apoplexy, DKA, HHS, Diabetes Insipidus, Myxoedema Coma dan Thyroid Storm.
- membuat rondaan Diabetes Grand Ward Rounds 2 kali sebulan
- membuat audit pesakit 'inpatient management of dysglycaemia'
- membuat kaunseling pesakit diabetes di dalam wad

## 2. Perkhidmatan pesakit luar

### ● Klinik Pakar Endokrin

menerima rujukan pesakit diabetes dan endokrin daripada klinik dan wad semua jabatan di hospital kajang serta hospital dan klinik luar

- i. Klinik Endokrinologi – masalah kelenjar parathyroid, adrenal, pituitary, thyroid (hypothyroid, hyperthyroid, abnormal thyroid function tests, thyroid cancer), metabolic bone disorders.
- ii. Klinik Diabetes One-stop Centre - DMTac Clinic pelbagai disiplin terdiri daripada DMTac Farmasi, pegawai dietetik, Diabetes Educator serta pegawai dan pakar perubatan endokrin
- iii. Klinik Type 1 DM dan ‘young diabetes’
- iv. Klinik Short Review (selepas pembedahan atau penyediaan sebelum pembedahan atau rawatan)
- v. Klinik SMBG (insulin titration clinic)
- vi. Klinik Antenatal Combined Endocrine/DM
- vii. Klinik Obesiti terdiri daripada fisioterapi dan pegawai dietetik

### ● Klinik Kaunseling Diabetes Educator

- i. kaunseling individu atau berkumpulan berdasarkan kriteria rujukan pesakit

## 3. Perkhidmatan harian (daycare) dan prosedur subkepakaran

### ● Endocrine Dynamic Testing

- Synacthen Test
- Saline Suppression Test
- OGTT with GH Test
- Mixed Meal Test
- Prolonged OGTT
- TRH Stimulation Test

### ● Rawatan Infusi Berkala

- i. pamidronate infusion
- ii. Testosterone injection
- iii. Sandostatin analogue injection

#### ● Insulin Pump Insertion & Education

#### ● intermittent flash CGMS insertion and interpretatio

#### 4. Aktiviti subkepakaran

- i. Post Clinic Discussion membincangkan kes-kes Endokrin daripada Klinik MOPD dan Klinik Endokrin
- ii. National diabetes registry
- iii. Diabetes Grand Ward Rounds setiap dua minggu pada hari Jumaat
- iv. Diabetes Resource Centre Houseman Attachment
- v. Ceramah Pesakit di MOPD

### STATISTIK PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

- o Perkhidmatan pesakit dalam - Jumlah **pesakit baru** yang dirujuk setiap bulan

Census	2023	2022
Januari	48	51
Feb	45	34
Mac	71	31
April	47	45
Mei	37	32
Jun	32	37
Julai	33	42
Ogos	40	45
September	49	55
Oktober	60	56
November	52	50
Disember	51	47
<b>Total</b>	<b>565</b>	<b>525</b>

- o Perkhidmatan pesakit luar di klinik pakar perubatan Endokrin dan Diabetes
- o KES BARU (JAN-DIS) BAGI TAHUN 2023 : 120 + 166 = 286 PESAKIT
- o KES LAMA(JAN-DIS) BAGI TAHUN 2023: 2826 PESAKIT
- o KESELURUHAN PESAKIT DI KLINIK ENDOKRIN TAHUN 2023 : 3112 PESAKIT

KLINIK DIABETES				KLINIK ENDOKRIN		
BULAN	KES BARU	KES LAMA	JUMLAH	KES BARU	KES LAMA	JUMLAH
JANUARI	18	129	147	13	91	104
FEBUARI	4	126	130	14	112	126
MAC	10	150	160	14	109	123
APRIL	3	107	110	8	82	90
MEI	18	146	164	20	125	145
JUN	9	116	125	11	90	101
JULAI	13	159	172	19	107	126
OGOS	8	111	119	9	142	151
SEPTEMBER	7	134	141	11	102	113
OKTOBER	11	157	168	21	137	158
NOVEMBER	13	137	150	13	87	100
DISEMBER	6	98	104	13	72	85
JUMLAH	120	1570	1690	166	1256	1422

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### 1. Sambutan Thyroid Awareness Week

Tarikh: pada 25 Mei hingga 31 Mei 2023

Lokasi : Dataran Impian, Dewan Bestari

Peserta : Warga Kerja Hospital Kajang, Pesakit dan keluarga pesakit endokrin, pelawat Hospital Kajang

Aktiviti :

- Hari kesedaran Tiroid dibuat di Dataran Impian dengan kerjasama Jabatan Farmasi, Unit Pendidikan Pesakit dan Unit Endokrin. Terdapat ceramah awam menerangkan kesedaran penyakit Hyper dan Hypo Tiroid. 2 orang pesakit turut hadir memberi testimoni penyakit mereka dan berkongsi rawatan yang diberikan di Hospital.
- Kaunter 'Tanyalah doktor anda mengenai penyakit tiroid dibuka dari pagi hingga ke petang pada 25.5.2023.
- Pertandingan mencipta infografik dilaksanakan untuk staf warga kerja Hospital Kajang dengan pemenang diberi hadiah sebanyak RM300, RM200 dan RM150.
- Thyroid Workshop di Dewan Bestari Hospital Kajang yang dihadiri oleh lebih 60 petugas kesihatan dari pelbagai Jabatan, Hospital Kajang.

### 2. Sambutan World Diabetes Day

Tarikh: 14.11.2023-18.1.2023

Lokasi : Dataran Impian, Dewan Bestari, Kemah hadapan Cabin OSH

Peserta : Warga Kerja Hospital Kajang, Pesakit type 1 dan keluarga pesakit diabetes type 1, pelawat Hospital Kajang

Aktiviti :

**14.11.2023 Perasmian Sambutan hari Diabetes 2023**

- Ceramah Awam - Apa Itu Diabetes, Jom Kenal kalori dan Obesiti,
- Kuiz Kesihatan
- Pameran & Tabata
- Saringan Kesihatan
- Pertandingan memasak makanan sihat
- Aktiviti Dalam Kumpulan
- HypoAct launching banner
- Insulin Workshop untuk pegawai perubatan Hospital kajang (insulin titration, types of insulin, inpatient insulin management, group discussion)

### 15.11.2023 Cluster Diabetes Update

Programme with Hospital Serdang

### 17.11.2023 Sambutan WDD 2023 di Sekolah Kebangsaan Jalan Bukit 1 'access to diabetes care'

- Saringan Kesihatan Guru-guru Sekolah Kebangsaan Jalan Bukit 1
- Ceramah Kesihatan - Apa itu Diabetes?, Bersama farmasi Anda, Jom kenal kalori dan obesiti
- Dua Aktiviti Bersama kumpulan untuk pelajar Tahap 2

### 18.11.2023 Diabetes Type 1 Camp

- Tempat : Dewan Bestari & sekitar Hospital Kajang untuk pertandingan dalam kumpulan
- peserta T1DM dari Hospital Serdang dan Kajang
- Seramai 36 peserta dan ahli keluarga telah mendapat manfaat program ini
- memberi fokus pengiraan karbohidrat, pengiraan ISF, ICF, BG Monitoring, Sick day Rules, InsulinPump, Explorace, Experience Sharing oleh Pesakit T1DM

## AKTIVITI KUALITI

### KPI Medical Programme (Endocrine)

Indicator	KPI	Standard	Rate	Comments
1b	Percentage of patients with waiting time of <90 mins to see the doctor at Endocrine and Diabetes outpatient clinic	> 90%	100%	
2	Percentage of T2DM patients with HbA1c > 8.5%	< 40%	52.4%	SIQ submitted but patient factors have important contribution eg. non compliance, no SMBG due to financial issue
3	Percentage of T2 patient screened for chronic complications	> 90%	95.4%	awaiting fundus camera to be approved by JKNS and KKM

## QUALITY ASSURANCE STUDY ON MANAGEMENT OF HYPOGLYCAEMIA PATIENTS IN MEDICAL WARD

- In conjunction with Pharmacy Department
- Data Collection in progress
- Introduction of HypoAct Posters in every wards 1,2,3,4,6,9
- Introduction of GlucoMixt in every corner of wards 1,2,3,4,6,9
- Bedside teaching on correct management of hypoglycaemia

## PENYELIDIKAN

1. DAR Ramadhan Study 2023-2024
  - Multicentre Randomisation Study
  - Target 20 patients from Hospital Kajang
2. Case Reports
  - Severe Marrow Aplasia Secondary To Carbimazole Therapy
  - Successful Pregnancy In Homozygous Familial Hypercholesterolaemia Patient Requiring Multidisciplinary Team Management
  - Published In AFES Journal Sept 2023

## PERKHIDMATAN BARU DIMULAKAN TAHUN 2023

### 1. KLINIK OBESITI

Hari : Khamis minggu pertama setiap bulan  
 Waktu : 2.00 petang -5.00 petang (bermula Jun 2023)  
 Tempat : Bilik 5, MOPD

Dikendalikan oleh Pakar Perubatan Endokrinologi, Dibantu oleh seorang pegawai perubatan dan seorang jururawat masyarakat dengan kerjasama pegawai dietetic dan pegawai fisioterapi.

### 2. KLINIK T1DM/AUTOIMMUNE/YOUNG DM/ANALOGUES INSULIN

Hari : Rabu minggu ke-2 hingga ke-4 setiap bulan  
 Waktu : 8.00 pagi -1.00 petang (bermula Jan 2023)  
 Tempat : Bilik 8, MOPD

### 3. KLINIK CSII (INSULIN PUMP) & CGMS

Hari : Rabu minggu pertama  
 Waktu : 2.00 petang - 5 petang  
 Tempat : Bilik 8, MOPD

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2023

THYROID AWARENESS DAY AND THYROID WORKSHOP



Bersama pesakit hyperthyroid dan hypothyroid yang membuat perkongsian penyakit masing-masing setelah berjaya menerima rawatan

Thyroid Workshop in Dewan Bestari & pemenang pertama pertandingan Infografik



**WORLD DIABETES DAY (14.11.2023 SEHINGGA 18.11.2023)**



*Pertandingan memasak, saringan kesihatan, ceramah kesihatan, kuiz kesihatan, TABATA & ceramah kesihatan*

*Type 1 DM Camp*





*WDD 2023 Di Sek Keb Jalan Bukit 1; Aktiviti bersama pelajar dan guru*



*Cluster Diabetes Workshop 2023 With Hosp Serdang*



*Insulin Pump Initiation with T1DM Patient*



*Insulin Workshop with Hospital Kajang  
Young Doctors and Pharmacists*



**'BIG SUCCESS COMES WITH A BIG DREAM ALONG WITH HARD WORK AND EXTRA EFFORT'**

# JABATAN PSIKIATRI

Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental, Hospital Kajang merupakan salah satu jabatan yang menyediakan perkhidmatan psikiatri di kawasan selatan Selangor dan satu-satunya yang menyediakan perkhidmatan pesakit dalam bagi kawasan tersebut. Perkhidmatan ini telah dimulakan sejak tahun 1998 dan berkembang sedikit demi sedikit sehinggalah kepada projek naiktaraf di bawah Rancangan Malaysia ke-9 di mana perkhidmatan pesakit dalam telah dimulakan sejak Mei 2011.

Jabatan bertindak sebagai pusat bagi perawatan psikiatri bagi pesakit-pesakit di sekitar selatan Selangor, terutamanya daerah Hulu Langat dan kawasan sekitarnya. Ini termasuklah memberikan lawatan dan perkhidmatan konsultasi ke klinik-klinik kesihatan yang berhampiran dan juga ke Penjara Kajang. Universiti Putra Malaysia (UPM) dan 'University of Cyberjaya' (UoC) turut menggunakan jabatan ini bagi tujuan latihan untuk pelajar-pelajar perubatan. Selain dari itu, jabatan juga merupakan pusat latihan untuk anggota paramedik.

Mulai tahun 2017, jabatan juga telah diktiraf sebagai pusat latihan untuk sarjana psikiatri dan telah melahirkan beberapa orang pakar psikiatri sehingga kini.

## VISI

Melahirkan satu masyarakat yang seimbang dan sihat dari segi psikologi, dengan memberikan penekanan terhadap promosi kesihatan mental dan pencegahan masalah-masalah psikososial di selatan Selangor.

## MISI

Membekalkan perkhidmatan kesihatan mental dan psikiatri serta pemulihan yang berkualiti untuk mereka yang mengalami masalah kesihatan mental akut dan kronik agar dapat menikmati kehidupan yang bermutu dan menyediakan keperluan yang mencukupi serta sesuai bagi penjagaan pelanggan yang memerlukan.

## OBJEKTIF

- Memberikan perkhidmatan psikiatri dan kesihatan mental yang terbaik kepada pelanggan- pelanggan yang memerlukan.
- Memberikan latihan dan pendidikan psikiatri dan kesihatan mental kepada kakitangan, para pelanggan dan orang awam.

## SKOP PERKHIDMATAN

### Perkhidmatan Perawatan Kesihatan Mental

- ✓ Perkhidmatan Pesakit Luar
  - Klinik Pakar Psikiatri
  - Klinik Psikiatri Kanak-kanak dan Remaja
  - Klinik Ketagihan Substans
  - Klinik Psikiatri Geriatrik
  - Klinik Clozapine
  - Klinik Pendaftaran Orang Kurang Upaya
  - Klinik Kes Cicir (*Defaulter*)
- ✓ Perkhidmatan Psikologi Klinikal – perkhidmatan ini telah terhenti mulai Mac 2023 kerana pegawai berkenaan telah meletakkan jawatan.
- ✓ Perkhidmatan Klinik Lawatan ke Penjara Kajang
- ✓ Perkhidmatan Komuniti Psikiatri
- ✓ Perkhidmatan Pemulihan Carakerja dan Khidmat Sosial – secara gunasama
- ✓ Perkhidmatan Pesakit Dalam
- ✓ Rawatan akut
- ✓ Rawatan ECT

### Jadual Klinik

Kes Baru	Rabu	8.30am – 12.00pm	Para pelanggan dinasihatkan untuk mematuhi tarikh temujanji yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, sekiranya gejala penyakit menjadi teruk secara tiba-tiba, pelanggan/ keluarga pelanggan boleh menghubungi kaunter klinik untuk mendapat temujanji yang lebih awal.
Kes Susulan	Selasa dan Khamis	8.30am – 12.30pm	
Kes Cicir	Isnin	2.00 pm – 4.30 pm	
Klinik pendaftaran OKU	Setiap Isnin	2.00pm- 4.30pm	
Klinik Ketagihan Substans	Setiap Isnin	2.00pm- 4.30pm	
	Setiap Khamis	8.30am – 12.30pm	
Klinik Clozapine	Setiap Isnin	8.30am – 12.30pm	
Klinik Psikologi Klinikal	Psikologi klinikal: Selasa dan Khamis	8.30am – 12.00pm	
Klinik Kanak-kanak dan Remaja	Rabu	8.30am – 12.00pm	
Klinik Psikiatri Geriatrik	Rabu	8.30 am – 12.30 pm	
Klinik Kecemasan	Setiap hari bekerja	8.30am – 4.30pm	Terhad kepada pesakit

		(1 – 2 pm : Jab. Kecemasan)	yang berdaftar dan mempunyai rawatan susulan yang aktif. Sekiranya tidak, pelanggan dinasihatkan untuk membawa surat rujukan atau terus ke Jabatan Kecemasan untuk rawatan kes kecemasan
Klinik Lawatan ke Penjara Kajang	Jumaat: Minggu pertama dan ketiga	9 am – 12 pm	

### Perkhidmatan Psikiatri Komuniti

- Memberi perkhidmatan perawatan di dalam komuniti bagi:
  - Kes-kes psikiatri yang berisiko tinggi untuk berulang
  - Mengesan dan memantau kes cicir rawatan yang berisiko

### Perkhidmatan *Electroconvulsive Therapy* (ECT)

- Perkhidmatan ECT telah dimulakan secara rasminya pada 7 April 2017.
- Jabatan Psikiatri telah menerima mesin ECT yang baru pada bulan Jun 2022.
- Semua pegawai perubatan dan kakitangan paramedik dan sokongan telah diberikan latihan dan diberikan *privileging* untuk melakukan prosidur ini.
- Latihan akan diteruskan bagi memantapkan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan.
- Perbincangan kes ECT diadakan setiap hari Selasa petang untuk memantau kemajuan penyakit selepas ECT dan kesan sampingan ECT.

### Latihan, Penyelidikan dan Total Quality Improvement (TQI)

- Merupakan salah satu pusat latihan bagi pelajar pascasiswazah Psikiatri (*Master in Psychiatry*) dan juga *Paralel Pathway Program*
- Menerima pelajar sangkutan pascasiswazah (psikiatri dan perubatan keluarga), siswazah (UPM, UOC) dan lain-lain.
- Menjalankan Latihan dalam perkhidmatan
- Mengendalikan program Kepastian Kualiti dan penyelidikan

### Pengesanan dan Pengesahan Dadah

- Pengesanan dadah dalam urin
- Pengesanan penagih dadah (usahasama dengan AADK)

### Pendidikan Awam

- Program “Family Link” – program pendidikan psikiatri untuk keluarga
- Forum awam, program kesedaran kesihatan mental dan lain-lain

## Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Psikososial (*Mental Health and Psychosocial Support*)

- Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental Hospital Kajang adalah pusat rujukan untuk perkhidmatan kesihatan mental and psikososial (MHPSS) semasa bencana.
- Pasukan MHPSS terdiri daripada pakar psikiatri, pegawai perubatan, pegawai psikologi dan paramedik atau jururawat terlatih yang bertugas secara bergilir mengikut jadual bulanan.
- *Psychological First Aid* (PFA) diberi oleh pegawai MHPSS yang bertugas sekiranya ada keperluan.

## PUSAT LATIHAN

### • Pusat Latihan Untuk Program Sarjana Perubatan (Psikiatri)

Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental Hospital Kajang telah diakreditasi oleh Jawatankuasa Bersama Sarjana Perubatan (Psikiatri) sebagai Pusat Latihan Program Sarjana Kepakaran Psikiatri dan telah menerima 3 orang pelajar *Master in Psychiatry* yang pertama pada 3 Disember 2017. Pada tahun 2023, dua orang pelajar *Master in Psychiatry* di bawah seliaan jabatan telah berjaya menamatkan pengajian. Seorang lagi telah lulus peperiksaan bahagian 2.

### • Pusat Latihan Klinikal untuk Program Sarjana Perubatan Keluarga

Jabatan Psikiatri juga merupakan pusat latihan klinikal untuk Program Sarjana Perubatan Keluarga untuk latihan sangkutan psikiatri. Jabatan psikiatri menerima pelajar program sarjana perubatan keluarga secara berkala sepanjang tahun dari pelbagai universiti.

## Perancangan masa hadapan

### • Unit Psikiatri Komuniti (UPK)

Menubuhkan pasukan komuniti psikiatri yang menjalankan tugas komuniti sahaja agar perkhidmatan ini dapat diteguhkan lagi. Buat masa ini anggota adalah gunasama dari klinik menyebabkan perkhidmatan tidak dapat dijalankan dengan optima. Jabatan juga telah dikenalpasti sebagai salah satu pusat untuk latihan sangkutan komuniti psikiatri bagi pelajar sarjana. Maka perkhidmatan ini perlu diperkemas lagi sepertimana keperluan latihan dan juga mempertingkatkan mutu perkhidmatan. Pada tahun 2023, terdapat staf baru yang menyertai pasukan komuniti psikiatri dan penyeliaan telah dijalankan untuk menjalankan tugas komuniti psikiatri.

### • Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI)



Perancangan penubuhan Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI) di Kajang telah dibuat seawal tahun 2022. Walaubagaimanapun terdapat berbagai cabaran untuk mendapatkan lokasi yang sesuai. Objektif MENTARI adalah untuk menyediakan perkhidmatan berasaskan komuniti yang menekankan rehabilitasi dan integrasi semula pesakit psikiatri ke dalam masyarakat. Buat masa ini, jabatan psikiatri dengan kerjasama PERKESO membantu pesakit psikiatri kembali bekerja melalui *Return to Work Program*. Antara perkhidmatan tambahan yang akan disediakan di MENTARI nanti adalah *Supported Employment*. Perkhidmatan *Supported employment* merangkumi penilaian keupayaan bekerja pesakit, bimbingan dan sokongan kerja untuk membantu pesakit psikiatri kembali bekerja. Untuk menjayakan objektif MENTARI, jabatan memerlukan anggota kerja yang terdiri daripada pakar psikiatri, pegawai perubatan, jurupulih carakerja, jururawat terlatih dan penolong pegawai perubatan.




## STATISTIK PENCAPAIAN PERKHIDMATAN 2023

### PESAKIT LUAR






#Pegawai psikologi klinikal telah meletakkan jawatan mulai April 2023






## PESAKIT DALAM



## UNIT PSIKIATRI KOMUNITI



## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### Kursus Latihan Dalam Perkhidmatan Anjuran Jabatan

- Circle of Hope Program
- Kursus *Suicide Risk Management in Hospital*
- Kursus CPG Management of Schizophrenia in Adults Peringkat Negeri Selangor
- Kursus Asas Psikiatri Kanak-kanak dan Remaja
- Kursus Latihan *Clinical Practice Guideline Echotraining 2023*
- Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia Peringkat Hospital
- *Mental Health Day Seminar for Healthcare Workers 2023* Peringkat Kluster

### Aktiviti Lain yang Melibatkan Staf Jabatan Psikiatri

- Hospital CME: *Consciousness unraveled. Delving into Delirium?*
- *Conjoint Consultation Liaison Psychiatry Case Discussion*

### Penglibatan Jabatan Psikiatri di Luar Hospital

- Bengkel Latihan Talian Krisis Heal Modul Myeminda
- Bengkel Kurikulum Kebangsaan Sarjana Perubatan Klinikal (NPMC), *Training the Trainers (Psychiatry)*

## AKTIVITI KUALITI

### Pencapaian KPI

KPI	PERATUS	
	STD	CAPAI
Percentage of patients with waiting time of $\leq 90$ minutes to see the doctor at psychiatric outpatient clinic (Only 1 Registration Area Involved)	$\geq 90$	100
Defaulter rate among psychiatric outpatients	$\leq 10$	3.39
Percentage of new patients reviewed by psychiatrist within ( $\leq$ ) 30 days at psychiatric outpatient clinic	$\geq 90$	100

### Projek QA 2023

Tajuk	Revision of appointment system as a method of service enhancement
Status	Projek masih dalam proses

### Projek Inovasi 2023

Tajuk	Perpustakaan bergerak ( <i>Mobile library</i> ) di wad Psikiatri
Status	Masih dalam proses

## PENYELIDIKAN

NO	BERMULA	SELESAI	TAJUK PENYELIDIKAN
1	15-Jul-21	31-Jul-22	Trend of Substance Use among Patients Attending Psychiatric Departments at All State Hospitals in Malaysia
2	29-Jul-22	29-Dec-23	Use of Naltrexone for Stimulant Use Disorder (SUD) among Stimulant Users in Malaysia
3	1-Jul-22	29-Dec-23	The Impact of Technostress on Burnout among Healthcare Workers (HCWs) at State Hospitals

4	29-Jul-22	29-Dec-23	Association between Depression, Anxiety, Stress and Loneliness with Gaming, Smartphone and Internet Addictions among Public University Students in Malaysia
5	15-Nov-22	31-Dec-24	Gut Microbiome among Major Depressive Disorders (MDD) and General Anxiety Disorders (GAD) Patients in State Hospital in Klang Valley, Malaysia: An Exploratory Study
6	May-22	Dalam proses	Technological-based Strategy to Improve Medication Compliance among Patients with Schizophrenia
7	Aug-21	Dalam proses	Preliminary stage of Development of new schema mode: Idealizer, Dare Devil, Merciful and Hyperautonomous Mode
8	Jan-22	Dalam proses	Usage of Malay Emotional Thermometer to assess psychological distress as the 6th vital sign: A cross sectional correlation study
9	Feb-23	On going	Prevalence and predictors of Substance Induced Psychotic Disorder among patients admitted to Psychiatric Ward Hospital Kajang from January 2020 till December 2022 (Thesis)
10	1/8/2023	31/10/2023	Revision of Appointment system as a method of service enhancement in outpatient psychiatry clinic
11	Jun-21	Jun-23	Book Chapter in Behavioural Addiction in Women: An International Female Perspective on Treatment and Research (1st Edition) Chapter 12: Problematic Internet Usage among Women in Malaysia
12	Nov-23	Ongoing	Prevalence of self-harm, its associated risk factor and profiles among young patients referred to psychiatry and mental health services in peninsular Malaysia
13	Sept 2023	On going	Relationship between spiritual intelligence, resiliency and suicide behaviour among public university students in Klang Valley

## AKREDITASI

Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental Hospital Kajang berusaha untuk memenuhi syarat MS ISO 9001 yang ditetapkan dan memberi kerjasama semasa audit dijalankan.

Satu Jawatankuasa Audit Psikiatri, Perkhidmatan Psikiatri Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 2022. Jawatankuasa ini diketuai oleh Dr Norliza Bt Chemi, Pakar Perunding Psikiatri Hospital Kajang. Audit Psikiatri merupakan satu komponen penting dalam perkhidmatan psikiatri bagi memantau pengurusan klinikal dalam perkhidmatan psikiatri dan memastikan ia adalah selaras Akta Kesihatan Mental Malaysia 2001. Jawatankuasa audit psikiatri telah mengemukakan kriteria audit baru pada bulan Mei 2022.

Dua pakar psikiatri, seorang pegawai perubatan, seorang ketua jururawat dan seorang penyelia di Jabatan Psikiatri Hospital Kajang telah dilantik sebagai juru audit Audit Psikiatri untuk Jabatan Psikiatri Hospital Zon Tengah pada tahun 2022. Hospital-hospital Zon Tengah termasuk Hospital Kuala Lumpur, Hospital Putrajaya, Hospital Kajang, Hospital Selayang, Hospital Shah Alam, Hospital Sungai Buloh, Hospital Klang, Hospital Kuala Pilah dan Hospital Seremban. Audit dalaman dan luaran telah dijalankan mengikut Borang Audit Psikiatri Kebangsaan pada tahun 2022.

Audit psikiatri telah dijalankan sebanyak dua kali pada tahun 2023 berdasarkan kriteria audit 2022. Langkah penambahbaikan telah diambil untuk memperbaiki penemuan audit.

## GAMBAR AKTIVITI



Circle of Hope Program



Kursus Suicide Risk Management in Hospital



Kursus CPG Management of Schizophrenia in Adults  
Peringkat Negeri Selangor



Kursus Asas Psikiatri Kanak-kanak dan Remaja



Perhimpunan Bulanan



Kursus latihan Clinical Practice Guideline Echotraining 2023

**DIREKTORAT**

**WANITA &**

**KANAK-KANAK**



# JABATAN OBSTETRIK & GINEKOLOGI

Jabatan Obstetrik dan Ginekologi Hospital Kajang merupakan salah satu pusat rujukan untuk daerah Hulu Langat. Kes-kes yang berisiko akan dirujuk daripada klinik kesihatan di sekitarnya dan hospital swasta untuk rawatan selanjutnya dan lebih terperinci memandangkan Hospital Kajang mempunyai fasilititi ICU, NICU dan dewan bedah. Unit ini juga menerima rujukan kes *in utero* daripada hospital lain bagi kes bayi yang pramatang dan memerlukan ventilator di NICU (Neonatal Intensive Care Unit). Pakar – pakar Jabatan Obstetrik dan Ginekologi juga dibahagikan tugas untuk menjaga spesifik klinik kesihatan di bawah kawasan liputan Hospital Kajang agar segala urusan rujukan dan rawatan lebih efisien dan mudah. Di samping itu, kes-kes yang memerlukan pemeriksaan, rawatan atau pembedahan selanjutnya akan dirujuk ke *tertiary centre* yang mempunyai subkepakaran seperti *Maternal Fetal Medicine, Cardiology, Respiratory, Urology, Dermatology, ENT, Ophthalmology* di Hospital Sultan Idris Shah, Serdang dan *Gynaecology* di Institut Kanser Negara, Putrajaya.

## VISI

Mewujudkan unit yang cemerlang dan berkualiti dalam bidang perawatan dan latihan Obstetrik & Ginekologi dan juga unit rujukan yang unggul.

## MISI

Mengurangkan kadar morbiditi dan mortaliti di kalangan ibu dan bayi semasa mengandung, bersalin dan postnatal, dengan memberikan rawatan dan penjagaan yang rapi serta menyeluruh termasuk kes-kes ginekologi dan memastikan latihan kakitangan yang berterusan untuk meningkatkan kualiti.

## OBJEKTIF

1. Memberi perkhidmatan kebidanan yang cekap, berkesan dan bermutu tinggi dalam wad bersalin berpandukan dasar polisi kerajaan.
2. Menentukan dan mengenalpasti ibu-ibu mengandung dan bayi yang berisiko tinggi diberikan rawatan rapi.
3. Memberi layanan mesra dan betul kepada ibu semasa bersalin dan selepas bersalin tanpa mengira bangsa, keturunan dan agama.
4. Memastikan kedua ibu bapa bayi memahami kaedah penjagaan bayi yang asas.
5. Memastikan pesakit-pesakit yang menghadapi penyakit-penyakit organ reproduktif dipulihkan serta mencapai tahap kesihatan yang optima.

## SKOP PERKHIDMATAN

1. Penjagaan ibu dan bayi di wad antenatal dan postnatal.
2. Penjagaan sekunder pesakit dalaman dan luaran yang mempunyai masalah ginekologi.

3. *Quality assurance* dan kajian klinikal.
4. Latihan untuk pegawai perubatan dan kakitangan medikal dan kejururawatan di Unit Obstetrik dan Ginekologi.

### Jadual Perkhidmatan Jabatan O&G Hospital Kajang

Isnin	8.00-1.00ptg – Klinik ibu mengandung 2.00-5.00ptg – Klinik postnatal/ <i>infertility</i> / Klinik <i>pre pregnancy</i> 8.00-1.00ptg – <i>Combine Clinic</i> (minggu pertama setiap bulan)
Selasa	8.00-12tghr – <i>Walk in</i> klinik
Rabu	8.00-1.00ptg – Klinik ibu mengandung (kes baru) dan <i>detail scan</i> 2.00-5.00ptg – Klinik <i>scan /Wellness Women Clinic</i>
Khamis	8.00-12tghr – <i>Walk in</i> klinik
Jumaat	8.00-1.00ptg – Klinik sakit puan (rawatan untuk kes ginekologi umum, kes kanser, <i>menopause</i> dan <i>infertility</i> )

### KLINIK PERANCANG KELUARGA

1. Kaunseling perancang keluarga: diberikan kepada semua pesakit antenatal klinik dan postnatal klinik.
2. Servis memasukkan *Intrauterine Contraceptive Device (IUCD)*.
3. Servis memasukkan *Implanon*.
4. Pembedahan *laparoscopy tubal ligation* dibuat pada hari dewan bedah elektif.

### JENIS PEMBEDAHAN

1. Obstetrik (*Caesarean section, hysterotomy, manual removal of placenta, EUA and perineal repair* dan *secondary suturing*)
2. Ginekologi (*hysterectomy or hysterectomy with bilateral salphingoophorectomy, cystectomy, diagnostic laparoscopy, salpingectomy, dye test, ovarian drilling, tubal ligation, hysteroscopy, colposcopy, ERPOC* dan lain-lain)

## STATISTIK PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

### (A) KLINIK/PROSEDUR PESAKIT LUAR

- Laporan Keseluruhan Pesakit Klinik O&G (Obstetrik Dan Ginekologi) 2023

BULAN	KES OBSTETRIK (PN/AN)			KES GYNAE			JUMLAH
	KES BARU	KES ULANGAN	JUMLAH	KES BARU	KES ULANGAN	JUMLAH	KESELURUHAN
JAN	209	344	553	98	331	429	982
FEB	231	260	491	116	328	444	935
MAC	233	373	606	117	418	535	1141
APRIL	172	293	465	97	196	293	758
MEI	246	447	693	142	378	520	1213

JUN	194	335	529	122	374	496	1025
JULAI	236	409	645	119	331	450	1095
OGOS	262	372	634	127	375	502	1136
SEPT	221	375	596	148	416	564	1160
OKT	212	377	589	101	368	469	1058
NOV	206	404	610	112	326	438	1048
DIS	212	316	528	134	322	456	984
JUMLAH	2634	4305	6939	1433	4163	5596	12535

## (B) LAPORAN OBSTETRIK 2023

- Detailed Scan

BULAN/ TAHUN	2020	2021	2022	2023
JAN	21	18	14	12
FEB	21	25	12	14
MAC	18	23	17	9
APRIL	25	23	17	13
MEI	15	21	16	16
JUN	19	30	23	9
JULAI	13	16	22	9
OGOS	15	25	12	21
SEPT	22	18	15	9
OKT	22	30	21	9
NOV	19	29	21	15
DIS	26	23	12	13
JUMLAH	236	281	202	149


- Klinik Infertiliti

BULAN	KES BARU	KES ULANGAN	JUMLAH
JANUARI	11	12	23
FEBUARI	6	16	22
MAC	9	11	20
APRIL	2	9	11
MEI	5	29	34
JUN	3	16	19
JULAI	4	12	16
OGOS	4	27	31
SEPTEMBER	2	26	28
OKTOBER	8	16	24
NOVEMBER	1	13	14
DISEMBER	2	11	13
JUMLAH	57	198	255


Jumlah IUI (*Intrauterine Insemination*): 2

Jumlah Berjaya: 1

- PAC Census



- External Cephalic Version



- Bed Occupancy Rate (BOR)


**Bed Occupancy Rate Wad 5  
BOR 2023**

WAD 5 HOSPITAL KAJANG													
TITLE	JAN	FEB	MARCH	APRIL	MAY	JUNE	JULY	AUG	SEPT	OCT	NOV	DEC	TOTAL
BED OF COMPLEMENT	40	40	40	40	40	40	40	40	40	40	40	40	40
AVERAGE DAILY BED OCCUPIED	33.2	35.8	31.4	24.5	34.6	33.5	34.8	34.6	33	34	33.86	30.54	32.84
BED OCCUPANCY RATE (%) (AVERAGE DAILY NO OF BEDS)	83.06%	89.55%	78.54%	61.25%	86.53%	83.91%	87.01%	86.69%	82.50%	85.24%	81.93%	76.37%	82.1%




**(C) REKOD KELAHIRAN**

- Jumlah Kelahiran Pada 2012-2023



- Mode Of Delivery 2023

MODE OF DELIVERY	NO
SVD	3028
LSCS	1283
VENTOUSE	176
FORCEPS	14
VAGINAL BREECH	12
<b>TOTAL</b>	<b>4513</b>



- Delivery According to Nationality

	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023
MALAYSIAN	4295 (82.2%)	4461 (81.5%)	4691 (82.3%)	4982 (86.7%)	4769 (87.94%)	4885 (89.7%)	4651 (89.2%)	4807 (88.8%)	5178 (88.8%)	3860 (86.9%)	3755 (83.2%)
FOREIGNERS	934 (17.8%)	1015 (18.5%)	1012 (17.8%)	762 (13.3%)	654 (12.06%)	562 (10.3%)	564 (10.2%)	607 (0.11%)	649 (11.13%)	577 (13%)	758 (16.8%)
<b>TOTAL</b>	<b>5229</b>	<b>5476</b>	<b>5703</b>	<b>5744</b>	<b>5423</b>	<b>5447</b>	<b>5215</b>	<b>5414</b>	<b>5827</b>	<b>4437</b>	<b>4513</b>

## (D) KOMPLIKASI OBSTETRIK

- Massive Post Partum Haemorrhage (PPH)

MASSIVE PPH	TOTAL CASES	PERCENTAGE	MODE OF DELIVERY	
	16	0.36%	SVD/VAD	LSCS
			5	11

- Placenta Praevia / Morbidly Adherent Placenta


	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Placenta Previa	58	57	49	81	67 EMLSCS – 41 ELLSCS - 26	54 EMLSCS-21 ELLSCS-33
MAP	4	4	1	0	0	2

- Caesarean Hysterectomy

BULAN	JAN	FEB	MAR	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	TOTAL
BIL	0	1	0	0	2	0	1	1	0	0	0	1	6

- Maternal Mortality  
Terdapat 1 kes bagi Maternal Mortality bagi tahun 2023

- Perinatal Mortality



**(E) LAPORAN GINEKOLOGI TAHUN 2023**

- Bed Occupancy Rate Wad 4

WAD 4 (MULTI DISIPLIN PEREMPUAN)  
CENSUS TAHUN 2023

BIL	BULAN	GYNAE (10 BED)												
		JAN 23	FEB 23	MAR 23	APR 23	MEI 23	JUN 23	JUL 23	AGO 23	SEPT 23	OKT 23	NOV 23	DIS 23	JUMLAH
1	DAYS PER MONTH	31	28	31	30	31	30	31	30	31	30	31	31	365
2	TOTAL NUMBER OF ADMISSION	121	109	123	141	158	3	0	3	0	1			659
3	TOTAL TRANSFER IN	4	6	18	5	6	3	4	5	0	1	1	1	54
4	TOTAL TRANSFER OUT	2	3	3	1	15	4	1	1	0		1	1	32
5	TOTAL NUMBER OF DISCHARGE	113	114	124	137	147	2	3	6	0	2			648
6	DAMA @ AOR	3	0	0	2	4	0	0	0	0				9
7	NUMBER OF DEATH	0	0	0	2	0	0	0	1	0				3
8	ABSCONDED	1	0	0	0	0	0	0	0	0				1
9	TRANSFER OUT TO OTHER HOSPITAL	0	1	1	0	2	0	0	0	0				4
10	TOTAL PATIENT ON VENTILATOR				1							1		2
11	TOTAL AT 12 MN AT END OF MONTH	213	227	250	231	311	21	15	29	0	1	2	2	1302
12	AVERAGE DAILY NO. OF BED OCCUPIED = TOTAL PATIENT DAY NO OF DAYS IN MONTH	6.9	7.3	8.1	7.7	10	0.7	0.5	1	0	0.03	0.07	0.6	3.6
13	BED OF OCCUPANCY RATE % = AVERAGE DAILY NO OF BED OCCUPIED X 100 NUMBER OF BED	69	73	81	77	100	7	5	1	0	0.3	0.7	0.6	3
14	AVERAGE DAILY NUMBER OF ADMISSION = NUMBER OF ADMISSION NUMBER OF DAYS IN MONTH	3.9	3.5	4	4.7	5.1	0.1	0	0.1	0	0.03	0	0	1.8
15	AVERAGE LENGTH OF STAY = TOTAL PATIENTS DAY NO OF DISCHARGE (DEATH /ABS/AOR)	1.8	2	2	1.6	2	10.5	5	4.1	0	0.5	0	0	2
16	TURN OVER INTERNAL IN STAY = NO OF BED - AVER.DLY NO OF BED OCCUPIED X NO OF DAYS IN MONTH NO OF DISCHARGE (17@10@10@5 - NO 12 X 30 @ 31 + NO 1)	0.93	0.7	0.25	0.46	0	139.5	94	39.9	0	154	297.9	291.4	3.5
17	% OF DEATH TO TOTAL NO. OF DISCHARGE & DEATH = NUMBER OF DEATH X 100 NO OF DISCHARGE	0	0	0	1.5	0	0	0	17	0	0	0	0	0.5

Katil yang diperuntukkan untuk kes ginekologi adalah sebanyak 10 katil di Wad 4. Sejak bulan Jun 2023, tiada lagi peruntukan katil untuk kes ginekologi di Wad 4. Semua kes ginekologi dimasukkan ke Wad 6.

- Bed Occupancy Rate Wad 4 & Wad 6

	J	F	M	A	M	J	J	A	S	O	N	D	Total
	a	e	a	p	a	u	u	u	e	c	o	e	
	n	b	c	r	y	n	l	g	p	t	v	c	
<b>No. of beds: 10</b>													
<b>Number Of Admissions</b>	137	122	138	147	189	127	176	183	136	136	158	163	1812
<b>Total Number Of Discharge</b>	128	126	141	143	165	128	167	194	142	128	147	160	1769
<b>DAMA@AOR</b>	3	0	0	2	4	2	1	1	2	1	0	1	18
<b>Total Absconded</b>	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
<b>Total Transferred Out to Other Hospitals</b>	0	1	1	0	2	0	1	0	1	0	1	0	7
<b>Number of Deaths</b>	0	0	0	2	0	0	0	1	0	0	0	0	3
<b>Total Pt Day (Total Patients At 12MN At The End Of The Month)</b>	258	253	277	239	360	213	246	258	175	312	222	266	3079
<b>Average Daily No Of Bed Occupied (Total Patient Day/Number Of Days In A Month)</b>	8.3	9.0	8.9	7.9	11.6	7.1	7.9	8.3	5.8	10.0	7.4	8.6	8.4
<b>BOR (%) (Average Daily No Of Bed Occupied/ Number of Beds x100)</b>	83	90	89	79	116	71	79	83	58	100	74	86	84%
<b>Average Daily No of Admission (Total No of Adm/No Days In A Month)</b>	4.4	4.3	4.5	4.9	6.1	4.2	5.7	5.9	4.5	4.4	5.3	5.3	5.0
<b>Average Length of Stay (Days) (Total Pt Day/No Discharge, Death, Abscond, AOR)</b>	1.95	1.99	1.95	1.62	2.1	1.63	1.46	1.45	1.20	2.42	1.50	1.65	1.74

- Gynaecology Referrals

Month	Number of Referrals
Jan	
Feb	
March	236
April	187
May	198
June	202
July	244
Aug	214
September	230
October	280
November	227
December	217
<b>Total</b>	<b>2235</b>

Nota: Data hanya dikumpul mulai Mac 2023

- Gynaecology Surgery

<b>TOTAL NO OF SURGERIES</b>		<b>592</b>
<b>MAJOR</b>		
OPEN		51
LAPAROSCOPIC		107
VAGINAL APPROACH		0
<b>Total</b>		<b>158</b>
<b>MINOR</b>		
OPEN		0
LAPAROSCOPIC		50
VAGINAL APPROACH		384
<b>Total</b>		<b>434</b>

## (F) SURGERY FOR OBSTETRICS AND GYNAECOLOGY

- Total Number Of Surgery For Obstetrics And Gynaecology

<b>TOTAL NO OF SURGERIES</b>		<b>1898</b>
<b>GYNAE</b>	<b>592</b>	
OPEN	51	8.6%
LAPAROSCOPIC	157	26.5%
VAGINAL APPROACH	384	64.8%
<b>OBSTETRICS</b>	<b>1306</b>	
CAESAREAN SECTION	1283	98%
MRP	14	1.07%
SECONDARY SUTURING	9	0.7%

Minimally Invasive Surgery (MIS)

<b>Laparoscopic</b>	<b>Numbers</b>
TLH+/- BSO	21
Salphingo-oophorectomy	2
Cystectomy	25
Salphingectomy	47
Bilateral tubal ligation	7
Diagnostic laparoscopy	42
Dye test	1
Salphingostomy	2
Evisceration of endometrioma	5
Wedge resection	1
Oophorectomy	4
<b>Total</b>	<b>157</b>

- Abdominal Surgery

<b>SURGERY</b>	<b>TOTAL</b>
TAH +/- BSO	13
Myomectomy	9
Cystectomy	5
Salphingoophorectomy	4
Salphingectomy	10
Wedge resection	3
Laparotomy+ peritoneal drainage+ washout	1
Relaparotomy+ evacuation of intrauterine blood clots	1
Relaparotomy + evacuation of haematoma	2
Laparotomy+ wound exploration	1
<b>TOTAL</b>	<b>51</b>

- Vaginal Approach Surgery

<b>SURGERY</b>	<b>TOTAL</b>
ERPOC	160
HYSTEROSCOPY+ DD&C	94
IUCD REMOVAL	4
COLPOSCOPY+/- BIOPSY / LLETZ / CONE BIOPSY	39
CERVICAL CERCLAGE	4
MARSUPIALIZATION	13
EUA	47
INCISION AND DRAINAGE OF ABSCESS	14
SKIN TAG REMOVAL	2
TCRM/ AVULSION OF CERVICAL FIBROID	4
REMOVAL OF GRANULATION TISSUE OF EPISIOTOMY WOUND	1
SAUCERISATION	1
EXCISION OF LABIA MAJORA LIPOMA	1
<b>TOTAL</b>	<b>384</b>

- Major Gynaecological Surgery

<b>Surgery</b>	<b>Number of laparotomy case</b>	<b>Number of laparoscopy case</b>
Hysterectomy +/- BSO	13	21
Salphingo-oophorectomy	4	2
Cystectomy	5	25
Evisceration of endometrioma	0	5
Oophorectomy	0	4
Salphingectomy	10	47
Wedge resection	3	1
Myomectomy	9	0
Relaparotomy + evacuation of intrauterine blood clots	1	0
Relaparotomy+ evacuation of haematoma	2	0
<b>Total</b>	<b>51</b>	<b>107</b>

- Key Performance Index (KPI)

<b>KPI</b>	<b>JAN</b>	<b>FEB</b>	<b>MAC</b>	<b>APR</b>	<b>MAY</b>	<b>JUN</b>	<b>JUL</b>	<b>AUG</b>	<b>SEP</b>	<b>OCT</b>	<b>NOV</b>	<b>DEC</b>	<b>GRAND TOTAL</b>
<i>Patients with eclampsia administered magnesium sulphate (%)</i>	0	0	100	0	0	100	0	100	0	100	100	100	<b>100%</b>
<i>Massive post-partum haemorrhage (%)</i>	0.51	0.54	0.27	0.33	0.45	0	0.26	0.52	0	0.55	0.6	0.31	<b>0.36%</b>
<i>Patients with unrecognised intraoperative ureteric injury during benign gynecological surgery (%)</i>	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	<b>0%</b>

## PENYELIDIKAN

Jabatan O&G telah menyertai Pertandingan Poster sempena Minggu Kualiti Peringkat Hospital Kajang pada 17 hingga 18 Ogos 2023 dengan tajuk berikut:

1. Infected subcutaneous hematoma: case report and literatire review
2. Leech bites as a potential cause of per vaginal bleeding in children: A case report

## AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2023



Kejohanan Hospital Kajang Badminton Tertutup peringkat- Johan Beregu Wanita



Mengelola CME Hospital Kajang ; Cervical Cancer Awareness



Menyertai Kempen Sihat Milik Selangor, PKD Kuala Langat di Pantai Morib



Sambutan Hari Jururawat Sedunia peringkat Jabatan O&G



Menyertai pertandingan anjuran Unit Kualiti peringkat hospital – memenangi tempat ke 3  
(Clinical Audit on Administration of First Thromboprophylaxis in Post Caesarian Section Patients)

- Majlis Iftar Jabatan O&G di Golf Club & Resort, Saujana Impian
- Majlis Iftar Jabatan O&G
- Mengelola Perhimpunan Bulanan peringkat Hospital Kajang bersama Jabatan Pediatrik
- Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu peringkat Hospital Kajang
- 2<sup>nd</sup> Annual General Meeting Persatuan Magnolia Kajang
- Sambutan Solidariti Palestin peringkat Jabatan O&G
- Monthly Continuous Medical Education



Sambutan Hari Raya peringkat hospital ; memenangi booth raya terbaik tempat kedua peringkat hospital



Sambutan Hari Keluarga Jabatan O&G di Wetworld Waterpark Shah Alam

# JABATAN PEDIATRIK

Jabatan Pediatrik adalah salah satu daripada disiplin perubatan major di hospital ini. Jabatan Pediatrik Hospital Kajang menyediakan perkhidmatan perubatan kepada bayi baru lahir dan kanak-kanak sehingga usia 12 tahun. Walaubagaimanapun pengecualian umur diberikan kepada pesakit kronik yang mempunyai masalah perubatan *congenital* atau khusus kepada penyakit berkaitan Pediatrik sahaja seperti *Down syndrome, cerebral palsy, thalassemia, idiopathic nephrotic syndrome, attention deficit hyperactive disorder* dsb. Secara umumnya, pesakit-pesakit yang mempunyai penyakit khusus atau '*congenital*' akhirnya (setelah mencapai had usia lebih 12 tahun) akan dirujuk juga ke Jabatan Perubatan Dalamam atau mana-mana disiplin perubatan yang berkaitan bila mana isu perubatan mereka telah diselesaikan tetapi masih memerlukan penjagaan dan pemantauan berterusan.

## VISI

Semua kanak-kanak seharusnya mendapat rawatan perubatan yang terbaik selaras dengan kemampuan dan kemahiran perubatan yang sedia ada.

## MISI

- Memberi perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, berpatutan, selaras dengan waktu, bertindakbalas dengan keperluan pesakit, keluarga dan masyarakat melalui pasukan perubatan yang terlatih, komited dan penyayang.
- Bekerjasama dengan keluarga dan masyarakat dalam merawat kanak-kanak dan mempromosi kesihatan bayi dan kanak-kanak.

## OBJEKTIF

- Memberi perkhidmatan rawatan kepada semua pesakit Pediatrik yang dirujuk samada pesakit dalam atau pesakit luar.
- Memberi rawatan kecemasan (resusitasi) kepada pesakit-pesakit yang memerlukan.
- Memberi rawatan susulan kepada pesakit yang memerlukannya.
- Memberi perkhidmatan holistik dan komprehensif bagi mengurangkan impak penyakit terhadap perkembangan fizikal dan psikososial kanak-kanak.
- Membentuk satu pasukan anggota perubatan yang terlatih, kompeten dan professional

## SKOP PERKHIDMATAN

### PERKHIDMATAN PESAKIT DALAM

- **WAD PEDIATRIK (WAD 7)**

Wad Pediatrik (Wad 7)- merupakan sebuah wad multidisiplin yang menyediakan rawatan perubatan pediatrik dan pembedahan (pembedahan pediatrik, ortopedik dan pergigian) kepada bayi dan kanak-kanak yang berusia 1 bulan hingga 12 tahun. Pengecualian umur diberikan kepada pesakit yang sedia ada berada di bawah jagaan Klinik Pediatrik berikutan penyakit kronik yang mereka hidapi seperti *thalassemia, nephrotic syndrome, Down Syndrome, cerebral palsy* dll. Selain daripada rawatan perubatan, pendidikan

kesihatan juga dititik beratkan dan diberi secara berkala kepada pesakit, ibu-bapa atau penjaga. Diantara topik yang dibincangkan termasuklah rawatan asthma, rawatan cirit birit dan penggunaan garam rehidrasi, keselamatan kanak-kanak di rumah, kaedah pencegahan kemalangan di rumah dan lain-lain.

Wad Pediatrik mempunyai kapasiti 40 buah katil yang menempatkan pesakit kanak-kanak dari disiplin perubatan pediatrik dengan pembahagian katil: 30 buah dan disiplin pembedahan yang merangkumi pembedahan pediatrik am, orthopedik dan pergigian Pediatrik dengan pembahagian katil: 10 buah. Kemasukan pesakit ke wad ini adalah melalui Klinik Pakar Pediatrik Hospital Kajang, Jabatan Kecemasan Hospital Kajang serta rujukan terus daripada hospital berhampiran, klinik-klinik kesihatan dan klinik-klinik swasta.

- **WAD RAWATAN RAPI BAYI/ SCN**

Wad Rawatan Rapi Bayi/ SCN pula memberi perawatan perubatan dan kesihatan kepada bayi baru lahir sehingga berusia satu bulan. Ia memberi perkhidmatan kepada bayi yang memerlukan rawatan pesakit dalam dan rawatan intensif bayi. Kemasukan pesakit di Wad Rawatan Rapi Bayi/SCN adalah daripada Wad Bersalin, Wad Post-natal, Dewan Bedah mahupun Jabatan Kecemasan dan rujukan terus daripada hospital-hospital atau klinik-klinik kerajaan atau swasta yang berhampiran. Wad ini mempunyai kapasiti katil sebanyak 70 buah yang mana 30 dikhaskan untuk pemberian rawatan intensif (tahap3) dan semi intensif (tahap 2), manakala 40 buah katil adalah untuk pesakit tidak kritikal (tahap 1).

Jabatan Pediatrik bekerja secara bersama dengan Jabatan O&G dalam membantu untuk bersedia menerima kelahiran bayi yang berisiko tinggi. Untuk tujuan ini, Jabatan Pediatrik memberikan perkhidmatan saringan bayi baru lahir kepada semua bayi yang dilahirkan di Hospital Kajang, khidmat saringan '*Critical Cyanotic Heart Diseases*', khidmat saringan Congenital Hypothyroidism dan khidmat kaunseling kepada ibu bapa yang menjangkakan kelahiran bayi pramatang atau bayi yang dijangka mempunyai masalah kongenital di wad-wad antenatal. Salah satu perkhidmatan baru yang dilaksanakan pada tahun 2023 ialah saringan pendengaran bayi baru lahir di Wad SCN. Perkhidmatan saringan pendengaran ini adalah sejajar dengan keperluan yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Perkhidmatan saringan pendengaran bayi yang telah dimulakan pada 16/9/2023, telah berjaya menyaring seramai 745 bayi. Seramai 55 bayi yang gagal saringan pendengaran iaitu 7.4% daripada semua bayi yang disaring, telah dirujuk kepada pakar audiologi Hospital Serdang untuk pemeriksaan lanjut.

Pendidikan kesihatan merupakan aktiviti berterusan yang diberikan kepada ibu-ibu yang bayi mereka dimasukkan ke Wad SCN. Diantara pendidikan kesihatan yang ditekankan ialah tentang penyusuan susu ibu, potensi kemalangan dan bahaya di rumah, tunjuk ajar berkaitan pengenalan tanda-tanda klinikal bayi yang sakit tenat yang memerlukan rawatan segera oleh doktor serta demonstrasi rawatan kecemasan di rumah ('*Basic Life Support*').

## **PERKHIDMATAN PESAKIT LUAR**

- **KLINIK PEDIATRIK**

Klinik Pediatrik beroperasi 5 kali seminggu. Selain daripada sesi klinik yang berjadual seperti dalam jadual di bawah, terdapat juga 'walk in clinic' yang mana kami menerima rujukan terus daripada Jabatan Kecemasan Hospital Kajang dan klinik kesihatan yang berhampiran untuk bayi dengan diagnosis *Neonatal Jaundice* dan lain-lain. Secara amnya Klinik Pediatrik ini dijalankan oleh pakar-pakar Pediatrik, pegawai

perubatan dan pegawai perubatan siswazah dengan dibantu oleh paramedik (jururawat, penolong pegawai perubatan, jururawat masyarakat dan pembantu perawatan kesihatan). Pakar-pakar dan pegawai-pegawai perubatan tersebut akan memeriksa dan memberi rawatan untuk pesakit susulan dan rujukan pesakit baru. Pendidikan kesihatan pula diberi secara terus semasa pesakit berjumpa dengan doktor. Penempatan pegawai perubatan siswazah (PPS) adalah seramai seorang sahaja untuk setiap sesi klinik. PPS ditempatkan di bilik prosedur dan menjalankan prosedur pengambilan darah dan spesimen air kencing. Selaras dengan saranan Kementerian Kesihatan Malaysia, semenjak tahun 2016, Klinik Pediatrik telah memulakan perkhidmatan *R lane*. Perkhidmatan ini disediakan kepada pesakit kurang upaya (berkerusi roda, kanak-kanak hyperactive dll) yang memerlukan rawatan segera tanpa menunggu terlalu lama.

**Jadual Klinik Pediatrik Hospital Kajang**

HARI	WAKTU	DISIPLIN PERAWATAN
Isnin	8.00 pagi – 1.00 tengahari 2.00 petang -5.00 petang	Pediatrik Am Neonatologi <i>Developmental Paediatric</i> Echocardiogram
Selasa	2.30 petang – 5petang	Klinik kaunseling berkaitan: -kes penderaan dan pengabaian -kematian ('grievance counselling')
Rabu	8.00 pagi – 1.00 tengahari	Pediatrik Am Nefrologi/Rheumatologi/Endokrinologi/ Immunologi/ Neurologi/ Klinik kanak-kanak kurang upaya dll.
Khamis	2.00 petang- 5.00 petang	Thalassemia Thalassemia counseling Diabetes
Jumaat	8.00 pagi – 1.00 tengahari	Pediatrik Am Respiratori Kardiologi

- **PERKHIDMATAN DAY CARE**


Jabatan Pediatrik Hospital Kajang tidak mempunyai perkhidmatan 'day care' kerana tiada prasarana. Sebahagian kecil perkhidmatan yang sepatutnya dilakukan secara 'day care' dibuat dengan cara kerja kemasukan Wad Pediatrik. Perkhidmatan 'Day Care' akan beroperasi di Hospital Tuanku Permaisuri Norashikin pada tahun 2024.

## STATISTIK PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

### PERKHIDMATAN PESAKIT DALAM

#### KEMASUKAN PESAKIT KE WAD PEDIATRIK (DISIPLIN PERUBATAN PEDIATRIK SAHAJA) BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2023

- Taburan bilangan kemasukan pesakit pediatrik ke Wad 7 mengikut bulan




- Jumlah Kemasukan Pesakit Pediatrik Bagi Tahun 2020 Hingga 2023

	2020	2021	2022	2023
<b>JUMLAH PESAKIT YANG DIMASUKKAN KE WAD 7</b>	2475	2870	4555	4651

Secara amnya kemasukan pesakit pediatrik ke dalam Wad Pediatrik adalah berjumlah 300 hingga 450 orang sebulan. Semasa negara dilanda wabak Covid 19 dan *Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)*, jumlah kemasukan pesakit berkurang kepada lebih daripada separuh. Selepas berakhirnya pandemik Covid 19, bilangan kemasukan pesakit ke Wad Pediatrik didapati meningkat lebih sekali ganda dan melebihi kemasukan pada atau sebelum tahun 2019. Ini memberi sedikit kesulitan dalam mengurus dan menyediakan prasarana yang selesa kepada pesakit. Bilik Mainan yang merupakan satu bilik yang pernah diperuntukkan untuk rekreasi pesakit telah diubah kepada kawasan menempatkan pesakit-pesakit.

#### KADAR PENGGUNAAN KATIL WAD PEDIATRIK (WAD 7) TAHUN 2020 HINGGA 2023

- Kadar penggunaan katil (*Bed occupancy rate, BOR %*) di Wad Pediatrik pada tahun 2020 hingga 2023



Sejajar dengan peningkatan kemasukan pesakit ke dalam Wad Pediatrik, peratus penggunaan katil juga meningkat melebihi 100% pada setiap bulan dalam tahun 2023 kecuali pada bulan April 2023.

## KELAHIRAN HIDUP TAHUN 2023


- Kelahiran Hidup Tahun 2023

	2020	2021	2022	2023
<b>JUMLAH KELAHIRAN HIDUP</b>	5433	5839	4439	3493

Jumlah kelahiran di Hospital Kajang didapati berkurangan berbanding tahun 2020 dan 2021. Ini adalah kerana pada tahun 2020 dan 2021, terdapat hospital-hospital berdekatan iaitu Hospital Ampang dan Serdang serta Hospital Selayang yang ditukarkan menjadi Hospital yang hanya menerima kemasukan ibu-ibu mengandung positif Covid 19. Maka pada ketika itu, Hospital Kajang mengalami influx perawatan wanita bersalin yang tinggi. Selepas berakhirnya pandemik Covid 19, kadar kelahiran bayi di dapati menurun kepada 4439 pada tahun 2022 apabila tiga hospital berdekatan kembali beroperasi seperti biasa. Penurunan bilangan bayi yang dilahirkan pada tahun 2023 berbanding tahun 2022-pula adalah berikutan daripada pembukaan dan pengoperasian hospital-hospital baru seperti Hospital Cyberjaya dan Hospital Pengajar UPM.

## BILANGAN KEMASUKAN BAYI KE WAD NICU/SCN

- Bilangan Bayi yang di masukkan ke Wad NICU/SCN Hospital Kajang mengikut bulan pada tahun 2020 hingga 2023.



- Jumlah Kemasukan Bayi Ke Wad Nicu/Scn Bagi Tahun 2020 Hingga 2023


	2020	2021	2022	2023
<b>JUMLAH PESAKIT YANG DIMASUKKAN KE NICU/SCN</b>	3635	3622	2697	3493

Jumlah kemasukan bayi ke Wad NICU/SCN adalah dalam julat 274 orang (November 2023) hingga 317 bayi (Januari 2020). Jumlah kemasukan bayi secara total untuk tahun 2023 adalah seramai 3493 bayi dan jumlah ini didapati meningkat berbanding tahun 2022 namun lebih kurang sama dengan tahun 2020-2021. Purata kemasukan bayi dalam sehari ialah 10 bayi. Kemasukan bayi ini adalah daripada wad bersalin atau

wad post-natal ('inborn') mahupun dari luar hospital Kajang ('outborn') dengan peratusan 50% setiap kategori.

### KADAR PENGGUNAAN KATIL (BOR) NICU/SCN

- Kadar penggunaan katil di NICU/SCN pada tahun 2020-2023




Kadar penggunaan katil di Wad NICU/SCN adalah antara 76.3% (Oktober 2023) hingga 90.6% (Februari 2023) dengan purata BOR 80.86%. Peratusan kadar penggunaan katil ini didapati berkurang kerana bilangan katil yang diwartakan telah dinaikkan dari 30 buah katil kepada 70 buah katil pada tahun 2022.

### PERKHIDMATAN PESAKIT LUAR

#### PENCAPAIAN STATISTIK KLINIK PAKAR KANAK-KANAK

- Bilangan pesakit yang dirawat di Klinik Pakar Pediatrik pada tahun 2020 hingga 2023



- Jumlah pesakit yang dirawat di Klinik Pediatrik Hospital Kajang

Tahun	2020	2021	2022	2023
Jumlah Pesakit Luar di Klinik Pediatrik	10,602	9,439	10,077	11,330
Jumlah Pesakit Baru yang di rawat di Klinik Pediatrik	2,427	2,203	2,302	2,460

Julat bilangan pesakit kanak-kanak yang dirawat di Klinik Pakar Pediatrik setiap bulan pada tahun 2023 adalah 648 pesakit (April 2023) hingga 1157 pesakit (Mei 2023). Purata kedatangan harian ialah 80 orang pesakit. Merujuk kepada jadual di atas, 21% kedatangan pesakit ke Klinik Pakar Pediatrik merupakan pesakit baru yang dirujuk atau selepas discaj daripada wad. Jumlah kedatangan pesakit ke Klinik Pakar Pediatrik didapati meningkat sebanyak 12.4% berbanding tahun 2022.

## KEY PERFORMANCE INDEX (KPI)

Secara keseluruhannya kesemua 'key performance indicators' untuk Jabatan Pediatrik yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia telah tercapai. Senarai 'Key Performance Indicators' (KPI) adalah seperti di bawah:

### Senarai 'Key Performance Indicators' (KPI) Jabatan Pediatrik

	'Indicator'	'Standard'	Numerator	Denominator	Pencapaian %
1	Percentage of patients whose waiting time of $\leq 90$ minutes to see doctor at Paediatric specialist clinic	$\geq 90\%$	3478	3730	93.24%
2	Percentage of survival of inborn very low birth weight infants between 100-1499gram birth weight	$\geq 90\%$	38	39	97.43%
3	Community acquired pneumonia death rate (in previously healthy children between 1 month and 5 years)	$\leq 0.5\%$	1	1359	0.07%
4	Percentage of paediatric patients with unplanned readmission to Paediatric ward within ( $\leq$ ) 48 hours of discharge	$\leq 0.5\%$	0	4356	0

## OBJEKTIF KUALITI

Berikut adalah pencapaian objektif kualiti bagi Tahun 2023 bersesuaian dengan keperluan piawaian MS ISO 9001:2015. Sebahagian daripada objektif kualiti ini adalah juga KPI bagi Jabatan Pediatrik.

Objektif Kualiti	Standard	Pencapaian
Wad Pediatrik Kadar kejadian komplikasi vascular (thrombophlebitis gred $\geq 2$ / extravasation) berikutan kanulasi intravena	$< 5\%$	0.56%
Ward NICU Percentage of survival of inborn very low birth weight infants between 100-1499gram birth weight	$\geq 90\%$	97.43%
Klinik Pediatrik Percentage of patients whose waiting time of $\leq 90$ minutes to see doctor at Paediatric specialist clinic	$\geq 90\%$	93.24%

## AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2023

Selain daripada menjalankan perkhidmatan perawatan dan kesihatan, Jabatan Pediatrik Hospital Kajang juga menjalankan beberapa aktiviti latihan dan extra kurikulum.

## LATIHAN

- a. Bengkel NRP “Neonatal Resuscitation Program” peringkat hospital/ jabatan Program resusitasi bayi di peringkat jabatan terus dilaksanakan sepanjang tahun 2023. Seramai 40 pegawai perubatan siswazah (PPS), *family medicine specialist trainees (FMST)* dan pegawai perubatan baru di jabatan telah dilatih. Pada 7/9/2023 pihak jabatan telah mengadakan latihan NRP edisi ke 8 untuk jurulatih-jurulatih NRP yang terdiri daripada pakar-pakar pediatrik (7 orang) pegawai-pegawai perubatan (5 orang) dan juruwawat (4 orang). Kursus NRP peringkat Hospital Kajang pula telah dilaksanakan pada 12-13 hb Disember 2023 dan telah disertai oleh 15 anggota daripada pelbagai disiplin.
- b. Pengajaran sisi katil  
Pembelajaran sisi katil dilakukan setiap hari oleh pakar-pakar pediatrik yang bertugas di wad-wad dan klinik.
- c. ‘Continuous Medical Education’ (CME) Jabatan  
CME jabatan diadakan pada setiap hari khamis antara jam 12.00 tengah hari -2.00 petang. Perbincangan mortaliti dan morbiditi dijalankan pada hari Selasa dan khamis pada minggu terakhir setiap bulan.
- d. CME Pegawai Perubatan Siswazah  
Aktiviti di atas dijalankan pada hari Selasa (2 kali sebulan) jam 2.00-3.00 petang. Ianya dijalankan bersama pakar-pakar Pediatrik mengikut jadual yang telah disediakan.
- e. Kursus Penyusuan Susu Ibu peringkat hospital dijalankan bersama-sama Jabatan O&G sebanyak 3 kali setahun.
- f. Pendidikan kesihatan kepada ibu-bapa dan waris pesakit dilakukan secara berterusan di wad-wad dan Klinik Pakar Pediatrik.
- g. Sesi CNE (continuous nursing education) dijalankan sekali setiap minggu untuk setiap wad.
- h. Memberi latihan kepada pelajar-pelajar perubatan daripada universiti- universiti awam dan swasta (UPM, MSU dan University of Cyberjaya)
- j. Memberi latihan kepada pelatih pakar perubatan keluarga dari universiti tempatan seperti UKM, UPM, UiTM dan USM. Seramai 7 pelatih telah menjalani penempatan Pediatrik sepanjang tahun 2023

### AKTIVITI SAMPINGAN

- Sambutan Hari Kanak-Kanak peringkat Hospital Kajang telah diadakan pada 21hb. November 2023 dan dirasmikan oleh Pengarah Hospital Kajang. Sambutan Hari Kanak-kanak tersebut dianjurkan Bersama Jabatan Pediatrik dan Jabatan Pergigian Pediatrik. Terdapat pelbagai aktiviti yang telah dibuat diantaranya ‘booth’ Pendidikan Kesihatan dari Jabatan Pediatrik, Jabatan Pergigian Pediatrik dan Jabatan Dietetik dan Sajian, aktiviti bersama badut dan permainan.
- Sambutan Hari Bayi Pra-matang yang dijalankan seiringan dengan Hari Pra-matang Sedunia pada 17 haribulan November setiap tahun. Pada 17/11/2023 telah diadakan CME peringkat Hospital Kajang dengan tajuk ‘Born too soon: The Evolution Of Neonatal Care’. Sambutan Hari Bayi Pra-matang juga diadakan di NICU/SCN

- Bengkel Thalassemia dan lawatan ke G2G Animal Garden MAEPS Serdang pada 9/12/2023. Bengkel Thalassemia merupakan acara tahunan yang diadakan oleh Jabatan Pediatrik yang bertujuan untuk memperkuatkan hubungan antara para petugas Kesihatan dan pesakit-pesakit Thalassemia.



Lawatan pesakit-pesakit Thalassemia ke G2G Animal Garden MAEPS MARDI, Serdang



Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia Peringkat Hospital Kajang pada 21/12/2023



Kursus 'Neonatal Resuscitation Programme' (NRP) 8<sup>th</sup> Edition Peringkat Hospital Kajang pada 12 dan 13 Disember 2023



Kursus 'Neonatal Resuscitation Programme (NRP), Training the Trainers' pada 7/9/2023

# JABATAN PERGIGIAN PEDIATRIK

Jabatan Pergigian Pediatrik adalah salah satu daripada rangkaian jabatan klinikal yang terdapat di Hospital Kajang. Ia terletak di Bangunan Pergigian, lokasi yang sama dengan Jabatan Pembedahan Mulut dan Jabatan Pergigian Keperluan Khas. Ia merupakan pusat rujukan dan menerima kes-kes untuk rawatan Intensif bagi kes-kes yang dirujuk dari wad-wad, jabatan-jabatan lain di hospital dan klinik-klinik kerajaan dan swasta dari sekitar daerah Hulu Langat. Kes yang dirujuk merupakan kes trauma, pesakit kanak-kanak istimewa serta yang mempunyai masalah perubatan. Sejak ia ditubuhkan pada awal tahun 2012, Jabatan Pergigian Pediatrik Hospital Kajang berfungsi sebagai sebuah jabatan yang berdiri sendiri dan sekarang jabatan ini memiliki 13 orang kakitangan tetap dan seorang kakitangan sambilan.

## VISI

Memberi perkhidmatan pergigian yang optima berlandaskan pengetahuan terkini, teknologi pergigian yang bersesuaian di persekitaran klinik yang berorientasikan prinsip "*child friendly*" atau mesra kanak-kanak.

## MISI

Untuk meningkatkan kualiti hidup kanak-kanak melalui program pencegahan dan rawatan yang berkualiti tinggi dengan:

- menyediakan rawatan yang selaras dengan keperluan pesakit
- berteknologi sesuai
- kakitangan yang terlatih, professional, efisien, berkomitmen tinggi dan prihatin terhadap kanak-kanak.


## OBJEKTIF

- Menyediakan perkhidmatan kesihatan pergigian pencegahan, kuratif dan rehabilitatif kepada kanak-kanak berumur 16 tahun dan ke bawah, terutamanya kanak-kanak dengan keperluan khas.
- Menyediakan rawatan pergigian secara komprehensif dan penjagaan kesihatan mulut kepada semua kes yang dirujuk, sehingga mencapai tahap "*orally-fit*"; iaitu bebas daripada gejala dan tanda-tanda penyakit mulut yang aktif.
- Melibatkan diri di dalam melatih kakitangan kumpulan pengurusan dan sokongan melalui CME, CPD, latihan basik dan pos-basik dan juga latihan secara jarak jauh.
- Meningkatkan taraf perawatan yang lebih mesra dan prihatin terhadap masalah kesihatan dan perkembangan bayi dan kanak-kanak.
- Menghantar anggota untuk latihan lanjutan, kursus, seminar dan bengkel dari masa ke semasa untuk meningkatkan kemahiran bagi memenuhi tenaga profesional yang berkualiti.
- Melibatkan diri di dalam penyelidikan yang berkaitan dengan perkhidmatan kesihatan.

**KAKITANGAN JABATAN PERGIGIAN PEDIATRIK 2023**



**CARTA ORGANISASI  
JABATAN PERGIGIAN PEDIATRIK  
HOSPITAL KAJANG**



## SKOP PERKHIDMATAN

Sebagai pusat rujukan untuk penilaian, diagnosis dan pemulihan pesakit-pesakit 16 tahun yang kebawah yang memerlukan rawatan kepakaran pergigian pediatrik. Ini adalah merangkumi:

### KLINIKAL

Pengurusan kes-kes oral dan maksilofasial pesakit pediatrik yang berumur 16 tahun ke bawah:


- Pesakit pediatrik yang mempunyai kompromi perubatan seperti mereka yang mengidap penyakit 'immunosuppression' akibat rawatan kanser atau pesakit pemindahan organ, kanak-kanak yang mempunyai kecacatan jantung kongenital, diskrasia darah, serta penyakit-penyakit kronik seperti asma, diabetes dan gangguan renal.
- Pesakit pediatrik yang terdiri dari kanak-kanak istimewa seperti kanak-kanak bermasalah pembelajaran, mengalami *cerebral palsy*, menghidap epilepsy, autism dan sebagainya.
- Pesakit pediatrik yang mengalami masalah pergigian yang spesifik dan kompleks.
- Pesakit pediatrik yang mempunyai masalah keabnormalan pergigian yang serius seperti *amelogenesis* dan *dentinogenesis imperfecta, hypodontia, supernumerary*, dan sebagainya.
- Pesakit pediatrik yang memerlukan pembedahan dento-alveolus.
- Pesakit pediatrik yang mengalami trauma orofasial.
- Pesakit pediatrik yang mempunyai masalah patologi dan perubatan mulut termasuk mereka yang mempunyai anomali orofasial.
- Pesakit pediatrik yang mengalami karies awal kanak-kanak.
- Pesakit pediatrik yang dirujuk untuk pengendalian masalah perilaku seperti tidak dapat memberi kerjasama dan takut terhadap persekitaran klinik dan rawatan pergigian.
- Membuat pemeriksaan patologi mulut untuk pesakit pediatrik.
- Pemeriksaan kes-kes forensik odontologi termasuk kes-kes penderaan kanak-kanak.
- Melakukan prosedur di bawah bius umum di dewan bedah (OT).
- Pengurusan pesakit pergigian pediatrik menggunakan sedasi oral dan inhalasi.
- Bertugas atas panggilan di luar waktu pejabat.

### BUKAN KLINIKAL


- Membuat laporan perubatan.
- Memberi latihan yang bersesuaian untuk anggota yang terdiri daripada pegawai-pegawai pergigian 'New Dental Officer Programme' (NDOP), pegawai-pegawai pergigian yang ingin melanjutkan pelajaran dalam bidang pergigian pediatrik, jururawat pergigian, pembantu pembantu pembedahan pergigian dan juruteknologi pergigian.
- Menjalankan projek penyelidikan.
- Bertanggungjawab ke atas sistem pengurusan maklumat kesihatan (HMIS)

## STATISTIK PENCAPAIAN PERKHIDMATAN


### JUMLAH PESAKIT DI JABATAN PERGIGIAN PEDIATRIK HOSPITAL KAJANG 2023



### JUMLAH PESAKIT DI JABATAN PERGIGIAN PEDIATRIK HOSPITAL KAJANG DARI TAHUN 2016 – 2023




### JUMLAH PESAKIT DI JABATAN PERGIGIAN PEDIATRIK HOSPITAL KAJANG TAHUN 2016 – 2023



Jumlah pesakit menunjukkan peningkatan yang sekata sejak tahun 2016. Peningkatan jumlah pesakit yang sekata adalah disebabkan penerimaan pesakit rujukan dari klinik pergigian / klinik dan hospital semakin bertambah disebabkan oleh kesedaran ibu bapa terhadap masalah pergigian yang berlaku terhadap anak masing-masing. Pada tahun 2020 menunjukkan penularan wabak Covid-19 yang diikuti dengan Perintah Kawalan Pergerakan. Ini menyebabkan pertukaran dari segi SOP (*Standard operating procedure*) dan limitasi ini adalah penyebab utama pesakit berkurang mulai tahun 2020 dan 2021.

## JUMLAH PESAKIT DI JABATAN PERGIGIAN PEDIATRIK HOSPITAL KAJANG PENCEGAHAN KLINIKAL JAN-NOV 2023



Graf diatas menunjukkan jenis rawatan yang diberikan di jabatan ini pada tahun 2023. Setiap rawatan yang dilakukan di Jabatan Pergigian Pediatrik diselaraskan mengikut keperluan setiap pesakit secara individu. Rawatan pencegahan atau *preventif* kerap dilakukan untuk pencegahan awal sebelum terbentuknya tanda-tanda awal karies. Contoh rawatan pencegahan adalah rawatan Sealant Fisur pada gigi geraham kekal dan penyapuan ubat florida topikal pada permukaan gigi. Selain di klinik, kami juga menggunakan fasiliti di dewan bedah untuk memberi rawatan di bawah bius am kepada pesakit kami. Kami menggunakan fasiliti di wad 7B untuk menempatkan pesakit-pesakit dalaman. Kerjasama yang diberi oleh disiplin-disiplin perubatan yang lain amat di hargai kerana ia membantu untuk melancarkan proses kerja kami.

### KEY PERFORMANCE INDEX (KPI)

KPI	STANDARD	PENCAPAIAN 2023
% Pembedahan kes ECC dijalankan	(Standard >50%)	136.49%
% Patients with waiting time of <90 minutes to see the doctor at the Department of Paediatric Dentistry	(Standard ≥90%)	100%
% Kegagalan tampalan yang diberi dibawah GA dalam tempoh 6 bulan review	(Standard <2.5 %)	0.7%
% Oral soft tissue injury during dental procedure in children	(Standard <10%)	0.07%

## PENYELIDIKAN & INOVASI

PENCAPAIAN	2023
KAJI SELIDIK YANG SELESAI/SEDANG DIJALANKAN	<p><b>Quality Assurance:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Improving Attendance Rates at 6 Months Recall Post-CDT under General Anesthesia (3<sup>rd</sup> cycle)</li> </ul>
	<p><b>STUDY:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Quality of Life and Dental Anxiety in Children with Molar Incisor Hypomineralisation attending Paediatric Dental Clinic, Kajang Hospital. (Menunggu kelulusan proposal dari Program Pergigian)</li> </ul>


#### Audit Klinikal:

- Audit Klinikal bertajuk "An Audition Utilization & Completion of Consent Form in the Department of Paediatric Dentistry, Hospital Kajang" (Presenting (oral presentation) in IIUM-NOHRI Conference 20-21 October 2023)

#### Poster

- Paediatric Dentistry Unveiled : Journeying through the Continuum of Care (Poster Presentation in Minggu Kualiti HKJ 15-18 Aug 2023, 1st prize winner)
- A two-cycle Audit on the Quality of Digital Intra-oral Radiographs in the Department of Paediatric Dentistry, Kajang (Poster Presentation at Malaysia Association of Paediatric Dentistry (MAPD) 2023 Bi-ennial Scientific Conference & Trade Exhibition at Berjaya Times Hotel, Kuala Lumpur (9-11 Mac 2023)

## AKTIVITI JABATAN



Sempena WOHD 2023, DSA Anis & DSA Stephanie telah menyertai pertandingan videografi manakala JPK Afrah & Mystep Aina menyertai pertandingan fotografi anjuran Malaysian Dental Association (MDA) pada 28 Feb 2023.



Bengkel Pemantapan Pengendalian Pesakit Pergigian Pediatrik telah diadakan pada 15/3/2023.  
Bengkel ini melibatkan Juruterapi Pergigian di daerah Hulu Langat



Dr Nurhani Izazie menyampaikan pembentangan bertajuk "Ghost Cells: The Enigma" di Berjaya Times Square pada 9,10 & 11 Mac 2023.



Sesi Paediatric Dental Oral Pathology And Oral Medicine Joint Clinic anjuran Jabatan Pergigian Pediatrik pada 14/3/2023



Menyertai Kursus Basic Life Support pada 12/7/2023 yang dianjurkan oleh Jabatan Bius Hospital Kajang



Menyertai Minggu Kualiti Hospital Kajang pada 18/8/2023. Berjaya mendapat tempat pertama dalam pertandingan poster oleh Dr Hani dengan topik, Paediatric Dentistry Unveiled : Journeying Through The Continuum Of Care. Menyertai pembentangan projek dalam klinkal audit, projek QA dan Case Report



Menyertai aktiviti pameran kesihatan pergigian pada 7/9/2023 sempena Minggu Kesedaran Kesihatan awam yang dianjurkan oleh Unit Kesihatan Awam Hospital Kajang



Menyertai aktiviti pameran kesihatan pergigian dan kuiz interaktif pergigian pada 7/9/2023 sempena Minggu Hari Penyusuan Susu Ibu yang dianjurkan oleh Hospital Kajang



Menyertai pertandingan TikTok & poster sempena Minggu Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Hospital Kajang pada 10/10/ 2023 dan telah mendapat tempat ke-3



Lawatan Ke Jabatan Kecemasan Kanak-Kanak Hospital Tunku Azizah pada 31 Oktober 2023



Kursus "Its Awetism ; A Holistic Approaching in Treating Children with Autism For Dental Personnel telah diadakan pada 11/7/2023. Kursus dijalankan secara atas talian yang melibatkan Pegawai pergigian di Selangor



Kursus Medication Safety For The Paediatric Dental Patients telah diadakan pada 13/6/2023. Peserta kursus melibatkan Pegawai pergiinan di daerah Hulu Langat



Menyertai aktiviti pameran kesihatan pergigian dan pemeriksaan pergigian pada 22 Oktober 2023 sempena Bulan Kesedaran Kanser Payudara yang dianjurkan oleh Hospital Kajang



Menyertai pertandingan memasak sempena Hari Minggu Diabetes pada 14 November 2023.  
Pencapaian : saguhati



Memberi rawatan pergigian menggunakan sedasi nitrous oxide untuk pesakit oleh pelajar Pascasiswazah



Menganjurkan program Hari Kanak-kanak bersama Jabatan Pediatrik Hospital Kajang pada 21 Nov 2023

**DIREKTORAT**

**PEMBEDAHAN &**

**KECEMASAN**



# JABATAN PEMBEDAHAN AM

Secara am nya, Jabatan Pembedahan Am Hospital Kajang telah lama beroperasi dan mempunyai khidmat kepakaran yang meluas dan komprehensif.

Struktur jabatan kami merangkumi:

- Wad 1 (Lelaki)
- Wad 4 (Perempuan)
- Wad 7B (Kanak-kanak)
- Klinik Pakar Pembedahan (SOPD)
- Dewan Bedah (Kes Elektif dan Kecemasan)
- Bilik Prosedur (FNAC, Endoskopi)

## OBJEKTIF

1. Memberikan perkhidmatan pembedahan am yang berkualiti, kepakaran untuk pesakit atau pelanggan melalui kerja berpasukan dan mengamalkan sikap penyayang dan professional berdasarkan "Evidence Based Medicine".
2. Menggalakkan penyelidikan dan audit untuk memelihara dan meningkatkan mutu perkhidmatan.
3. Menyediakan suasana kerja dan memberibimbing serta panduan kerja klinikal kepada pegawai perubatan, pegawai perubatan siswazah, pelajar siswazah atau pelajar sarjana.
4. Menyediakan latihan dalam bidang pembedahan dan member galakan kepada pegawai perubatan dan pakar pembedahan untuk memilih pembedahan sebagai karier berterusan.
5. Memberi pendidikan kesihatan serta kempen kesedaran untuk orang awam bagi mencegah penyakit-penyakit berkaitan.
6. Memberi sokongan kepada pesakit-pesakit kronik seperti kanser dengan menubuhkan "support group" dan member tunjuk ajar kepada pesakit seperti menjaga stoma, mencuci luka dan rawatan susulan.

## SKOP PERKHIDMATAN

1. Rawatan pesakit dalam merangkumi aspek-aspek berikut:

- Rawatan dan prosedur
- Rundingan dan kaunseling
- Pendidikan pesakit
- Rawatan susulan

2. Perkhidmatan pesakit luar seperti berikut:

- Pemberian rawatan dan nasihat perubatan di klinik
- Memberi khidmat prosedur ringan seperti 'wound dressing', "FNAC", dan endoskopi
- Program 'Surveillance' atau 'Screening' untuk penyakit seperti kanser dan lain-lain.

### 3. Pembedahan Elektif dan Kecemasan

- Pembedahan am (*Appendicectomy, Hernioplasty*)
- Pembedahan trauma (*Exploratory Laparotomy, Wound Exploration*)
- Pembedahan Pediatrik (*Herniotomy, Circumcission*)
- Pembedahan Laparoskopik (*Cholecystectomy, Hernia Repair*)
- Pembedahan Payu Udara dan Endokrin (*Mastectomy, Thyroidectomy*)
- Pembedahan *Upper Gastrointestinal* (*Gastrectomy*)
- Pembedahan *Hepatobiliary* (*Cholecystectomy, CBD exploration*)
- Pembedahan *Head and Neck* (*Parotidectomy, Tracheostomy*)
- Pembedahan Plastik (SSG)
- Pembedahan Urologi (*Cystoscopy*)
- Pembedahan *Colorectal* (*Colectomy, Abdominal Perineal Resection, Anterior Resection*)

### 4. Perkhidmatan Onkologi

- Rawatan secara kerjasama dengan IKN (International Kanser Institute)


### 5. Perkhidmatan perubatan palliative

- *Pain optimization*
- *Pleural tapping, Peritoneal tapping*
- Rawatan dengan kerjasama *Hospis*

## STATISTIK PENCAPAIAN PERKHIDMATAN 2023

### KLINIK PAKAR PEMBEDAHAN AM SEPANJANG TAHUN 2023 (JANUARI – DISEMBER)

Klinik Pakar berjalan 2 kali seminggu pada hari Selasa dan Khamis, bermula 8 pagi kecuali hari cuti am




BULAN	KES BARU	KES LAMA	TOTAL
JANUARI	359	762	1121
FEBRUARI	284	870	1154
MAC	386	805	1191
APRIL	272	611	883
MEI	380	827	1207
JUN	331	812	1143
JULAI	345	840	1185
OGOS	400	898	1298
SEPTEMBER	348	719	1067
OKTOBER	344	869	1213
NOVEMBER	338	882	1220
DISEMBER	297	794	1091
JUMLAH	4084	8689	13773

Perincian jumlah pesakit kes baru dan kes lama sepanjang 2023


### PESAKIT DALAM JABATAN PEMBEDAHAN AM TAHUN 2023

Sepanjang tahun 2023, sejumlah 3472 pesakit telah dimasukkan ke dalam wad. Majoriti, 1750 orang pesakit lelaki (WAD 1) diikuti 1248 orang pesakit wanita (wad 4) dan selebihnya seramai 474 pesakit kanak-kanak.



## PROSEDUR-PROSEDUR UTAMA JABATAN PEMBEDAHAN TAHUN 2023

Meliputi ogds, colonoscopy dan FNAC.



## KES-KES PEMBEDAHAN JABATAN PEMBEDAHAN AM TAHUN 2023

Kes-kes pembedahan elektif dijalankan 3 hari seminggu, 6 jam sehari pada hari-hari Isnin, Rabu dan Jumaat kecuali hari cuti umum. Manakala kes-kes kecemasan pada setiap hari.



## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

- Hernioplasty workshop 24/5/23
- Pink October 2023
- Circumcision workshop 15/12/23

## AKTIVITI KUALITI

- Clinical audit for chest tube
- Pain score assessment clinical audit
- Traumatic brain injury audit

### GAMBAR AKTIVITI (Pink Oktober 2023)



# JABATAN ORTOPEDIK

Jabatan Ortopedik di Hospital Kajang memberi perkhidmatan kepada pesakit-pesakit Ortopedik di daerah Kajang dan sekitarnya. Jabatan menerima rujukan daripada hospital-hospital awam dan swasta, Klinik-klinik Kesihatan dan Klinik-klinik Swasta. Setiap pesakit yang dirujuk akan menerima rawatan di Jabatan Kecemasan, Klinik Pakar Ortopedik dan di wad –wad Ortopedik.

## VISI

Mewujudkan suatu jabatan yang mempunyai sistem kerja yang cemerlang dan berkualiti dalam memberikan perawatan yang terbaik dan memenuhi kehendak pelanggan.


## MISI

- 1) Memberikan perkhidmatan rawatan pembedahan dan tanpa pembedahan kepada pesakit berpandukan 'prosedur operasi standard' (SOP) yang telah ditetapkan.
- 2) Memberikan pendidikan kesihatan dan kaunseling yang bersesuaian kepada pesakit yang mendapatkan rawatan.
- 3) Memberi layanan mesra dan betul kepada semua pesakit yang mendapatkan rawatan pesakit dalam dan pesakit luar.
- 4) Memastikan pesakit yang mendapatkan rawatan menjalani proses rehabilitasi yang bersesuaian.
- 5) Memastikan semua pesakit dirawat secara holistic dan optimum.

## OBJEKTIF

Untuk membantu individu mencapai dan mengekalkan tahap kesihatan muskuloskeletal bagi meningkatkan kehidupan ke arah yang lebih produktif dan berkualiti. Ini boleh dicapai dengan menyediakan perkhidmatan yang bercorak penggalakkan, pencegahan, rawatan dan pemulihan yang cekap dan bersesuaian

## CARTA ORGANISASI JABATAN



## SKOP PERKHIDMATAN

- 1) Merawat Pesakit di Klinik Pakar Ortopedik di Klinik Pakar 2
- 2) Merawat Pesakit di Wad Ortopedik
  - Wad 1) Lelaki Dewasa
  - Wad 4) Perempuan Dewasa
  - Wad 7B) Kanak-kanak
- 3) Merawat Pesakit di Wad - Wad Lain
- 4) Merawat Pesakit di Jabatan Kecemasan
- 5) Melakukan Pembedahan Kecemasan
- 6) Melakukan Pembedahan Elektif Major dan Minor
- 7) Melaksanakan tugas 'Pegawai Atas Panggilan' mengikut jadual
- 8) Menghadiri Mesyuarat Jabatan / CME / Census / Mortality / Morbiditi
- 9) Menjalankan prosedur CMR di ward kecemasan dan wad Ortopedik
- 10) Khidmat nasihat/Pendidikan kepada pesakit mengenai POP/External Fixator serta prosedur berkaitan
- 11) Mengajar PPS mengenai semua jenis prosedur berkaitan.
- 12) Melakukan prosedur berkaitan Ortopedik di wad kecemasan/wad-wad Ortopedik/ICU.
- 13) Melakukan cucian luka/membuka benang/membuka external fixator


- 14) Melakukan semua jenis pembedahan Ortopedik
- 15) Memberi penerangan mengenai pembedahan dan mengambil keizinan pembedahan.
- 16) Memasang Backslab/POP jika diperlukan
- 17) Memastikan pesakit yang memerlukan traction dengan berat timbang yang betul (ikut berat badan)

## STATISTIK PENCAPAIAN PERKHIDMATAN


### Statistik Jumlah Kedatangan Pesakit Di Klinik Pakar Jabatan Ortopedik




### Statistik Jumlah Prosedur Di Jabatan Ortopedik




### Statistik Jumlah Kemasukan Pesakit Ke Wad




### Statistik Penggunaan Katil Rasmi Jabatan Ortopedik bagi Tahun 2023



### Statistik Jumlah Pembedahan Elektif Dan Kecemasan Jabatan Ortopedik 2023



## Statistik Jumlah Pembedahan Major dan Minor Jabatan Ortopedik



## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### Kursus-kursus yang dihadiri oleh kakitangan Jabatan Ortopedik :

- 1) Kursus 'Basic AO'
- 2) Kursus 'Basic Orthopaedic Trauma Course' anjuran Hospital Melaka
- 3) Kursus 'Intermediate Orthopaedic Trauma Course' anjuran Hospital Al-sultan Abdullah
- 4) Malaysian Orthopaedic Association Annual General Meeting / Annual Scientific Meeting
- 5) Kursus 'Spine Trauma and Surgery'
- 6) Kursus 'Arthroplasty'
- 7) Kursus 'Basic Arthroscopy'
- 8) Kursus 'Paediatric Orthopaedic'
- 9) Kursus 'Advanced Trauma Surgery'
- 10) Kursus 'Hand And Micro Surgery'
- 11) Kursus 'Foot And Ankle Trauma Management'
- 12) Kursus ' Orthopaedic Oncology'
- 13) Kursus 'Basic Life Support'
- 14) Kursus 'Tendon Repair'
- 15) 'Wound Care Course'
- 16) Kursus 'Pain as 5th Vital Sign'
- 17) 'SAFE SURGERY SAVES LIFE' Symposium 2023

### Kursus - kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Ortopedik pada tahun 2023:

- 1) Kursus 'Basic POP and Ponseti course' pada 25 dan 26 MAY 2023 anjuran bersama Hospital Sultar Abdul Aziz Shah
- 2) Kursus pemasangan POP (Plaster Of Paris ) yang dijalankan sebanyak dua kali iaitu pada

### Aktiviti – aktiviti lain:

- a) Mengadakan Pertandingan Paintball peringkat Jabatan Ortopedik Hospital Kajang

- b) Mengadakan Pertandingan Paintball Antara Jabatan Ortopedik Peringkat Negeri Selangor
- c) Menyertai Pertandingan Futsal Antara Jabatan Ortopedik Peringkat Negeri Selangor
- d) Jamuan Hari Raya Jabatan Ortopedik
- e) Jamuan Akhir Tahun
- f) Menyertai Pertandingan Bola Tampar Antara Jabatan Ortopedik Peringkat Negeri Selangor

### Perancangan Masa Hadapan:

1. Untuk mengadakan kursus-kursus :
  - a. 'Orthopaedic Basic Trauma -BONE SAW'
  - b. 'Orthopaedic Paediatric Update'
  - c. 'Wound Care Management'
  - d. 'Tendon course repair workshop'
2. Menghantar Pakar/Pegawai Perubatan/Pegawai Perubatan Siswazah dan Paramedik untuk menghadiri kursus-kursus berkaitan Ortopedik di Hospital Kajang dan juga kursus-kursus anjuran hospital-hospital lain di Malaysia.
3. Menganjurkan Aktiviti Sukan Antara Jabatan Ortopedik Peringkat Negeri Selangor.

## AKTIVITI KUALITI

### KPI Jabatan

KPI JABATAN ORTOPEDIK TAHUN 2023				
NO	INDICATOR	DIMENSION	STANDARD	RESULT
1	Percentage of patients with waiting time of less than ( $\leq$ ) 75 minutes to see doctor in Orthopaedic Outpatient Clinic after completion of pre-planned procedure	Customer Focus	$\geq 90\%$	95.5 %
2	Percentage of patients with surgical site infection following clean elective orthopaedic surgery	Safety	$\leq 2\%$	1.82%
3	Percentage of unacceptable internal fixations of fracture requiring revision	Clinical Effectiveness	$\leq 2\%$	0.27%
4	Percentage of post primary Total Knee Replacement patient with length of stay in hospital $\leq 5$ days	Customer	$\geq 80\%$	100%
5 (HPIA SI)	Post-operative sepsis rate in Orthopaedic	Acute Care	$\leq 2\%$	0%

## PENYELIDIKAN

Pada tahun 2023, jabatan ortopedik hospital kajang telah menyertai “52<sup>nd</sup> MALAYSIAN ORTHOPEDIC ASSOCIATION MALAYSIA, annual scientific and general meeting” yang di adakan di SPICE ARENA Pulau Pinang pada 15-17 Jun 2023

Seramai 6 pegawai perubatan telah menghantar penyertaan dalam bentuk case report dan semua penyertaan telah terpilih untuk kategori penyampaian lisan dan poster

### Penyampaian lisan / VIVA

- 1) Dr Nurhakim bin Ibrahim
  - 2) Dr Nur Ain Binti Junoh
- Pembentangan Poster
- 1 Dr Muhammad Hayyan Affiq bin Muhammad Lutfi
  - 2 Dr Nur Hidayah Binti Ahmad Kamarulzaman
  - 3 Dr Fatimah binti Shahrudin
  - 4 Dr veshegan a/l Ranganathan
  - 5 Dr Irwan bin Ab Aziz

### Senarai tajuk “case report”

- I. The wrist whisperer : rare case of carpal tunnel syndrome caused by missed lunate dislocation
  - II. Thinking outside the box: modified Gibson with ganz trochanteric osteotomy for improved exposure in hip fracture-dislocation surgery
  - III. Locked out : a rare case of isolated Lunate dislocation
  - IV. An outcome of non operative treatment of fracture to the coracoid process with supraglenoid extension
  - V. Stepping into recovery : Lisfranc injury treated with tightrope fixation
  - VI. Starway slide gone wrong : a rare paediatric Lisfranc injury
- 16

Jabatan ortopedik Hospital Kajang bukan sahaja mementingkan kualiti dalam memberi servis kepada pesakit malahan, juga menitik beratkan prestasi dan kecemerlangan para pegawai perubatan di jabatan ortopedik Hospital Kajang.

Antara pegawai yang telah berjaya memasuki program pasca siswazah

1. Dr Nurhakim bin Ibrahim
2. Dr Syarul Arwiz bin Sahruzzaman
3. Dr Irwan bin Ab Aziz

Pegawai yang melepasi peperiksaan Medex 2023 (persediaan untuk program pasca siswazah)

1. Dr Sam Chi Xuan
2. Dr Muhammad Syauqi Muqri Bin Ilham Akbar

Pegawai yang baru menjadi pakar Ortopedik

1. Dr Ikhwan Hadi bin Abd Samad

## AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIJALANKAN



*Pemeriksaan pesakit di  
Klinik Pakar 1*



*Kursus Basic POP (Plaster Of Paris ) &  
Ponsetti Course*



---

*CME Jabatan*

---



---

*Mesyuarat Jabatan*

---



---

*MOA Annual Scientific Meeting 2023*

---



---

*Pertandingan Futsal Antara Jabatan Hospital Kajang*

---



---

*Pertandingan Paintball Peringkat  
Jabatan Ortopedik, Hospital Kajang*

---



---

*Pertandingan Bola Tampar  
Antara Jabatan Ortopedik,  
Peringkat Negeri Selangor*

---



---

*Jamuan Raya  
Jabatan Ortopedik*

---

# JABATAN KECEMASAN & TRAUMA

Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Kajang telah mula beroperasi semenjak 1895 sehingga sekarang. Jabatan ini beroperasi 24 jam sehari dan berfungsi sebagai pusat perkhidmatan bagi kes-kes perubatan kecemasan dan trauma bagi penduduk di daerah Hulu Langat, khususnya kawasan Kajang.

Skop perkhidmatan yang ditawarkan merangkumi pelbagai aspek perawatan kecemasan dan trauma antaranya Resuscitation & Stabilization, Diagnostic & Definitive Care Management, Pengurusan Bencana, Perkhidmatan Rawatan Pra Hospital & Ambulans, dan Pusat Krisis Bersepadu (One-Stop Crisis Centre).

Selain daripada itu, Jabatan ini juga merupakan pusat latihan bagi beberapa program pendidikan yang melibatkan perubatan kecemasan termasuk program elektif pelajar perubatan dan program latihan sangkutan bagi Pegawai Perubatan Sarjana Perubatan Keluarga, Pegawai Perubatan Siswazah, Penolong Pegawai Perubatan Program Penempatan Wajib serta Jururawat Pelatih.

## VISI

Jabatan komited dalam memberikan rawatan yang segera kepada pesakit dengan memberi penekanan mengenai penjagaan yang berkualiti dan cekap dalam pengurusan kakitangan.

## MISI

Jabatan komited untuk menyediakan rawatan yang cepat dan tepat serta penjagaan yang berhemah dan berkualiti bagi memastikan keperluan dan kepuasan pelanggan dipenuhi.

## OBJEKTIF

Untuk memberikan perkhidmatan kecemasan yang cepat, tepat dan muktamad kepada para pesakit. Untuk menyediakan perawatan pesakit yang bersepadu dan menyeluruh dari peringkat pra hospital sehingga ke hospital.


## SKOP PERKHIDMATAN

- Resuscitation & Stabilization
- Definitive Care Management
- Pre Hospital Care
- Emergency Asthma Care
- One Stop Crisis Centre
- Disaster Management
- Medico-Legal Cases
- Medical Coverage
- Observational Medicine

- Code Blue
- STEMI Network
- Stroke Network
- Code Blue


## STATISTIK PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

### Statistik Kedatangan Pesakit 2023



Graf menunjukkan purata kedatangan pesakit ke Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Kajang adalah sekitar antara 7000 sehingga 9000 orang setiap bulan.

### Jumlah Kedatangan Pesakit Mengikut Kategori Kes 2023



Graf menunjukkan majoriti kes yang datang ke Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Kajang masih lagi kes-kes bukan kecemasan. Purata kes-kes yang dikategori sebagai kritikal (Merah) dan separa kritikal (Kuning) adalah hampir sama untuk setiap bulan.

### Jumlah bilangan rujukan pesakit ke Jabatan Kecemasan Dan Trauma 2023

	JAN	FEB	MAC	APR	MAY	JUN	JULY	AUG	SEP	OCT	NOV	DEC
<i>KLINIK KESIHATAN</i>	335	271	286	248	236	354	463	393	334	393	420	469
<i>HOSPITAL-HOSPITAL LAIN</i>	40	32	43	35	23	35	42	17	10	17	14	10
<i>PENGAMAL PERUBATAN UMUM</i>	195	191	203	182	169	202	276	220	261	220	260	312
<i>RUJUKAN SENDIRI</i>	6468	5866	5802	5305	6899	7610	8428	7324	7045	7337	7422	7386
<i>LAIN-LAIN</i>	30	33	43	29	45	63	83	83	87	83	95	76
<i>JUMLAH (KES BARU)</i>	7068	6393	6377	5799	7372	8264	9292	8037	7737	8037	8211	8253
<i>ULANGAN</i>	19	17	19	13	19	18	13	13	13	13	15	13
<i>JUMLAH KEDATANGAN</i>	7087	6410	6396	5812	7391	8282	9305	8050	7750	8050	8226	8266

Majoriti pesakit yang datang ke Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Kajang adalah diri-sendiri. Manakala rujukan daripada Klinik Kesihatan adalah yang kedua terbanyak. Statistik juga menunjukkan kes ulangan adalah sangat rendah iaitu sekitar purata 0.21% setiap bulan.

### Statistik Pasukan Perlindungan Perubatan

N O	TAHAP	TARIKH	MASA	HARI	JAWATAN	NAMA	EVENT	VIP/VVIP	PERMOHO NAN	LOKASI
1	TAHAP 2	4-Feb	7AM-7PM	SAT	MO	DR ALVIN JAMES	SAMBUTAN PERAYAAN THAIPUSAM 2023	-	JKWP	KUIL BATU CAVES
					PPP	MUHAMMAD SHUHAIZAD				
					PPW	WAN AKID MUHAIMIN				
					SN	RUSSYAILINA BINTI RUSSLEE				
			PKB	MOHAMAD SHAHRUL						
2	TAHAP 1	21-Mar	3PM - SELESAI	TUE	PAKAR	DR NUR SYUHADAH ZAINOL ABIDIN	PROGRAM KONVENSYEN PERPADUAN NGO-NGO ISLAM	TPM	JKWP	TENERA HOTEL BANGI, SELANGOR
					MO	DR SURAYA EEMA				
					PPP	ANWAR NASIF				
					PPW/HO	MUHAMMAD TAUFIQ MOHAMED PAHARUDIN				
					SN	ROSLINDA YUSOF				
					PEMANDU	ABDUL JALAL HAMZAH				
3	TAHAP 1	6-Apr	5PM HINGGA SELESAI	THU	PAKAR	DR HAIZUM SHAFIE	MAJLIS BERBUKA PUASA (IHYA RAMADAN) DYMM SULTAN SELANGOR BERSAMA RAKYAT DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN HARI RAYA BAGI TAHUN 1444H/ 2023M BERSERTA PERASMIAN MASJID	DYMM SULTAN SELANGOR	JKWP	MASJID AT-TAQWA BANDAR BUKIT MAHKOTA, BANGI (DAERAH HULU LANGAT)
					MO	DR FAKHRUL ISLAM MOHD FADIL				
					PPP	ALI SHAMIZWAN BIN MEJI				
					PPW	MUHAMAD SYAFIQ MOHD TAHIR				
					SN	ROHASNIZA ISMAIL				
					PEMANDU	MOHD ASYRAF ALI				

4	TAHAP 2	13-Apr	2.00PM HINGGA SELESAI	THU	MO	DR SITI SOLEHAH BT KAMARUZAMAN	MAJLIS PERASMIAN STESEN KERETA API KAJANG 2	MENTERI PENGANGKUTAN	JKWP	STESEN KERETAPI KAJANG 2
					PPP	ALI SHAMIZWAN NIN MEJI				
	TAHAP 1	22-May	3.00 PM - 6.00PM	MON	PPW	MUHAMMAD MUZAMMIR	ISTIADAT PENGURNIAAN PINGAT-PINGAT NEGERI SELANGOR SEMPENA KEPUTERAAN YANG KE-77 DYMM SULTAN SELANGOR	SULTAN SELANGOR	JKWP	DEWAN JUBLI PERAK, SULTAN ABDIUL AZIZ, SHAH ALAM
					SN	NIK NOOR CHADYAWATI KARTINI NIK WAHID				
	TAHAP 1	23-May	3.00 PM - 6.00PM	MON	PEMANDU	SAHARZAD BIN UJANG	ISTIADAT PENGURNIAAN PINGAT-PINGAT NEGERI SELANGOR SEMPENA KEPUTERAAN YANG KE-77 DYMM SULTAN SELANGOR	SULTAN SELANGOR	JKWP	DEWAN JUBLI PERAK, SULTAN ABDIUL AZIZ, SHAH ALAM
					PAKAR	DR SUHAILAH BT ABD HALIM				
	TAHAP 1	23-May	3.00 PM - 6.00PM	MON	MO	DR SITI NADIAH BT MD RUSLI	ISTIADAT PENGURNIAAN PINGAT-PINGAT NEGERI SELANGOR SEMPENA KEPUTERAAN YANG KE-77 DYMM SULTAN SELANGOR	SULTAN SELANGOR	JKWP	DEWAN JUBLI PERAK, SULTAN ABDIUL AZIZ, SHAH ALAM
					PPP	DAYLAN BARIN ANAK SEKINA				
	TAHAP 1	23-May	3.00 PM - 6.00PM	MON	PPW/HO	MUHAMMAD FAIZZUDIN B. MOHAMMAD ROZAIMI	ISTIADAT PENGURNIAAN PINGAT-PINGAT NEGERI SELANGOR SEMPENA KEPUTERAAN YANG KE-77 DYMM SULTAN SELANGOR	SULTAN SELANGOR	JKWP	DEWAN JUBLI PERAK, SULTAN ABDIUL AZIZ, SHAH ALAM
					SN	SITI FAIZAH BT ABU HASAN				
	TAHAP 1	23-May	3.00 PM - 6.00PM	MON	PEMANDU	MOHD FIRDAUS B. AB MANAP	ISTIADAT PENGURNIAAN PINGAT-PINGAT NEGERI SELANGOR SEMPENA KEPUTERAAN YANG KE-77 DYMM SULTAN SELANGOR	SULTAN SELANGOR	JKWP	DEWAN JUBLI PERAK, SULTAN ABDIUL AZIZ, SHAH ALAM
					PAKAR	DR SUHAILAH BT ABD HALIM				
	TAHAP 1	23-May	3.00 PM - 6.00PM	MON	MO	DR SITI NADIAH BT MD RUSLI	ISTIADAT PENGURNIAAN PINGAT-PINGAT NEGERI SELANGOR SEMPENA KEPUTERAAN YANG KE-77 DYMM SULTAN SELANGOR	SULTAN SELANGOR	JKWP	DEWAN JUBLI PERAK, SULTAN ABDIUL AZIZ, SHAH ALAM
					PPP	DAYLAN BARIN ANAK SEKINA				
	TAHAP 1	23-May	3.00 PM - 6.00PM	MON	PPW/HO	MUHAMMAD FAIZZUDIN B. MOHAMMAD ROZAIMI	ISTIADAT PENGURNIAAN PINGAT-PINGAT NEGERI SELANGOR SEMPENA KEPUTERAAN YANG KE-77 DYMM SULTAN SELANGOR	SULTAN SELANGOR	JKWP	DEWAN JUBLI PERAK, SULTAN ABDIUL AZIZ, SHAH ALAM
					SN	SITI FAIZAH BT ABU HASAN				

7	TAHAP 1	7-Jun	9.00AM	TUE	PEMANDU	MOHD FIRDAUS B. AB MANAP	LAWATAN KDYMM SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG KE RUMAH SERI KENANGAN (RSK) CHERAS, SELANGOR	RAJA PERMAISURI AGONG	JKWP	RUMH SERI KENANGAN CHERAS, ELANGOR	
						PAKAR					NUR SYUHADAH ZAINOL ABIDIN
						MO					DR DANIA HAZIRAH BT MOHAMAD HATTA
						PPP					SITI ROHAYU BT ROHMAN
						PPW/HO					VIGAASHINI A/P NARASIMMAN
						SN					AKMAL ZARIFATUL RIF'AH BT MOHD ZUHDI
						PEMANDU					ABDUL ISDIN B. MOKHTAR
8	TAHAP 2	28/8 - 31/8	6.00 AM	MON - THU	MO	DR. LIYANA BT HASSAN	SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN, DATARAN PUTRAJAYA	YDA& ISTERI SERTA SEMUA AHLI KABINET	JKWP	DATARAN PUTRAJAYA	
					PPP	DAYLAN BARIN ANAK SEKINA					
					PPW	MUHAMMAD HARITH BIN AAZEMI					
					SN	NORSYAPIQAH BT HERMAN					
					PEMANDU	MOHD ASYRAF ALI					
					PAKAR	DR. NURDIANAH BINTI ABDUL RAHMAN					
9	TAHAP 1	7/11- 13/11	6.00 AM	TUE - MON	PAKAR	DR. NURDIANAH BINTI ABDUL RAHMAN	PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN PERUBATAN PETRONAS MOTOGP OF MALAYSIA 2023	SEMUA PELUMBA	JKWP	SEPANG INTERNATIO NAL CIRCUIT	
					PPP	ALI SHAMIZWAN BIN MEJI					
					SN	NUR SHUHADA BINTI ISMAIL					
					PPK	MUHAMMAD AMIERUL HAIKAL BIN AHMAD JANI					

**PEMBANGUNAN MODAL INSAN**
**Kursus/ Aktiviti Jabatan bagi Tahun 2023**

BIL	KURSUS/AKTIVITI	TARIKH	PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB	TEMPAT
1	CME Hospital I	13.01.2023	Dr Suhailah / KJ NNC	Dewan Bestari Hospital Kajang
2	Kursus Cardiac Algorithm	13.02.2023	Dr Dianah / En. Sayful	Dewan Bestari Hospital Kajang
3	Kursus Code Blue I	27.02.2023	Dr Afiz / En. Seelan	Dewan Bestari Hospital Kajang
4	Kursus Basic Trauma Life Support	13.5.2023	Dr Dianah / En Husairi	Dewan Bestari Hospital Kajang
5	Kursus Basic Disaster	08.05.2023	Dr Dianah / En. Sayful	Dewan Bestari Hospital Kajang
6	Table Top Exercise Disaster I	08.06.2023	Dr Dianah / En. Syukri	Dewan Bestari Hospital Kajang
7	Kursus Cardiac Algorithm	12.7.2023	Dr Dianah / En Husairi	Dewan Bestari Hospital Kajang
8	Perhimpunan Bulanan Hospital Kajang Anjuran Jabatan Kecemasan dan Trauma	22.2.2023	Dr Karthigayan / Pn Zurina	Dewan Bestari Hospital Kajang
9	Code Blue II	20.09.2023	Dr Afiz / En. Seelan	Dewan Bestari Hospital Kajang
10	CME Hospital II	29.09.2023	Dr Dianah / PPP Zurina	Dewan Bestari Hospital Kajang
11	Kursus OSCC	09.10.2023	Dr Ng / KJ Fadhlina	Dewan Bestari Hospital Kajang
12	Table Top Exercise Disaster II	31.10.2023	Dr Dianah / En. Syukri	Dewan Bestari Hospital Kajang
13	Kursus Basic Emergency Procedure	02.11.2023-03.11.2023	Dr Shuhaidah/ Dr Haizum/ En Husairi/ En Anwar	Dewan Bestari Hospital Kajang
14	Advanced Life Support	08.11.2023-09.11.2023	Dr Suhailah / Dr Hazwah/ En Kamarulzaman/ En Syahiid	Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia

### Aktiviti Imej dan Sosial Jabatan bagi Tahun 2023

BIL	AKTIVITI	TARIKH	PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB	TEMPAT
1	Majlis Berbuka Puasa Jabatan Kecemasan dan Trauma	8.4.2023	Dr Dianah / En. Sayful	Kabin Unit Penyeliaan dan OSH Hospital Kajang
2	Majlis Sambutan Hari Raya Peringkat Hospital	19.5.2023	Dr Haizum / En. Fikri / En. Syukri	Ruang Parkir Kakitangan (Parkir D)
3	Bowling Santai Jabatan Kecemasan dan Trauma	23.9.2023	Dr Haizum / En. Wan Rosli	Ampang Superbowl Bangi Gateway

### AKTIVITI KUALITI

KPI	PERATUS	
	STD	CAPAI
Percentage of inappropriate triaging (under-triaging): Category Green patients who should have been triaged as Category Red	≤ 0.5%	0.12%
Percentage of patients ventilated in Emergency and Trauma Department for more than 8 hours	≤ 50%	34%
Procedural sedation and analgesia (PSA) complication rate in Emergency and Trauma Department	≤ 5%	2.2 %
Percentage of suspected Acute Coronary Syndrome (ACS) patient administered oral aspirin by Prehospital Care and Ambulance Services (PHCAS) responder	≥ 75%	98.75%
Percentage of Intravenous Tranexamic Acid given in trauma patients with severe hemorrhage within 60 minutes of first medical contact	≥ 70%	100%

### PENYELIDIKAN/ INOVASI

No.	Tajuk	Pihak yang bertanggungjawab	Tarikh
1	NMRR-19-491-45708 (IIR) Evaluation of the Effectiveness of Motorcycle Anti-lock Braking System via In-Depth Investigation and Injury Data	Institut Penyelidik Keselamatan Jalan Raya Malaysia	2020 - ongoing
2	Wheelchair tracker	KIK Jabatan	April 2023
3	Too Fahr to fathom?	Dr. Fakhru Islam, Dr Balqis, Dr Afiz Fazli	1 Jun 2023
4	Painless yet deadly: Initiation of Antivenin Treatment for Painless Trisemurus Hageni Envenomation	Dr. Mohd Waffy Zahiruddin, Dr. Shuhaidah Mohd Anwar	13 Jun 2023

## GAMBAR AKTIVITI



*Kursus Basic Emergency Procedure*



*Kursus OSCC*



*Kursus Advanced Life Support*



*Kursus Code Blue Hospital*



*Kursus Cardiac Algorithm*



*Sambutan Majlis Berbuka Puasa*



*Kursus Basic Disaster*

# JABATAN ANESTESIOLOGI

Jabatan Anestesia dan Rawatan Rapi berlokasi di bangunan satu tingkat bersebelahan Jabatan Patologi, Hospital Kajang di mana Dewan Bedah Am (G.O.T) dan Unit rawatan Rapi (I.C.U) terletak di dalam bangunan yang sama. Terdapat satu pintu di antara Dewan Bedah dan Unit Rawatan Rapi untuk memudahkan pemindahan pesakit yang kritikal dari Dewan Bedah Am ke Unit Rawatan Rapi. Selain itu, terdapat juga unit Respiratori Haemodinamik Unit (RHU) yang terletak di bangunan yang sama.

Unit Rawatan Rapi mempunyai 6 katil. Mula beroperasi pada bulan Mac 2001 bagi menampung keperluan perawatan rapi yang semakin meningkat. Pada peringkat permulaannya hanya 1 katil untuk kes ICU sahaja yang beroperasi kerana terdapat 1 sistem 'monitoring' yang lengkap dan 1 katil lagi adalah untuk kes 'high dependency'. Pada Mei 2006 perkhidmatan telah ditambah kepada 5 katil dan pada 2010 ditambah kepada 6 katil. Pada tahun 2020 pertambahan kepada 2 katil pesakit Covid di Isolation Ward 6. Selain itu, terdapat juga Respiratori Haemodinamik Unit (RHU) diwujudkan bagi pengurusan barangan perubatan pakai buang, pembersihan dan pembasmian kuman Peralatan Perubatan.

## VISI

Menjadikan Profesionalisme dan Keselamatan dalam Anestesia matlamat ke arah kecemerlangan serta mewujudkan pusat pendidikan bercirikan teknologi maklumat.

## MISI

- Menyediakan perkhidmatan klinikal secara menyeluruh yang berkualiti tinggi dengan menekankan aspek keselamatan dan keselesaan pesakit sebagai matlamat utama.
- Menekankan konsep profesionalisma dalam perkhidmatan Anestesia dengan mengembangkan program pendidikan yang berterusan serta menggalakkan penyelidikan dan penerbitan.
- Menerapkan nilai-nilai kemanusiaan dengan menekankan konsep bekerjasama, hormat-menghormati dan berbudi bahasa.

## OBJEKTIF

- Meningkatkan perkhidmatan anestesia dari segi keselamatan dan keselesaan kepada pesakit di Hospital Kajang.
- Meningkatkan pengetahuan ke atas kakitangan dengan menggalakkan penyertaan program pendidikan yang berterusan.
- Memastikan pesakit mendapat khidmat rawatan rapi yang terbaik dengan jumlah kakitangan yang ada.
- Memperkembangkan aktiviti kaji selidik di mana hasil kaji selidik tersebut menjadi asas dalam perkembangan perkhidmatan dan rawatan yang diberi.

- Berusaha menaiktaraf dan meningkatkan jumlah peralatan pemantauan selaras dengan fungsi Anestesia dan Unit Rawatan Rapi.
- Berusaha meningkatkan jumlah kakitangan yang ada bagi menampung perkhidmatan yang semakin meningkat terutamanya di shif malam dan untuk mencapai nisbah Jururawat kepada pesakit kepada 1:1.

## SKOP PERKHIDMATAN

### Perkhidmatan di Dewan Bedah meliputi:

- Menyediakan perkhidmatan pembedahan kepada kes-kes Ortopedik,
- Pembedahan Am , O&G ,Bedah Mulut ,Pergigian Pediatrik dan Special Need Dentistry.
- Perkhidmatan Pembedahan dibawah bius tempatan (Local Aneastesia) dijalankan di Dewan Bedah lama untuk kes-kes Orthopedik ,Pembedahan Am dan Nefrologi.
- Pembedahan yang melibatkan pesakit covid positive, SARI dan kes-kes kecemasan yang memerlukan bilik bedah tambahan seperti Emergency LSCS juga di jalankan di dewan bedah lama.
- Jabatan Nefrologi juga telah melakukan pembedahan IJC di dewan bedah bermula Oktober 2018.
- ECT dijalankan di bilik rawatan psikiatri yang dijalankan oleh Pegawai Perubatan Bius dan juga kakitangan psikiatrik yang telah ada sijil privileging.
- Dewan Bedah menjalankan tugas seperti di CSSD kerana di sini mempunyai unit TSSU sendiri yang sepatutnya memerlukan 3 orang kakitangan termasuk autoclave operator pada setiap shift. Tetapi disebabkan kekangan kakitangan hanya 2 orang sahaja yang bertugas pada shift pagi dan petang.

### Perkhidmatan di ICU meliputi:

- Memberi bantuan pernafasan mekanikal untuk pesakit yang memerlukannya.
- Menjalankan pemerhatian rapi untuk kes 'critical ill'.
- Merujuk pesakit kepada hospital lain.
- Acute Pain Service pada pesakit yang memerlukan
- Menyediakan peralatan perubatan sedia guna untuk pesakit ICU dan mesin pernafasan pesakit di wad- wad..
- Menjalankan klinik Anestesia setiap hari bekerja (9.00am – 4.00pm) untuk persediaan pesakit bagi pembedahan elektif.
- Ventilator Care Team - Rondaan seminggu sekali ke wad-wad pesakit yang menggunakan mesin ventilator merujuk kepada Senarai Semak Pengurusan Pesakit dengan bantuan Mekanikal Ventilator di wad biasa. Senarai Semak tersebut disediakan oleh Unit Kawalan Infeksi, Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan, Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM.

### Perkhidmatan di RHU meliputi:

- Membantu Pakar Anestesia atau Pegawai Perubatan dalam Prosedur Pembiusan terhadap pesakit serta prosedur berkaitan peralatan perubatan bius di dewan bedah (OT) dan kawasan bukan OT
- Membantu dalam prosedur intubasi yang sukar dan Bronkoskopi di ICU
- Memastikan kesemua peralatan anestesia dan rawatan rapi sentiasa di kalibrasi dan servis berjadual (Plan Preventive Maintenance/PPM)
- Menyediakan barang pakai buang dan boleh guna semula untuk perkhidmatan bius dan rawatan rapi termasuk inden, semakan stok dan bekalan

- Menyediakan ventilator mudah alih atau peralatan pernafasan lain untuk perkhidmatan Anestesia termasuk di Wad
- Membersih, membasmi kuman dan mensteril Peralatan Perubatan dan peralatan lain mengikut protokol prosedur pembersihan dan pembasmian kuman
- Melakukan pemeriksaan bersiri, penyelenggaraan dan penentukuran semua peralatan mengikut untuk merekod sebelum atau selepas digunakan oleh pesakit berdasarkan mengikut dasar dan prosedur yang telah ditetapkan
- Menyediakan perkhidmatan 24 jam kepada semua Unit Penjagaan Kritikal dan OT

### Perkhidmatan Yang Ditawarkan


- ✓ Perkhidmatan Anestesia "Peri-Operative"
- ✓ Perkhidmatan Klinik Anestesia
- ✓ Perkhidmatan Anestesia Di Dalam Dewan Bedah
- ✓ Perkhidmatan Anestesia Pediatrik
- ✓ Perkhidmatan Anestesia Obstetrik Dan Ginekologi
- ✓ Perkhidmatan "Day Care Surgery"
- ✓ Perkhidmatan Rawatan Rapi
- ✓ Perkhidmatan "Acute Pain"

## STATISTIK PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

### Dewan Bedah


#### Statistik Major dan Minor OT

Jumlah Kemasukan Pembedahan Tahun 2023 (Pesakit Dalam & Pesakit Luaran)




### Statistik Saturday Elective 2023

Pembedahan dilakukan pada setiap hari Sabtu untuk pembedahan *Saturday Electives* bagi tahun 2023. Pembedahan yang dilakukan ini meliputi pesakit-pesakit dari 7 jabatan iaitu orthopedik, pembedahan, O&G, nefrologi, OMFS, *Special Needs Dentistry* dan *Paeds Dental*.



### Statistik ECT 2023

Kes ECT ini dilakukan di wad 8 dengan *monitored sedation* yang diberikan oleh Pegawai Perubatan dari Jabatan Anestesiologi.



### Statistik ICU

(a) Jumlah Kemasukan Pesakit dan Kadar Penggunaan Katil di ICU-2023

BULAN	JUMLAH PESAKIT / HARI	BOR %
Januari	169	90.8
Februari	157	93.4
191Mac	165	88.7
April	128	71.1
Mei	166	89.2
Jun	174	96.6
Julai	162	87.0
Ogos	157	84.9

September	151	83.8
Oktober	159	85.4
November	161	89.4
Disember	164	88.2
<b>TOTAL</b>	<b>1913</b>	<b>87.4</b>

(b) Jumlah Kemasukan Kes Pediatrik ke ICU - 2023

BULAN	JUMLAH
JANUARI	0
FEBRUARI	4
MAC	0
APRIL	2
MEI	1
JUN	0
JULAI	0
OGOS	0
SEPTEMBER	1
OKTOBER	1
NOVEMBER	0
DISEMBER	1
<b>TOTAL</b>	<b>10</b>

(c) Jumlah Kemasukan Kes SARI dan COVID 19 ke ICU - 2023

BULAN	JUMLAH		KESELURUHAN
	SARI	COVID	
JANUARI	8	1	9
FEBRUARI	4	0	4
MAC	3	0	3
APRIL	1	2	3
MEI	2	0	2
JUN	2	0	2
JULAI	1	0	1
OGOS	1	0	1
SEPTEMBER	1	0	1
OKTOBER	0	0	0
NOVEMBER	0	1	1
DISEMBER	1	1	2
<b>TOTAL</b>	<b>24</b>	<b>5</b>	<b>29</b>

## (d) Pesakit ICU yang berpindah Ke Hospital Lain – 2023

BULAN	HOSP. SERDANG	HOSP. SG.BULOH	HOSP.KUALA LUMPUR	HOSP. SELAYANG	HOSPITAL LAIN
JANUARI	2	0	0	0	0
FEBRUARI	0	0	0	0	2 - PPUM
MAC	0	0	0	0	0
APRIL	0	0	0	0	0
MEI	0	0	0	0	1 - HUITM
JUN	1	0	0	0	1-SUNWAY MED.CENTRE
JULAI	1	0	1	0	0
OGOS	0	0	1	0	0
SEPTEMBER	0	0	1	0	0
OKTOBER	0	0	1	0	1 - PPUM
NOVEMBER	0	0	1	0	0
DISEMBER	0	0	1	0	1 - HTA
<b>TOTAL</b>	<b>4</b>	<b>0</b>	<b>6</b>	<b>0</b>	<b>6</b>


## (e) Pesakit Peripheral ICU Care tahun 2023

Pesakit yang ditempatkan di Wad Biasa kerana ketiadaan katil di ICU sedia ada. Pakar dan Pegawai Perubatan dari Jabatan Anestesiologi akan membuat rondaan antara 2 – 3 kali dalam sehari.

BIL	BULAN	JUMLAH
1	JANUARI	136
2	FEBRUARI	121
3	MAC	138
4	APRIL	119
5	MEI	155
6	JUN	169
7	JULAI	167
8	OGOS	157
9	SEPTEMBER	123
10	OKTOBER	131
11	NOVEMBER	106
12	DISEMBER	120
	<b>TOTAL</b>	<b>1642</b>

(f) Kehadiran Pesakit ke Klinik Bius Tahun 2023

Pesakit-pesakit yang akan menjalani pembedahan elektif akan menjalani *pre op assessment* di Klinik Bius terlebih dahulu untuk dioptimumkan sebelum menjalani pembedahan agar prosedur dapat dilaksanakan dengan selamat.



**Banci Jan-Dis Untuk Jabatan Anestesia Hospital Kajang Bagi Tahun 2023**

**(A) Bilangan teknik anestesia diberikan mengikut teknik bagi tahun 2023 untuk pesakit dewasa (melebihi umur 12 tahun)**

**iv) KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI) MEDICAL PROGRAMME 2023: TRANSFUSION MEDICINE**

No.	Indicator	Standard	Performance achieved (Jan-Dec 2023)	Compliance
KPI-1	Timeliness of performing emergency crossmatch within 30 minutes	$\geq 95\%$	Numerator : 85 Denominator : 86 Performance : <b>98.84%</b>	Comply
KPI-2	Red cell expiry rate	$\leq 2.0\%$	Numerator : 32 Denominator : 5517 Performance : <b>0.58%</b>	Comply
KPI-3	Percentage of febrile transfusion reaction investigation reported within 10 working days	$\geq 80\%$	Numerator : 17 Denominator : 17 Performance : <b>100%</b>	Comply
HPIA-10	Cross-match transfusion (CT) ratio	$\leq 2.0$	Numerator : 6285 Denominator : 4677 Performance : <b>1.34</b>	Comply

**C. MALAYSIAN PATIENT SAFETY GOALS: CRITICAL VALUE NOTIFICATION DATA NOTIFIKASI CRITICAL RESULT 2023**

Bulan	Jumlah Critical Result	Jumlah Critical Result Yang Dinotifikasi < 30 Minit	% Critical Result Yang Dinotifikasi < 30 Minit
Jan	783	772	<b>98.60%</b>
Feb	620	593	<b>95.65%</b>
Mac	825	804	<b>97.45%</b>
Apr	691	680	<b>98.41%</b>
Mei	950	941	<b>99.05%</b>
Jun	869	865	<b>99.54%</b>
Jul	912	909	<b>99.67%</b>
Ogos	791	784	<b>99.12%</b>
Sep	837	832	<b>99.4%</b>
Okt	763	753	<b>98.69%</b>
Nov	817	794	<b>97.18%</b>
Dis	823	810	<b>98.42%</b>

## AKTIVITI JABATAN

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Patologi bagi memastikan sistem pengurusan kualiti perkhidmatan adalah dalam tahap terbaik adalah seperti berikut:

### A Mesyuarat

#### i) Mesyuarat Pegawai Patologi dan Mesyuarat Jabatan Patologi

Mesyuarat Pegawai Jabatan Patologi telah dijalankan sebanyak 6 kali pada sepanjang tahun 2023 iaitu pada 10 Februari, 29 Mac, 26 Jun, 23 Ogos, 9 November dan 15 Disember 2023 adalah melibatkan pakar-pakar sehingga ke JTMP U32. Antara agenda yang dibincangkan ketika mesyuarat ialah berkenaan dengan perkhidmatan, arahan pentadbiran, perihal kewangan, pengurusan stor, aset, disiplin kakitangan dan lain-lain. Mesyuarat Jabatan Patologi pula melibatkan semua kategori penjawatan kakitangan Jabatan Patologi dan telah diadakan sebanyak 4 kali iaitu pada 16 Februari, 9 Ogos, 11 Oktober dan 8 Disember 2023. Mesyuarat ini membincangkan tentang perkhidmatan, arahan pentadbiran, latihan, pencapaian Jabatan serta hal-hal berbangkit di dalam Jabatan.

#### ii) Mesyuarat Kualiti dan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Jabatan Patologi

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Jabatan Patologi diadakan setahun sekali dan telah dijalankan pada 12 April 2023 untuk melihat prestasi keseluruhan Jabatan dan perkhidmatan yang ditawarkan. Mesyuarat Kualiti pula telah diadakan sebanyak 3 kali iaitu pada 23 Mac, 27 Julai dan 14 Disember 2023. Mesyuarat ini telah membincangkan tentang pencapaian Jabatan Patologi (bilangan sampel dan bebankerja), jumlah rejection setiap Unit, pencapaian KPI/HPIA/NIA/MPSG dan EQA serta kompetensi staff yang melakukan ujian-ujian ini di samping masalah-masalah berkaitan dengan perkhidmatan.

#### iii) Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Kesihatan Pekerja

Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) telah dijalankan pada 28 Mac 2023. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membolehkan JKKP Jabatan Patologi dapat berbincang mengenai isu-isu berkaitan dalam memastikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan diurus dengan baik.

#### iv) Mesyuarat Jawatankuasa Transfusi Hospital (Hospital Transfusion Committee Meeting)

Mesyuarat telah diadakan sebanyak 2 kali pada tahun 2023 iaitu 9 Mac dan 8 Ogos 2023 di Bilik Mesyuarat Pengurusan. Mesyuarat ini telah berbincang tentang perkhidmatan Transfusi Perubatan yang terdiri daripada pencapaian KPI/HPIA/MPSG, penggunaan produk dan komponen darah, kes Massive Transfusion Protocol, Hemovigilance termasuk *Incorrect Blood Component transfuse (IBCT)*, *Near Misses* dan Inciden Transfusi, Seroconverted Donor Cases, Latihan dan Mesyuarat Perkhidmatan Unit Transfusi Perubatan serta audit Transfusi oleh Transfusion-Linked Nurse.

### B. Kursus/ Bengkel

#### i) Bengkel *Focus Group - Malaria, Small Bite Big Threats*

Bengkel ini telah diadakan selama 2 hari pada 22-23 Februari 2023 di Bilik Mesyuarat, Jabatan Patologi, Hospital Kajang. Sebanyak 25 orang peserta termasuk urusetia dari semua unit di Jabatan Patologi telah menghadiri bengkel ini, termasuk 2 orang Pakar Perubatan, 2 orang Pegawai Perubatan, 3 orang Pegawai Sains dan 18 orang Juruteknologi Makmal Perubatan. Objektif bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai prosedur kerja BFMP yang terkini kepada Pegawai Perubatan dan Juruteknologi

Makmal Perubatan di Jabatan Patologi. Di samping itu, bengkel ini juga bertujuan untuk memperkukuhkan kemahiran dan meningkatkan kompetensi kakitangan dalam kaedah pengenalpastian dan interpretasi keputusan ujian yang dijalankan.



**ii) Bengkel Refresher Transfusion Course for House Officer /Medical Officer**

Bengkel Refresher *Transfusion Course for House Officer /Medical Officer* telah dianjurkan pada 21 Februari 2023 di Bilik Mesyuarat, Jabatan Patologi, Hospital Kajang. Bengkel ini telah dihadiri oleh 11 orang Pegawai Perubatan, seorang Pegawai Pergigian dan 8 orang Pegawai Perubatan Siswazah.

Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran HO/MO Hospital Kajang tentang kaedah yang betul dalam proses transfusi darah, memberikan kefahaman tentang prosedur kerja yang betul dalam pelbagai situasi pengurusan transfusi darah, mengurangkan dan seterusnya mencapai *zero in transfusion error* dan *nearmiss* seperti yang dikehendaki dalam *Malaysian Patient Safety Goals (MPSG)* dan *National Indicator Approach (NIA)*.



**iii) Kursus Morfologi Peringkat Jabatan Patologi Hospital Kajang 2023**

Kursus Morfologi Peringkat Jabatan Patologi Hospital Kajang 2023 diadakan pada 30 Mac 2023 di Bilik Mesyuarat, Jabatan Patologi, Hospital Kajang. Jumlah 19 orang peserta dan Ahli Jawatankuasa dari setiap unit di Jabatan Patologi termasuk 2 orang Pakar Perubatan, 9 orang Pegawai Perubatan, seorang Pegawai Sains dan 7 orang Juruteknologi Makmal Perubatan. Objektif kursus ini adalah untuk memberikan pendedahan dan meningkatkan ilmu pengetahuan dan kompetensi staf berkenaan morfologi Hematologi, dan pengetahuan tentang *EQA Blood Film Differential & Morphology*.



**iv) Kursus Basic in IQC (Internal Quality Control)**

Kursus Basic in IQC telah diadakan pada 4 April 2023 di Bilik Mesyuarat, Jabatan Patologi, Hospital Kajang. Antara objektif bengkel ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan pengurusan dan pengendalian IQC kepada kakitangan dan juga pendedahan kepada Pegawai Perubatan. Jumlah peserta dari setiap unit di Jabatan Patologi adalah 20 orang termasuk 4 orang Pegawai Perubatan, 2 orang Pegawai Sains dan 14 orang Juruteknologi Makmal Perubatan.

**v) Kursus pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC: Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control)**

Kursus ini diadakan pada 1 Jun 2023 di Bilik Mesyuarat, Jabatan Patologi, Hospital Kajang. Sebanyak 28 orang Ahli Jawatankuasa Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP) yang terdiri dari 5 orang Pakar Perubatan, 6 orang Pegawai Perubatan, 6 orang Pegawai Sains dan 11 orang Juruteknologi Makmal Perubatan. Dengan adanya kursus ini, ia dapat membentuk suatu kerja ini dijalankan secara sistematik dan efektif bagi mengelakkan sebarang risiko yang bakal dihadapi oleh pekerja. Selain daripada itu, objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada cara mengenalpasti hazard, mengalisir dan menaksirkan risiko yang berkaitan, mengenalpasti kumpulan hazard pekerjaan dan risiko pekerjaan yang terdapat di tempat kerja, dan menghuraikan penilaian risiko yang berkaitan dengan hazard dan mendedahkan tentang langkah-langkah mnenghapuskan atau mengurangkan risiko.



**vi) Bengkel Pengukuhan Hematologi 2023: Haemostasis & Bleeding Disorders**

Bengkel ini diadakan pada 7 Jun 2023 di Bilik Mesyuarat, Jabatan Patologi, Hospital Kajang. Jumlah peserta adalah 20 orang termasuk 2 orang Pakar Perubatan, 9 orang Pegawai Perubatan, seorang Pegawai Sains dan 8 orang Juruteknologi Makmal Perubatan. Bengkel ini adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan dan meningkatkan ilmu pengetahuan staf tentang *Haemostasis & Bleeding Disorders*. Di samping itu, bengkel ini bertujuan juga untuk mengenalpasti dan meningkatkan pengetahuan berkenaan factor-faktor pre-analitik yang terlibat dalam pengendalian ujian-ujian koagulasi.



vii) **Kursus Strengthening MTP (Massive Transfusion Protocol)**  
 Kursus ini diadakan pada 31 Julai 2023, di Dewan Bestari, Hospital Kajang. Sebanyak 22 orang peserta telah menghadiri bengkel dari Jabatan Kecemasan, Jabatan Anestesiologi, Jabatan Pembedahan, Jabatan Ortopedik, Jabatan O&G dan Jabatan Patologi, termasuk 2 orang Pakar Perubatan, 10 orang Pegawai Perubatan, 8 orang Pegawai Perubatan Siswazah dan 2 orang Juruteknologi Makmal Perubatan. Objektif kursus diadakan untuk mengukuhkan kefahaman jabatan klinikal khususnya terhadap prosedur pengaktifan Massive Transfusion Protocol (MTP), permohonan Safe O dan prosedur-prosedur lain di Makmal Transfusi secara umum dalam usaha untuk meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien dan efektif kepada para pesakit di Hospital Kajang. Di samping itu, kursus ini juga dapat member kesedaran dan melatih kakitangan di jabatan masing-masing mengenai MTP sehingga dapat mengurangkan risiko mortality dan morbidity pesakit di Hospital Kajang.

#### viii) **Bengkel Audit Dalaman MS ISO 15189**

Bengkel ini diadakan pada 17 Ogos dan 18 Ogos 2023, di Bilik Mesyuarat, Hospital Kajang. Penceramah jemputan ialah Encik Ahmad Bazli bin Abu Shuib, Pegawai Sains (Biomedikal) C44, Penolong Pengarah dari Unit Perundangan dan Pendakwaan, Cawangan Amalan dan Penguatkuasaan, Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu. Seramai 25 orang peserta telah menghadiri bengkel termasuk 4 orang Pakar Perubatan, 8 orang Pegawai Perubatan, 7 orang Pegawai Sains dan 6 orang Juruteknologi Makmal Perubatan. Objektif bengkel ini adalah untuk memberi pengenalan dan pendedahan tentang audit dalaman MS ISO 15189 kepada peserta yang akan dilantik sebagai internal auditor.



#### ix) **Kursus Peralihan kepada MS ISO 15189:2022 *Medical Laboratories – Requirements for Quality and Competence***

Kursus ini diadakan pada 11 September dan 14 September 2023, di Bilik Mesyuarat, Hospital Kajang. Jumlah 24 orang peserta telah menghadiri bengkel dari semua unit di Jabatan Patologi, termasuk 5 orang Pakar Perubatan, 6 orang Pegawai Perubatan, 7 orang Pegawai Sains dan 6 orang Juruteknologi Makmal Perubatan. Kursus ini adalah bertujuan untuk memberi pengetahuan mengenai dokumen MS ISO 15189 : 2022 (terbaru), mengenai kehendak-kehendak klausa dan perbezaan dengan edisi lama MS ISO 15189 : 2014. Di samping itu, kursus ini bersasaran untuk membantu pegawai menyemak dokumen Manual Kualiti mengikut dokumen MS ISO 15189:2022 dan mempersiapkan Jabatan ke arah audit surveillance 2024.

#### x) **Kursus Budaya Korporat Jabatan Patologi**

Kursus ini diadakan pada 2 November 2023, di bilik mesyuarat Jabatan Patologi, Hospital Kajang. Sebanyak 23 orang peserta termasuk telah menghadiri bengkel dari semua unit di Jabatan Patologi, termasuk 3 orang pakar perubatan, 6 orang pegawai perubatan, 3 orang pegawai sains, 9 Juruteknologi Makmal Perubatan dan 2 orang Pembantu Perawatan Kesihatan. Tujuan bengkel ini diadakan untuk memberi pendedahan, kefahaman budaya korporat memupuk nilai-nilai murni, penyayang dan hormat –

menghormati dan memperbaiki soft skill dan komunikasi penyayang dan hormat – menghormati dan memperbaiki soft skill dan komunikasi berkesan di kalangan kakitangan Jabatan Patologi.



**xi) Bengkel Calibration & Checking of Critical Apparatus 2023**

Bengkel ini diadakan pada 8 November 2023, di bilik mesyuarat Jabatan Patologi, Hospital Kajang. Bengkel ini ditujukan untuk memberi penerangan tentang kepentingan menjalankan kalibrasi dan *performance* bagi peralatan yang digunakan di Jabatan patologi, dan memberi kefahaman dan penerangan tentang prosedur kerja yang betul untuk menjalankan *performance check* bagi *pipette*, *thermometer*, *logger*, *balance*, *pH meter* dan *volumetric glasses*. Ceramah telah disampaikan oleh Puan Noor Hidayat Hussain, Pegawai Sains C48 dari Hospital Kuala Lumpur. Jumlah 20 orang peserta dan ahli jawatankuasa telah menghadiri bengkel ini termasuk seorang Pakar Perubatan, 6 orang Pegawai Sains dan 13 orang Juruteknologi Makmal Perubatan dari semua unit di Jabatan Patologi.

**xii) Bengkel POCT (Point-of-care testing)**

Bengkel POCT telah diadakan pada 27 November 2023 di Dewan Bestari, Hospital Kajang. Bengkel diadakan untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang peranan POCT dalam perawatan pesakit dan meningkatkan pengetahuan peserta berkenaan prosedur pengendalian alatan POCT yang betul. Seramai 39 orang peserta telah menghadiri kursus ini yang terdiri daripada kakitangan Hospital Kajang yang mengendalikan peralatan POCT iaitu 2 orang Pegawai Perubatan, seorang Pegawai Perubatan Siswazah, 26 orang Jururawat, 6 orang Pembantu Pegawai Perubatan, seorang dari pengurusan, dan 3 orang Juruteknologi Makmal Perubatan.

**xii) Sambutan International Pathology Day**

Jabatan Patologi, Hospital Kajang telah mengadakan sambutan *International Pathology Day* pada 1 Disember 2023 di Dataran Impian dan Dewan Bestari, Hospital Kajang. Satu ceramah bertajuk *Patient Blood Management* telah disampaikan oleh penceramah jemputan Dr Norasrina binti Ishak, Ketua Unit Transfusi, Hospital Shah Alam. Di samping itu, pelbagai aktiviti menarik yang lain seperti pameran, *booth* dan sesi kuiz telah diadakan di Dataran Impian. Perasmian *E-Book of Pathology Services, Hospital Kajang, 3<sup>rd</sup> Edition* oleh Tuan Pengarah Dr Hj. Muhd Siv Azhar Merican bin Abdullah juga telah diadakan di Dewan Bestari diikuti oleh pelbagai persembahan yang menarik oleh staf Jabatan Patologi.



## PENYELIDIKAN

- 1) Menghantar case report ke National Pathology Conference yang berlangsung di Hotel Casuarina, Meru, Perak pada pada 2 – 3 Ogos 2023.

- Azura, M. Hafizuddin. *IgG-Mediated Cold Agglutinin Syndrome with SLE and Concomitant Antiphospholipid Syndrome.*
- 2) Menghantar 6 case report dan 1 projek *Quality Assurance* yang dibentangkan untuk Pertandingan Pembentangan Oral Projek QA, Audit, Klinial, Inovasi & Pembentangan Poster pada Minggu Kualiti Hospital Kajang pada 18 Ogos 2023. Projek *Quality Assurance* ini telah mendapat tempat ke-3 semasa dipertandingkan pada Minggu Kualiti Hospital Kajang.

#### **Quality Assurance :**

- S. Fazilah, N. Ezrin, N. Aufa, Maznah, Suhaiza & N. Shakila. *Quality Assurance: To reduce percentage of BFMP test rejection.*

#### **Case Report**

- Evana, M. Fakhruddin, N. Hidayah K., Nurulshuhada S, S.N. Aisyah, M. Jeevananthini, Rosmini, W. N. Alia F. *Comparison of Serum and Plasma Samples for Measurement of Biochemistry tests.*
- Koshila K., S. A'ini S. *Compound Heterozygous Hb E and Hb D Punjab, A Case Report.*
- Khai Cyne, Azura. A. *Boy with Jaundice : A Case Report.*
- M. Jeevananthini, S. Fazilah. *Case report of Campylobacteriosis in a Patient with Bruton's Agammaglobulinemia.*
- S. Syahida, N. Hafidza. *Bombay Blood Group : A Challenging and Rare Blood Group Phenotype.*
- Sakinah Diana K, Azura A. *Hb Malay - A silence  $\beta$ eta+ thalassaemia - A Case Report*

## AKREDITASI

Secara rasminya, Jabatan Patologi, Hospital Kajang telah menerima pensijilan akreditasi MS ISO 15189 pada 15 Jun 2023 setelah melalui proses *Compliance Audit* pada 18 – 19 Januari 2023.



**GAMBAR-GAMBAR JABATAN SEPANJANG 2023**


Jamuan Hari Raya peringkat Jabatan pada 12 Mei 2023.



Jamuan Hari Raya peringkat Hospital pada 19 Mei 2023.



Audit Luaran JKNS bagi Pencapaian KPI Perkhidmatan Klinikal / HPIA pada 30 Ogos 2023 di Dewan Bestari, Hospital Kajang.



Verifikasi Temperature Logger Peringkat Jabatan pada 25 Ogos 2023 di Bilik Mesyuarat, Jabatan Patologi.



Verifikasi temperature logger Peringkat Hospital pada 15 September 2023 di Dewan Bestari, Hospital Kajang.

**Majlis-majlis perpisahan kakitangan Patologi:**



Puan Siti Noorfarhana binti Hamdan, Pegawai Sains Mikrobiologi C44 telah berpindah ke Hospital Cyberjaya pada 20 Januari 2023.



Cik Nur Zakiah Solehah binti Ghazali, Juruteknologi Makmal Perubatan U29 telah berpindah ke Klinik Kesihatan Sungai Chua pada 3 Februari 2023 (lantikan tetap).



Dr Norbaizura binti Mohd Zakri (Pegawai Perubatan UD52), Dr Najmul Afa binti Mohamad Zulkipli (Pegawai Perubatan UD48), dan Dr Siti Nooraimi binti Jamaludin (Pegawai Perubatan UD48) telah menyambung pendidikan ke peringkat sarjana pada 25 Mei 2023.



Jamuan persaraan untuk Puan Helen Naomi a/p Thangapandi, Juruteknologi Makmal Perubatan UD38 pada 26 Mei 2023.



Majlis perpisahan Dr Muhammad Hafizuddin bin Mohamad Aziz, Pegawai Perubatan UD 43, telah berpindah ke Hospital Ampang (lantikan tetap) pada 28 Julai 2023.



Majlis perpisahan Majlis perpisahan Puan Nur Amalina binti Ahmad Husni JTMP U29 (kenaikan pangkat JTMP U32) telah berpindah ke Hospital Kuala Lumpur pada 3 November 2023.



Majlis perpisahan Encik Muhamad Alhapis Che Ani (Pegawai Sains C41), Puan Farhana Najwa binti Abd Hamid dan Puan Siti binti Satar (Juruteknologi Makmal Perubatan U29) pada 13 Julai 2023 kerana kenaikan pangkat



Majlis perpisahan Dr Siti Fazilah binti Situ, Pakar Patologi Mikrobiologi UD56 kerana melanjutkan pelajaran ke di Hotel RHR pada 15 Disember 2023.



# JABATAN RADIOLOGI

Jabatan Radiologi merupakan salah satu jabatan di bawah perkhidmatan diagnostik berpakar. Jabatan ini menyediakan perkhidmatan seperti Radiografi Am dan Mudahalih (*portable*), Ultrasound dan Ultrasound Mudahalih, CT Scan, Mamografi, prosedur intervensi *diagnostic* serta *therapeutic* (USG & CT guided), perkhidmatan II (*Image Intensifier*) di Dewan Bedah serta Pengimejan Pergigian/Dental di Jabatan Pergigian yang dijalankan secara “*in house*”. Terdapat beberapa perkhidmatan radiologi lain yang disediakan tetapi dijalankan di hospital berdekatan (kluster). Fluoroskopi dijalankan di Hospital Cyberjaya pada setiap hari Jumaat sebulan sekali, perkhidmatan MRI (*Magnetic Resonance Imaging*) di Hospital Ampang (Khamis), Hospital Serdang (Isnin petang) dan Institut Kanser Negara (Isnin pagi) setiap minggu. Pemeriksaan *Bone Densitometry* (BMD) pula dijalankan di Hospital Serdang pada hari Rabu (sebulan sekali).

Bagi perkhidmatan yang dijalankan di hospital kluster, pesakit Hospital Kajang akan ke sana untuk menjalani pemeriksaan tersebut yang dilakukan oleh pasukan Radiologi Hospital Kajang sendiri. Pasukan terdiri daripada seorang Pakar, Pegawai Perubatan dan Juru X – Ray mengikut jadual yang telah ditetapkan. Operasi Jabatan Radiologi Hospital Kajang terbahagi kepada dua (2) unit iaitu Jabatan Radiologi Utama (Radiologi 1) dan Jabatan Radiologi Kecemasan (Radiologi 2). Kedua-dua bangunan terletak lebih kurang 100 meter di antara satu sama lain. Bangunan Radiologi 1 menempatkan modaliti Radiografi Am (*General Radiography*), Ultrasonografi dan Mammogram (*Full Field Digital Mammography*). Waktu operasi bagi Radiologi 1 adalah dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang (Isnin hingga Jumaat). Manakala, Jabatan Radiologi 2 beroperasi 24 jam. Jabatan ini menempatkan modaliti Radiografi Am termasuk Radiografi Mudah alih dan CT scan.

## VISI

Ke arah jabatan yang cekap, tepat, berkualiti dan berteknologi terkini.

## MISI

Menyediakan perkhidmatan pengimejan yang cekap dan tepat bagi membantu perawatan pesakit melalui

- Perkhidmatan bermutu yang diberikan oleh anggota terlatih & mahir.
- Perkhidmatan yang berteknologi tinggi mengikut perkembangan semasa.

## OBJEKTIF

### OBJEKTIF UMUM

Memberi perkhidmatan radiologi, perkhidmatan kepakaran dan rundingan yang cekap, bermutu dan tepat bagi membantu perawatan pesakit di Hospital Kajang dan Klinik - klinik Kesihatan di Daerah Hulu Langat.

### OBJEKTIF KHUSUS

1. Menyediakan perkhidmatan yang cekap, tepat dan berkualiti dengan menghasilkan imej yang bermutu tinggi.
2. Meningkatkan skop perkhidmatan radiologi di Hospital Kajang dengan menyediakan perkhidmatan radiografi am dan pemeriksaan radiologi khas selaras dengan peningkatan perkhidmatan kepakaran di dalam disiplin yang lain.

## SKOP PERKHIDMATAN

Jabatan ini menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kepada pesakit luar dan pesakit dalam. Perkhidmatan yang diberikan adalah seperti berikut:

BIL	MODALITI	JADUAL PERKHIDMATAN	TEMPAT	LIPUTAN PERKHIDMATAN
1.	Radiografi Am	Setiap hari pada waktu pejabat	Radiologi 1	Semua wad Klinik Pakar 1 Klinik Pakar 2 Klinik Psikiatri Klinik Ortopedik
		24 jam	Radiologi 2	Jab. Kecemasan & Trauma Klinik Ortopedik Seluruh hospital selepas waktu pejabat
2.	Ultrasound	Setiap hari	Radiologi 1	Seluruh hospital
3.	CT scan	Setiap hari	Radiologi 2	Seluruh hospital
4.	Mammografi	Setiap hari	Radiologi 1	Seluruh hospital dan klinik kesihatan bawah seliaan
5.	Perkhidmatan II Di Dewan Bedah	Isnin, Rabu & Jumaat (Elektif) Setiap hari / Bila perlu (Kecemasan)	Dewan Bedah	Jabatan Ortopedik & Pembedahan Am
6.	MRI	Setiap hari Isnin ( 9.00 pagi – 1.00 petang )	Institut Kanser Negara	Seluruh hospital
		Setiap hari Isnin ( 2.00 petang hingga 7.00 petang )	Hospital Serdang	
		Setiap hari Khamis	Hospital Ampang	
7.	Fluoroskopi	Jumaat (Sekali sebulan)	Hospital Cyberjaya	Seluruh hospital
8.	Radiografi Dental	Setiap hari	Jabatan Pergigian Dan Bedah Mulut	Seluruh hospital
9	Bone Densitometry (BMD)	Rabu ( Sekali sebulan )	Hospital Serdang	Seluruh hospital

## STATISTIK PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

### STATISTIK TAHUNAN PENCAPAIAN PERKHIDMATAN PEMERIKSAAN RADIOLOGI BAGI TAHUN 2019 HINGGA TAHUN 2023

BHG TAHUN	PEMERIKSAAN AM										PEMERIKSAAN KHAS										JUMLAH KECIL	JUMLAH BESAR
	CXR	AXR	EXT	SXR	SPINE	SS	JUM LAH	DEN TAL	USG	CT	IVU	DEXA	FLU	MM G	OT	LAPO RAN	MRI					
2019	37310	5917	52603	3237	7020	22	106109	2567	5898	7241	0	61	33	802	81	9979	276	27671	133780			
2020	29769	5529	47066	2650	5384	20	90418	2344	5964	7756	0	50	29	756	60	4924	234	26675	117093			
2021	38837	5766	40557	2572	4584	48	92394	2401	5601	7777	0	62	30	543	84	209	6894	24365	116759			
2022	38742	7398	49560	2560	5397	47	103703	1923	6753	9067	0	151	26	102	98	7628	451	28006	131709			
2023	39781	7291	53806	2412	5443	17	108750	2797	7389	8973	0	123	30	137	85	8169	486	30189	138939			

**Nota:**

**CXR** : Chest X - Ray

**AXR**: Abdominal X - Ray

**EXT** : Extremities

**O.T** : Kes-kes 'screening' menggunakan

*Image Intensifier (II) di Dewan Bedah*

**USG**: Ultrasonography

**CT**: CT scan

**IVU**: Intravenous Urography

**SXR**: Skull X - Ray

**DEXA**: Bone Densitometer

**MRI**: Magnetic Resonance Imaging

**Mammo**: Mammografi

**SS** : 'Skeletal Survey'

**FLU**: Fluros kopi



Rajah di atas menunjukkan statistik bilangan pemeriksaan am dan khas dari tahun 2019 hingga tahun 2023 di Jabatan Radiologi. Secara umumnya jumlah pemeriksaan berlaku peningkatan setiap tahun terutama sekali selepas pandemic Covid-19.

Pada tahun 2022 selepas negara melalui fasa endemik, peningkatan yang berterusan didapati berlaku dalam pemeriksaan am dan khas berbanding tahun sebelumnya yang mungkin dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk penambahan pesakit dan peningkatan permohonan pemeriksaan daripada pelbagai rujukan kepakaran.

Peningkatan ini didapati berterusan ke tahun 2023. Pertambahan kapasiti di Jabatan Kecemasan juga menjadi salah satu sebab pertambahan kes. Selain itu, pertambahan populasi serta kepesatan pembangunan di daerah Hulu Langat dan kawasan sekitarnya juga menjadikan pesakit Hospital Kajang bertambah.

### PENCAPAIAN KPI / TAHUN 2023

BIL	JENIS INDIKATOR	KEPAKARAN / SUB-KEPAKARAN	INDIKATOR	STANDARD (%)	PENCAPAIAN (%)
1	Jabatan	Radiologi	<i>Percentage of patients with waiting time of <math>\leq 60</math> minutes for commencement of ultrasound examination</i>	$\geq 90$	93.2
2			<i>Percentage of reject – retake images</i>	$\leq 5$	2.9
3			<i>Percentage of patients developed significant contrast media extravasation following CT examination with intravenous (IV) contrast media</i>	$\leq 0.5$	0.3

Pencapaian KPI bagi Jabatan Radiologi pada tahun 2023 keseluruhannya tercapai.

### PROJEK KLINIKAL AUDIT TAHUN 2023

BIL	AKTIVITI	TARIKH	CATATAN
-----	----------	--------	---------

1.	Audit Filem	Setiap Rabu	2 minggu sekali
2.	Reject Analisis	Setiap Rabu	2 minggu sekali
3.	Penyeliaan Di Klinik Kesihatan Bandar Seri Putra dan Klinik Kesihatan Sungai Chua	13.1.2023	Disertai oleh Pakar Radiologi, Pegawai Sains Fizik, Ketua juru X – Ray dan 2 orang Juru X – Ray TBK U32
4.	Audit CT Scan	Setiap Jumaat minggu ketiga	Setiap bulan
5.	CME untuk semua kakitangan	Selasa (2.30pm – 3.30pm)	2 minggu sekali
6.	CME Pegawai Perubatan	Selasa (Pagi)	setiap minggu
7.	Konferens Radiologi ( <i>Clinicoradiology</i> )	Rabu (Petang)	<b>Minggu Pertama</b> – Pembedahan <b>Minggu Kedua</b> - Pediatrik <b>Minggu Ketiga</b> - Kecemasan <b>Minggu Keempat</b> – Perubatan
8.	MDT meeting	Bergantung kepada bidang dan jika ada kes HKJG yang dibincangkan.	<b>Urology (Hosp Serdang)</b> <b>Respiratori (Hosp Serdang)</b>

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### KURSUS – KURSUS YANG DIHADIRI OLEH KAKITANGAN PADA TAHUN 2023:

BIL	TAJUK KURSUS	TARIKH	TEMPAT
1.	KURSUS HIRARC	1.2.2023-2.2.2023	Dewan Bestari Hospital Kajang
2.	KURSUS CODE BLUE	27.2.2023	Dewan Bestari Hospital Kajang
3.	AOCR & 59th RST-RCRT Congress at Centara Grand & Bangkok Convention Central at Central World Bangkok, Thailand	8.2.2023-13.2.2023	Centara Grand & Bangkok Convention Centra at Central World Bangkok Thailand.
4.	Hepatobiliary & Upper Abdominal Imaging	24.2.2023	Institute Kanser Negara
5.	Pengurusan Stor	17.3.2023	Dewan Bestari Hospital Kajang
6.	Rehearsal Majlis Pengiktirafan QC	16.3.2023-17.3.2023	Hospital Cyberjaya
7.	Bengkel ISO	27.3.2023	Dewan Bestari HospitalKajang
8.	Kursus ePerolehan	28.3.2023-29.3.2023	Zooming Online
9.	Program Gotong-Royong Bubur Lambuk	4.4.2023	Hospital Kajang
10.	Bengkel TOT Kospen WDW 2023	12.4.2023	Dewan Bestari Hospital Kajang
11.	Kursus Shielding Calculation	9.5.2023-10.3.2023	Hospital Cyberjaya
12.	Kursus Trauma & Spine	13.5.2023	Hospital Sungai Buluh
13.	Kursus BLS	26.5.2023	Jabatan Radiologi Hospital Kajang
15.	<i>Kursus BLS</i>	9.6.2023	Jabatan Radiologi Hospital Kajang
16.	<i>Kursus Pengurusan Stress INTAN</i>	7.6.2023 -8.6.2023	INTAN
17.	Kurus MRI	7.6.2023	Hospital Cyberjaya
18.	Kursus Table Top	8.6.2023	Dewan Bestari HospitalKajang
19.	Kursus IR	17.6.2023	Hospital Sungai Buloh
20.	Kursus Table Top Kebakaran	15.6.2023	Dewan Bestari HospitalKajang
21.	Kursus Radiation Protection	17.6.2023	HTAR Klang
23.	QC mri workshop	10.6.2023 -11.6.2023	HPUPM
24.	Kursus Basic General Anaesthesia	12.6.2023	Dewan Bestari Hospital

			Kajang
25	Kursus <i>Suicide Risk</i>	7.69.2023	Dewan Bestari Hospital Kajang
26	Management & Technical of Individual Monitoring Service (IMS) for OSL-Recognition programe	19.6.2023 -23.6.2023	HKL & Agensi Nuklear
27	Kursus Basic Ultrasound	8.7.2023	Dewan Bestari Hospital Kajang
28	Kursus Basic CT Scan	12.7.2023 – 13.7.2023	Dewan Bestari Hospital Kajang
29	Neuroimaging	11.8.2023 – 12.8.2023	IKN
30	Kursus Pemantapan Radiologi	23.8.2023	Jabatan Radiologi Hospital Kajang
31	Patient safety Goal (MPSG) 2.0 Tahun 2023	16.8.2023	Dewan Bestari Hospital Kajang
32	MSQH LEARNING	28.8.2023 - 29.9.2023	HOSPITAL SERDANG
33	Kursus Minggu Kesedaran Kesehatan Awam	7.9.2023	Dewan Bestari Hospital Kajang
34	Kursus Stor	20.9.2023 - 21.9.2023	Zoom Meeting,INTAN
35	Kursus Radiation Protection	23.9.2023	Zoom Meeting,Hospital Serdang
36	Code Blue	26.9.2023	Dewan Bestari Hospital Kajang
37	Taklimat Pengurusan Kecemasan Radiologi dan Nuklear Bahagian Kesehatan Awam,JKNS	26.9.2023	Ibu Pejabat,Agensi Antidadah Kebangsaan
38	Kursus Pengurusan Stress	12.10.2023	JKNS
39	MRI Safety Conference	13.10.2024 - 14.10.2024	IKN
40	Code Grey	17.10.2023	Dewan Bestari Hospital Kajang
41	Sop Mamography	26.10.2023	IKN
42	IDOR+Pink October+Radiation Protection Course	27.10.2023	Dewan Bestari Hospital Kajang
43	Kursus Mammografi Putrajaya	27.10.2023	Hospital Putrajaya
44	MDT for Breast Cancer	6.11.2023	Hospital Putrajaya
45	Mental Health Day	9.11.2023	HUPM Serdang
46	IDOR Peringkat Negeri Selangor	17.11.2023	Hospital Serdang
47	Basic CT Scan	23.11.2023	Google Meet
48	Kursus ILD	25.10.2023 - 27.10.2023	Google Meet

## CONTINUOUS MEDICAL EDUCATION (CME) JABATAN RADIOLOGI SEPANJANG TAHUN 2023

BIL.	TARIKH	TAJUK
1.	7/2/2023	Mobile Radiography
2.	21/2/2023	Kebakaran
3.	21/3/2023	Pengurusan sisa Klinikal dan Sharp Injury
4.	15/3/2023	Nafaz Baru Ramadhan:Mencari Ibrah Dalam Al-Quran
5.	28/3/2023	Kluster
6.	13/4/2023	Cme PSF Radiologi kkm bil2/2023.Dose monitoring in medical imaging
7.	9/5/2023	Code Grey
8.	23/5/2023	1)PPE 2)Hand Hygiene
9.	12/6/2023	Fujifilm
10.	13/6/2023	Agfa-Latimax
11.	20/6/2023	Comunication and soft skill
12.	12/7/2023	Radiation Protection in Health Wokers
13.	7/7/2023	Hook wire localization
14.	18/7/2023	QAP
15.	26/7/2023	Meneladani Kepimpinan Islam Dalam Pekerjaan Sempena Sambutan Maal Hijrah 1445H Peringkat Hospital Kajang
16.	2/8/2023	Omnipaque

17.	18/8/2023	<i>Principle of Radiography</i>
18.	22/8/2023	<i>Garis Panduan pendaftaran pemeriksaan radiology KKM</i>
19.	12/9/2023	<i>CT Renal 4 Phase</i>
20.	25/9/2023	<i>Radiation Protection</i>
21.	7/11/2023	<i>Pelvis general X-ray(Ap,Axial,Outlet,Inlet &amp; Judet's View projection)</i>
22.	14/11/2023	<i>Special Projection</i>
23.	17/11/2023	<i>Tube Aging</i>

## PENGLIBATAN & AKTIVITI UNIT

### Peringkat Hospital

Program Kualiti Hospital Kajang 2023.

### Peringkat Negeri

#### i. *Selangor Radiology Network*

Selain dari perkhidmatan di peringkat Hospital Kajang, Jabatan Radiologi juga turut terlibat dalam rangkaian hospital-hospital di seluruh Negeri Selangor bagi meninggikan mutu penyampaian perkhidmatan Radiologi khususnya ke klinik - klinik kesihatan (KK) yang mempunyai Unit Radiologi. Ini dicapai dengan mengadakan lawatan ke klinik-klinik di bawah seliaan sebanyak 1 kali setahun. Klinik-klinik kesihatan di bawah seliaan Jabatan Radiologi Hospital Kajang adalah Klinik Kesihatan Sungai Chua, Klinik Kesihatan Bandar Sri Putra dan Klinik Kesihatan Kajang. Di akhir tahun 2023, KK Bangi juga telah diletakkan dibawah seliaan Hospital Kajang. Antara aktiviti pemantauan yang dijalankan adalah penyeliaan fasiliti di Unit Radiologi termasuk bilik gelap, audit filem X - Ray dada, abdomen, *spina* dan ekstremiti. Pegawai yang terlibat adalah Pakar Radiologi dan Juru X - Ray Kanan. Penemuan dari lawatan penyeliaan ini akan dibentangkan pada Mesyuarat Peringkat Negeri Selangor yang diadakan pada setiap dua kali setahun.

#### ii. **Program pengesanan awal payudara peringkat Negeri Selangor**

Program ini diadakan dengan kerjasama semua klinik kesihatan di mana slot khas diberikan kepada semua pelanggan wanita berisiko dari klinik kesihatan untuk mengadakan pemeriksaan mamogram di hospital kerajaan yang berdekatan.

#### iii. **Quality Assurance Programme ( QAP)**

Program di bawah penyeliaan Unit Keselamatan Sinaran, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor ini menumpukan kepada permonitoran radiasi di semua Jabatan Radiologi. Antara parameter yang diaudit secara berterusan adalah:

- a. *Percentage of radiographs rejected*
- b. *Retake for digital radiography*
- c. *Percentage Of Fluoroscopic Procedures Where Patient Dose Exceed The Malaysian Diagnostic Reference Level (DRL)*
- d. *Monthly Percentage Of Adult CT Brain Examination Where Dose Length Product (DLP) Exceed Malaysian Diagnostic Reference Level (DRL)*
- e. *Percentage of Mammogram Images Retake*

Secara keseluruhan jabatan ini berjaya mencapai standard yang telah ditetapkan bagi setiap parameter.

Kursus – kursus yang dianjurkan di peringkat negeri adalah Bengkel Mamografi yang diadakan di Jabatan Radiologi merangkumi seorang Juru X-Ray Mamografi dari semua daerah di Negeri Selangor.

#### **iv. Kluster Zon Selatan Negeri Selangor (Subkomiti Perkhidmatan Radiologi)**

Melibatkan 5 hospital dimana Hospital Serdang sebagai *lead hospital* dengan Hospital Kajang, Institut Kanser Negara, Hospital Ampang dan Hospital Cyberjaya. Tujuan dan objektif adalah perkongsian perkhidmatan radiologi, menetapkan waktu menunggu untuk pemeriksaan khas, menambah baik waktu menunggu untuk pemeriksaan MRI sejajar dengan waktu menunggu yang ditetapkan oleh peringkat kebangsaan iaitu 6 bulan dan menyediakan pelbagai latihan kepada modaliti yang berbeza kepada semua Juru X-Ray dalam kluster.

Rangkaian kerja serta perkongsian yang ditetapkan adalah perkhidmatan MRI Hospital Kajang dijalankan di Hospital Ampang, IKN dan Hospital Serdang seminggu sekali, kes *Bone densitometry* daripada Hospital Kajang dijalankan di Hospital Serdang sebulan sekali dan Fluoroskopi Hospital Serdang dan Hospital Kajang dijalankan di Hospital Cyberjaya mengikut hari yang telah ditetapkan.

Setakat penghujung tahun 2023, Hospital Kajang telah berjaya mencapai KPI yang telah ditetapkan.

#### **v. Kursus Ultrasound**

Kursus yang melibatkan pegawai perubatan Hospital Kajang, pegawai perubatan klinik Kesihatan serta swasta.

#### **vi. Kursus Basic Life Support**

Melibatkan peserta daripada Jabatan Radiologi dalam usaha untuk mencapai 100% wargakerja Radiologi mempunyai Sijil Basic Life Support dan mempersiapkan mereka untuk kejadian kecemasan semasa menjalankan tugas.

#### **vii. Program Radiology Day 2023 (IDOR 2023)**

Program Keselamatan Radiasi (Radiation Protection) serta Saringan Payudara sempena Pink October. Menawarkan kursus keselamatan radiasi kepada wargakerja Hospital Kajang. Sempena Pink October 2023, saringan payudara (Mammogram) ditawarkan kepada semua wargakerja Wanita Hospital Kajang yang melebihi 40 tahun.

#### **viii. Kursus Pemantapan Radiologi 2023**

Seramai 40 orang peserta menyertai kursus pemantapan dimana ia melibatkan doktor dan Juru X-Ray serta Pegawai Sains.

#### **ix: IDOR 2023 anjuran Hospital Sultan Idris Shah**

Menyertai pertandingan booth terbaik sempena sambutan IDOR di Hospital Sultan Idris Serdang. Mendapat tempat kedua.

#### **Peringkat Antarabangsa**

AOCR & 59th RST-RCRT Congress at Centara Grand & Bangkok Convention Central at Central World Bangkok, Thailand

#### **Poster Presentation**

- Internal Carotid Artery
- Internal Jugular Vein Arteriovenous Fistula Mimicking Pseudoaneurysm
- A Rare Complication Of Penetrating Stab Injury



Majlis Perpisahan:  
 Encik Hiduan  
 Encik Khairul Zaman  
 Encik Zul Akmal  
 Dr Munirah Mericcan



Kursus Ultrasound



MRI SAFETY CONFERENCE



Sambutan Hari Raya Aidilfitri



Kursus Basic Life Support





AOCR & 59th RST-RCRT Congress at Centara Grand & Bangkok Convention Central at Central World Bangkok, Thailand



Naib Johan booth IDOR Negeri Selangor



Kursus Pemantapan Radiologi 2023

“International Radiology Day 2022 (IDOR)”, Radiation Protection Course Pink October: Breast Awareness Programme





# JABATAN FARMASI

Jabatan Farmasi Hospital Kajang merupakan perkhidmatan Sokongan Klinikal yang bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan perolehan dan pembekalan ubat-ubatan kepada pesakit serta pembekalan ubat-ubatan dan alat-alat perubatan kepada unit-unit pengguna dalam hospital. Jabatan ini juga menyediakan perkhidmatan berkonsepkan penjagaan farmaseutikal secara menyeluruh, mengoptimalkan terapi ubat-ubatan dengan memastikan pengurusan pemilihan, pembelian dan penggunaan ubat yang rasional dan kos efektif melalui perkhidmatan farmasi profesional dan farmasi klinikal terkini.

Selain dari menyediakan perkhidmatan yang dapat memenuhi keperluan pelbagai jabatan dan disiplin, jabatan ini juga menekankan kefahaman dan pendidikan pesakit berkenaan ubat-ubatan yang digunakan supaya keberkesanan terapi dalam rawatan dapat dipertingkatkan.

Pada tahun 2023 Jabatan Farmasi telah menerima perjawatan tambahan bagi memenuhi keperluan pengisian anggota di Woman & Child Center (WCC) iaitu sebanyak 37 jawatan Pegawai Farmasi, 12 jawatan Penolong Pegawai Farmasi dan 2 jawatan bagi anggota sokongan Sehingga akhir tahun 2023, perjawatan bagi Pegawai Farmasi adalah sebanyak 86 jawatan dengan 46 pengisian, 24 jawatan Penolong Pegawai Farmasi dengan 12 pengisian dan dibantu oleh 11 orang anggota sokongan yang lain.

## VISI

Untuk memberikan perkhidmatan farmasi yang terbaik demi kesihatan dan kesejahteraan negara.

## MISI

Menerajui perkhidmatan farmasi yang dinamik dengan memberi penekanan kepada tahap kewibawaan yang tinggi, profesionalisme, dan kecemerlangan sejajar aspirasi dan cabaran negara.

## OBJEKTIF

- Memberi perkhidmatan farmasi yang cekap, tepat dan berkesan kepada pesakit dan pelanggan di hospital.
- Mengadakan perkhidmatan farmasi klinikal untuk meningkatkan kualiti rawatan pesakit.
- Mengukuhkan sistem perolehan dan bekalan supaya memenuhi keperluan ubat-ubatan dan peralatan di peringkat hospital.

## SKOP PERKHIDMATAN


## FARMASI AMBULATORI - FARMASI PESAKIT LUAR

Pendispensan ubat merupakan perkhidmatan utama yang dijalankan di unit ini. Pembekalan ubat merangkumi preskripsi daripada Klinik Pakar, preskripsi bekalan susulan, pesakit discaj dari wad dan pesakit rujukan dari fasiliti KKM i.e. klinik kesihatan atau hospital melalui sistem rujukan SPUB (Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu). Farmasi Pesakit Luar juga menyediakan perkhidmatan Kaunseling ubat-ubatan.

### Pencapaian 2023

Masa menunggu pesakit mengambil ubat di Farmasi Pesakit Luar adalah antara HPIA yang dipantau bagi Jabatan Farmasi. Standard yang ditetapkan adalah memastikan  $\geq 95\%$  preskripsi yang diterima di Farmasi Pesakit luar didispens dalam masa  $\leq 30$  minit. Ianya juga merupakan antara KPI Jabatan Farmasi yang dipantau. Walaubagaimanapun pada tahun 2023, KPI Masa Menunggu tidak tercapai dengan peratus bilangan preskripsi didispens dalam tempoh  $\leq 30$  minit ialah 94.61%. Purata masa menunggu bagi seorang pesakit adalah 19.68 minit. Antara faktor yang menyebabkan KPI Masa Menunggu tidak dapat dicapai ialah:

- Jumlah preskripsi yang tinggi semasa waktu puncak
- Kekurangan anggota farmasi pesakit luar



Graf Pencapaian Masa Menunggu Tahun 2023

### Jadual Jumlah preskripsi didispens dan peratus preskripsi didispens < 30 minit di Farmasi Pesakit Luar dan Farmasi Kecemasan bagi Tahun 2023

Bulan	Jumlah Preskripsi Didispens < 30 minit	*Bil. Preskripsi diterima (waktu pejabat + luar waktu pejabat)	*% Preskripsi didispens < 30 minit	Pencapaian (Sasaran > 95%)
Januari	12,074	19,698	95.30	TERCAPAI
Februari	11,315	17,753	95.43	TERCAPAI
Mac	12,917	19,898	91.02	TIDAK TERCAPAI
April	9,325	15,745	91.18	TIDAK TERCAPAI

Mei	12,422	19,406	95.34	TERCAPAI
Jun	10,383	16,617	95.27	TERCAPAI
Julai	11,400	17,824	96.71	TERCAPAI
Ogos	11,056	17,758	95.51	TERCAPAI
September	11,050	17,408	95.04	TERCAPAI
Oktober	11,890	17,701	96.69	TERCAPAI
November	11,287	17,103	95.22	TERCAPAI
Disember	10,386	16,738	92.67	TIDAK TERCAPAI
<b>Jumlah</b>	<b>135,505</b>	<b>213,649</b>	<b>94.61%</b>	<b>TIDAK TERCAPAI</b>

\*Rujukan : PF 5.1 (a) dan KPI Masa Menunggu

#### Jadual Jumlah Preskripsi yang di Intervensi

Tahun	Jumlah preskripsi diterima	Jumlah preskripsi di intervensi	Jumlah intervensi	% Intervensi
2021	180,912	923	923	0.51%
2022	227,348	1740	1740	0.77%
2023	213, 649	3115	3115	1.46%

Jenis-jenis intervensi yang dibuat termasuk preskripsi tidak lengkap: tiada ubat (15.57%), dos dan frekuensi; regimen tidak sesuai: dari segi dos (9.53%), frekuensi dan ubat; preskripsi tidak sesuai: polifarmasi, interaksi ubat; kontraindikasi dan lain-lain seperti tulisan tidak jelas (11.81%), ubat tiada dalam senarai FUKKM dan authenticity

#### Jadual Peratus kesilapan dikesan sebelum pendispensan (standard: 0%)

Tahun	Jumlah preskripsi diterima	Jumlah Rx perlu dibuat pembedulan	Jumlah kesilapan	% Rx yang perlu pembedulan
2021	180,912	86	86	0.0475%
2022	227,348	70	70	0.0308%
2023	213,649	56	60	0.0262%

\*Rujukan : QAP1

Jadual menunjukkan peratus preskripsi yang dikesan kesilapan melabel atau mengisi sebelum pendispensan (Errors Detected Before Dispensing). Pada tahun 2023 terdapat penurunan dari segi peratus preskripsi yang perlukan pembedulan iaitu 14.94%

#### Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi [Value Added Service (VAS)] di Farmasi Pesakit Luar

Bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan pendispensan ubat kepada pesakit, sistem 'Value Added Service (VAS)' telah diperkenalkan pada tahun 2010. Perkhidmatan ini diperkenalkan dengan tujuan untuk memberi kemudahan dan mengurangkan masa menunggu pesakit dan merupakan Key Performance Indicator (KPI) YB

Menteri Kesihatan.

**Jadual Bilangan Preskripsi Bekalan Susulan Didispens Melalui Perkhidmatan VAS 2023 mengikut jenis**

JENIS VAS	2021	2022	2023
Sistem Temujanji	532	2360	1804
Aplikasi Komunikasi Telefon Pintar (MyUbat)	1491 (Servis ini dimulakan pada Jun 2021)	2871	2524
Speed Collect	985 (Servis ini tamat pada Jun 2021)	Ditukar kepada Aplikasi Komunikasi Telefon Pintar (MyUbat)	
UMP	3,328	3183	2672
Sistem Letak & Ambil	4008	7016	6790
SPUB Keluar	1,903	2128	1743
<b>JUMLAH</b>	<b>12,247</b>	<b>17,558</b>	<b>15,533</b>

Sasaran yang ditetapkan bagi KPI VAS tahun 2023 adalah  $\geq 15\%$  preskripsi susulan menggunakan Perkhidmatan Nilai Tambah. Perkhidmatan Nilai Tambah yang diambil kira ialah Perkhidmatan Farmasi Pandu Lalu (termasuk Farmasi Park & Take), Perkhidmatan Ubat Melalui Pos (UMP), Perkhidmatan Ubat Melalui Pihak Ketiga (UM3) dan Perkhidmatan Lokar Ubat. Pencapaian KPI VAS bagi tahun 2023 hanyalah 5.58% kerana, hanya Perkhidmatan Ubat Melalui Pos (UMP) yang ditawarkan oleh Jabatan Farmasi, Hospital Kajang dikira di sebagai Perkhidmatan Nilai Tambah. Bagi tahun 2023, sebanyak 15,533 preskripsi susulan menggunakan perkhidmatan VAS ini. Penurunan sebanyak 11.53% dibandingkan dengan 2022. Ini adalah kerana, pembekalan ubat diberikan adalah 2 bulan, berbanding 1 bulan pembekalan bagi tahun 2022.

**Jadual Peratus pencapaian Tahun 2022 vs 2023 mengikut Jenis VAS**

Jenis VAS	2022	2023	Peratus Pencapaian 2022 berbanding 2023
Sistem Temujanji	2360	1804	↓ 23.56
Aplikasi Komunikasi Telefon Pintar (MyUbat)	2871	2524	↓ 12.09
UMP	3183	2672	↓ 16.05
Sistem Letak & Ambil	7016	6790	↓ 3.22
SPUB Keluar	2128	1743	↓ 18.09
Jumlah	17,558	15,533	↓ 11.53

**Jadual Peratus preskripsi ulangan menggunakan Perkhidmatan Nilai Tambah**

Tahun	Bil. Preskripsi diterima (b)	Bil. Preskripsi Bekalan Susulan Sahaja (c)	* Bil. Preskripsi Bekalan susulan didispens melalui Perkhidmatan Tambah Nilai (d)	% Preskripsi ulangan menggunakan Perkhidmatan Tambah nilai (e) $e=d/c*100$
2021	180,912	46,315	12,247	26.44%

2022	227,348	63,592	17,558	27.61%
2023	213,649	47,923	2672	5.58%

\*Sasaran pada 2023 :  $\geq 15\%$  preskripsi ulangan menggunakan VAS

## MEDICATION THERAPY ADHERENCE CLINIC (MTAC) / MEDICATION THERAPY MANAGEMENT (MTM)


MTAC dan MTM merupakan perkhidmatan penjagaan ambulatori yang ditawarkan oleh pegawai farmasi terlatih kepada pesakit di hospital ataupun klinik kesihatan. Di antara aktiviti yang dijalankan semasa sesi MTAC/MTM adalah kaunseling ubat-ubatan, pengubahsuaian dos ubat, pemantauan kesan samping, intervensi terhadap regimen rawatan, pemantauan outcome terapi ubat-ubatan dan pemberian maklumat berkaitan penyakit serta ubat-ubatan. Di samping itu, sesi ini juga secara tidak langsung dapat memberikan motivasi kepada pesakit agar mempunyai persepsi yang positif tentang penyakit dan rawatan yang diterima.

Kaunseling merupakan salah satu di antara aktiviti utama yang dijalankan oleh pegawai farmasi semasa sesi lawatan MTAC/MTM. Contohnya adalah seperti memberi nasihat tentang ubat ubatan seperti kepentingan rawatan, cara penggunaan alat perubatan (medical device) seperti inhaler dan pen insulin, kesan sampingan, alahan dan cara penyimpanan ubat. Ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kepatuhan pesakit terhadap pengambilan ubat-ubatan.

Di Hospital Kajang, terdapat 3 jenis MTAC yang terlibat. Bermula dengan ubat Warfarin, kaunseling diberikan kepada pesakit yang memerlukan. Kemudian perkhidmatan ini dikembangkan kepada pesakit HIV dan diabetes. Pada tahun 2010, pendoson untuk MTAC warfarin dimulakan bagi pesakit dengan INR 1-4 tanpa pesakit perlu berjumpa dengan pegawai perubatan. Penglibatan pegawai farmasi dalam patient centred care ini telah menyumbang kepada perkhidmatan penjagaan pesakit yang optimum. Perkhidmatan MTAC Diabetes dimulakan pada tahun 2010, manakala MTAC RVD pada tahun 2008.

Pada tahun 2023, Peratus Bilangan Kaunseling kepada pesakit semasa lawatan Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC)/Medication Therapy Management (MTM) dipantau pada setiap 3 bulan. Sasaran yang ditetapkan adalah 100% pesakit diberi kaunseling semasa menghadiri setiap sesi lawatan MTAC/MTM.

Carta berikutnya menunjukkan perbandingan bilangan sesi MTAC/Pain MTM dan kaunseling yang dijalankan bagi tahun 2021, 2022 dan 2023. Bilangan pre- adalah bilangan sesi kaunseling yang dijalankan kepada pesakit baru manakala post- adalah bilangan kaunseling yang dijalankan kepada pesakit ulangan.

**Graf Perbandingan MTAC Warfarin, Diabetes dan RVD (2021 - 2023)**


- Pre: Kaunseling kali pertama
- Post: Kaunseling pada lawatan berikutnya
- Kaunseling: Tidak memenuhi kriteria mtac namun kaunseling dibuat
- Bilangan kes dibuat pendosan (MTAC Warfarin)

**Peratus Pesakit Diabetes Yang Menghadiri DMTAC Sebanyak 3 kali lawatan susulan pada tahun 2021 – 2023**

Tahun	Bilangan lawatan kali pertama	Bilangan lawatan susulan dari pesakit	Peratus 1:3 yang dicapai	Sasaran Dicapai (Ya/Tidak)
2021	49	205	100%	Ya
2022	58	167	96%	Tidak
2023	119	473	100%	Ya

**Peratus Pencapaian Bilangan Kaunseling MTAC/Pain MTM**

Tahun	Jenis	Bilangan MTAC/Pain MTM dijalankan	Bil. Kaunseling	Pencapaian
2023	MTAC	1293	1293	100%
	MTM	537	537	

## FARMASI PESAKIT DALAM

Farmasi Pesakit Dalam (FPD) bertanggungjawab ke atas bekalan ubat untuk kegunaan pesakit di dalam wad. Pembekalan ubat menggunakan 2 jenis sistem pembekalan ubat yang terdiri daripada Sistem *Unit of Dose* (UDS) dan Sistem *Unit of Use* (UoU). Keutamaan pembekalan ubat adalah melalui UDS, walau bagaimana pun terdapat beberapa keadaan UoU dilaksanakan. Melalui sistem UDS, ubat dibungkus dan dilabel secara individu dan hanya dibekalkan bagi tempoh tidak melebihi 24 jam. Sistem ini dapat mengelakkan kesilapan pengubatan pesakit kerana ubat dibekalkan terus ke dalam bin individu pesakit mengikut waktu pemberian ubat yang ditetapkan.

### Bilangan Preskripsi Pesakit Dalam (2021 - 2023)

Tahun	Bilangan Preskripsi baru yang diterima di Pesakit Dalam	Bil preskripsi pesakit discaj (dalam waktu pejabat)	Bil bedside dispensing	Peratus preskripsi pesakit discaj yang dibekal melalui bedside dispensing (dalam waktu pejabat) (%)
2021	57,544	9,474	3,816	40.28%
2022	54,581	5,643	3,493	61.90%
2023	71,282	6,065	3,902	64.3%

### Jadual Peratus kesilapan dikesan sebelum pendispensing (standard: 0%)

Tahun	Jumlah preskripsi disaring	Jumlah Rx perlu dibuat pembedulan	Jumlah kesilapan	% Rx yang perlu pembedulan
2021	254,591	74	74	0.0290%
2022	267,398	54	54	0.0202%
2023	347,689	65	65	0.0187%


\*Rujukan : QAP1

Jadual menunjukkan peratus preskripsi yang dikesan dengan kesilapan pelabelan atau pengisian sebelum pendispensing (Errors Detected before Dispensing). Pada tahun 2023, terdapat penurunan dari segi peratus preskripsi yang memerlukan pembedulan iaitu sebanyak 7.43%.

### Objektif Kualiti Jabatan Farmasi

Pada tahun 2023, Jabatan Farmasi Hospital Kajang telah menetapkan Objektif Kualiti Jabatan yang baru iaitu sasaran sebanyak 40% daripada jumlah preskripsi pesakit yang di discaj dalam waktu pejabat didispens secara *Bedside Dispensing (BD)*. *BD* merupakan salah satu daripada perkhidmatan klinikal yang diberikan kepada pesakit yang didiscaj daripada wad agar mendapat bekalan ubat yang mencukupi dan betul tanpa perlu beratur dan mengambil ubat dikaunter Farmasi Pesakit Luar.

### Graf Peratus (%) Pengurusan Preskripsi Bekalan Ubat Farmasi Pesakit Dalam Secara Bedside Dispensing (Waktu pejabat)



### FARMASI LOGISTIK

Unit Farmasi Logistik berfungsi untuk mengendalikan perolehan bagi ubat-ubatan, vaksin, gas perubatan dan bukan ubat untuk keperluan seluruh hospital. Pelaksanaan perolehan adalah meliputi perolehan secara Pembelian Terus, Sebutharga, Perolehan melalui syarikat Konsesi dan Kontrak KKM. Farmasi Logistik

adalah tempat bagi melaksanakan proses penerimaan, perekodan, penyimpanan, penyelenggaraan, pengendalian dan pengeluaran stok. Memastikan bekalan stok mencukupi secara berterusan adalah menjadi tanggungjawab unit ini disamping mengawal paras stok supaya berada dalam kuantiti yang optimum. Jumlah keseluruhan perbelanjaan yang dikendalikan pada 2023 oleh Unit Farmasi Logistik boleh dirujuk kepada Jadual yang tertera dibawah ini:

#### Jadual Jumlah Perbelanjaan bagi tahun 2023

Item	Kod	Perbelanjaan
Ubat	27401	17,331,582.04
Vaksin	27404	118,629.87
Bukan Ubat	27499	10,815,657.83
Gas Perubatan	27402	794,033.00
Bekalan Am	27000	121,900.00
Percetakan	29000	77,500.00
Domestik	26000	38,502.00

#### Pencapaian 2023

Terdapat dua (2) KPI yang dipantau bagi Farmasi Logistik iaitu:

- Kadar Pusingan Stok Tahunan.
  - Sasaran: Januari – Disember  $\geq 4$
- Simpanan Stok Ubat Yang Optima.
  - Sasaran: Pegangan Stok 1-3 bulan

#### Jadual Pencapaian Kadar Pusingan Stok Tahunan Farmasi Logistik pada 2023 (sasaran >4): Ubat, Bukan Ubat dan Vaksin

Tahun 2023	Sedia Ada	Penerimaan	Pengeluaran	Stok Semasa	Kadar Pusingan Stok C= [(a+d)/2]
	Baki Stok Bawa Hadapan (RM) a	Jumlah Nilai Stok (RM) b	Jumlah Nilai Stok (RM) c	Jumlah Nilai Stok (RM) D=(a+b)-c	
Jan-Dis	4,952,592.77	28,906,853.03	28,992,499.76	4,866,946.03	6.21

Mencapai Sasaran : YA

#### Jadual Purata Keseluruhan Pencapaian Simpanan Stok Ubat Yang Optima Dalam Julat 1-3 Bulan

Tahun 2023	PEGANGAN STOK (BULAN) VAKSIN	PEGANGAN STOK (BULAN) UBAT	PEGANGAN STOK (BULAN) BUKAN UBAT
Jan - Dis	1.81	2.26	1.40


#### FARMASI WAD & FARMAKOTERAPI

Perkhidmatan ini mula diperkenalkan pada tahun 2006 di Hospital Kajang. Bermula dengan unit ICU (Intensive Care Unit), pegawai farmasi melakukan rondaan wad bersama pakar dan pegawai perubatan. Skop perkhidmatan diluaskan kepada wad perubatan sejajar dengan permintaan dan pertambahan bilangan pegawai farmasi pada tahun 2007. Kini, pegawai farmasi sepenuh masa (full time pharmacist) telah ditempatkan di beberapa wad/unit iaitu ICU, Wad Perubatan Perempuan, Wad Perubatan Lelaki, Wad


Pediatrik, Wad Special Care Neonatal (SCN), Wad Pembedahan dan Jabatan Kecemasan dan Trauma.



Aktiviti wad Farmasi/ Klinikal melibatkan pengambilan sejarah pengubatan pesakit dan kepatuhan terhadap ubat-ubatan, pemantauan farmakoterapi pesakit, kaunseling ubat-ubatan dan juga perkhidmatan pendispensan di tepi katil bagi pesakit discaj semasa waktu pejabat. Selain itu, pegawai farmasi wad juga membuat intervensi terhadap preskripsi di dalam wad dan juga bertanggungjawab memberi maklumat jika terdapat sebarang pertanyaan dari preskriber, jururawat dan juga orang awam. Kesemua aktiviti direkodkan di dalam sistem Pharmacy Hospital Integrated System (PHIS).

**Graf Pencapaian aktiviti pengambilan sejarah pengubatan pesakit-CP1 (2021-2023)**



**Graf Pencapaian aktiviti pemantauan farmakoterapi pesakit-CP2 (2021-2023)**



**Graf Pencapaian aktiviti intervensi pengubatan pesakit di wad- CP3 (2021-2023)**

**Graf Pencapaian Aktiviti Kaunseling (2021-2023)**

**CATATAN**

- CP1: Pengambilan sejarah pengubatan pesakit dan komplians ubat sebaik sahaja pesakit masuk ke wad
- CP2: Pemantauan pesakit sepanjang berada di wad
- CP3: Intervensi pengubatan pesakit di wad

**PERKHIDMATAN FARMAKOKINETIK KLINIKAL - PEMONITORAN UBAT TERAPEUTIK (TDM)**

Perkhidmatan ini melibatkan pengukuran paras ubat di dalam darah pesakit. Ia melibatkan penentuan parameter-parameter farmakokinetik ubat-ubatan tertentu agar pengubahsuaian dos (sukatan) dapat dilakukan kepada pesakit secara individu dan optimum serta mengelak kesan toksik ubat-ubatan. Ubat-ubatan yang terlibat dalam perkhidmatan ini adalah ubat yang mempunyai indeks terapeutik yang sempit termasuk ubat digoxin, theophylline, antibiotik aminoglikosida, vancomycin dan ubat-ubat anti-epileptik.


Selain daripada itu, pengukuran paras toksik ubat paracetamol dan paras ubat-ubat lain juga ditentukan dalam kes-kes ketoksian.

### **Pencapaian**

Dalam perkhidmatan TDM dari tahun 2021 ke tahun 2023, trend menunjukkan peningkatan dari aspek Jumlah Kes dan Peratus Kes Toksik Diinterpretasi dan Direkomendasi dalam Masa Satu Jam dan terdapat peningkatan dari aspek Bilangan permohonan kes toksik bagi tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya.

Bagi tahun 2023, pemantauan kes toksik dalam borang QAP 2 telah dimansuhkan. Walaubagaimanapun garis panduan farmakokinetik KKM edisi 2022 menetapkan untuk semua kes *suspected toxicity* perlu diinterpretasi dan rekomendasi dalam tempoh 1 jam selepas keputusan TDM dikeluarkan oleh makmal. Sasaran tersebut telah berjaya dicapai dan dikekalkan 100% bagi tahun 2021,2022, dan 2023. (Rujuk Graf dibawah).

### **Graf Perbandingan Pencapaian bagi tahun 2021-2023**



Berdasarkan statistik tahun 2021 sehingga 2023, Jumlah permohonan kes TDM meningkat pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya (2022). Tahun 2021 masih menunjukkan permohonan yang lebih tinggi berbanding tahun 2022 dan 2023 (Rujuk Graf 9).

### **Graf Perbandingan Bilangan Kes TDM ( 2021-2023)**



## PROGRAM 'ANTIBIOTIC STEWARDSHIP'

Program ini telah dimulakan pada tahun 2011, bagi memastikan penggunaan antibiotik adalah rasional dan kos-efektif. Sebanyak sepuluh jenis antibiotik dipantau dalam program ini. Pada tahun 2014, Antimicrobial Stewardship (AMS) Team telah ditubuhkan yang terdiri daripada Pakar Perubatan Medikal, Pakar Anestesiologi, Clinical Microbiologist, Pegawai Sains dan Pegawai Farmasi Klinikal. AMS Team juga membuat kolaborasi dengan Infectious Disease Specialist Hospital Sungai Buloh untuk kes-kes tertentu. Tujuan AMS Team ditubuhkan adalah untuk memberi cadangan dan justifikasi rawatan antibiotik yang khusus bagi pesakit yang memerlukan rawatan antibiotik carbapenem, pesakit yang memerlukan rawatan antibiotik yang rumit, dan pesakit yang memerlukan rawatan antibiotik pelbagai jenis atau dalam jangka masa yang panjang.

### Bilangan kes yang direview oleh pasukan AMS 2023

Antibiotik	Bilangan Kes
Carbapenem	285
Colistin & Polymyxin B	42
Vancomycin	94

### Bilangan rondaan 2023

Bil Rondaan	Bilangan Pesakit	Bilangan Intervensi Yang Diterima	Bilangan Intervensi Yang Ditolak	Kadar penerimaan
4	6	6	0	100%


### Bilangan pesakit yang dikenalpasti untuk intervensi

Patient Outcome (Jan –Dec 2023)	No. of Patients
Discharged	5
Passed away*	1


## FARMASI PUSAT SUMBER DAN MAKLUMAT UBAT

Farmasi Pusat Sumber dan Maklumat Ubat (PRIC) adalah meliputi menjawab pertanyaan tentang ubat-ubatan, mengendalikan program CPE mengenai ubat-ubatan dalam kalangan anggota, mengemaskini dan menerbitkan Formulari Hospital, termasuk menguruskan aduan Kesan Adverse Ubat (ADR) dan aduan tentang produk. PRIC juga bertanggungjawab menguruskan permohonan ubat-ubatan yang memerlukan kelulusan khas daripada Ketua Pengarah Kesihatan (UKK) dan terlibat dalam Program Penggunaan Ubat Berkualiti (PUB-P). Disamping itu, unit ini juga bertanggungjawab mengurus aktiviti-aktiviti CPD dan latihan bagi anggota di Jabatan Farmasi.

Graf Statistik Jenis Pertanyaan maklumat ubat (2021-2023)



Graf Perbandingan Jumlah Pertanyaan oleh Profesional dan Orang Awam 2021-2023



Semua pertanyaan yang diajukan kepada Jabatan Farmasi akan dirujuk kepada sumber rujukan yang diperakui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), antaranya ialah Formulari Ubat KKM (FUKKM), Medscape, Micromedex, LexiComp, Frank Shann, Paediatric Protocol, Sarawak Handbooks, BNF, MIMS Gateway dan Neofax.

Jadual Perbandingan Statistik Laporan ADR dan Pertanyaan Maklumat Ubat (2021-2023)

Tahun	Laporan ADR	Jumlah Pertanyaan Ubat
2021	333	2,078
2022	206	1,457
2023	174	1,069

Terdapat penurunan pelaporan ADR dan jumlah pertanyaan ubat pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya. Pelaporan AEFI adalah termasuk dalam pelaporan ADR dan tiada insiden AEFI dilaporkan sepanjang tahun 2023. Salah satu faktor yang menyumbang kepada penurunan pelaporan AEFI adalah

disebabkan oleh penurunan pemberian vaksin Covid-19 berikutan Hospital Kajang tidak lagi menjadi pusat pemberian vaksin (PPV). Jumlah pertanyaan ubat berkaitan dengan vaksin Covid-19 juga menurun berbanding tahun 2021 dan 2022.

## AKTIVITI & PROGRAM 2023

### PENGENALAN PROGRAM KENALI UBAT ANDA (KUA)

Penggunaan Ubat Secara Berkualiti - Pengguna atau *Quality Use of Medicine – Consumer (QUMC)* merupakan satu projek kebangsaan dibawah Program Perkhidmatan Farmasi, KKM. QUMC dijalankan untuk menyokong komponen keempat Dasar Ubat Nasional (DUNas) iaitu penggunaan ubat-ubatan secara berkualiti. Objektif utama projek ini adalah untuk memastikan ubat-ubatan digunakan secara bijak, sesuai, selamat dan kos efektif ke arah menggalakkan hasil kesihatan (*health outcomes*) yang lebih baik. Antara strategi untuk mencapai objektif ini adalah melalui pendidikan, latihan dan penyediaan maklumat ubat-ubatan yang betul dan tepat pada masanya. Penggunaan Ubat Secara Berkualiti merupakan tanggungjawab ahli profesional kesihatan (*healthcare provider*) dan juga pengguna. Kedua-duanya memainkan peranan yang penting dalam memastikan ubat-ubatan digunakan dengan cara terbaik bagi meningkatkan tahap kesihatan.

**Objektif program ini adalah untuk :**

- meningkatkan kesedaran pengguna dalam penggunaan ubat secara berkualiti
- menyediakan maklumat yang berkaitan dengan isu kesihatan dan ubat kepada pengguna
- menyediakan program pendidikan dan latihan bagi meningkatkan pengetahuan pengguna berkenaan penggunaan ubat secara berkualiti

**Program KUA yang dilaksanakan adalah seperti yang berikut :**

- Bengkel *training of trainers* Duta Kenali Ubat Anda
- Pameran dan ceramah Kenali Ubat Anda
- Wawancara radio dan televisyen
- Promosi berterusan melalui media massa
- Lawatan ke rumah pesakit (Duta Prihatin Masyarakat)
- Tinjauan dan kajian mengenai persepsi dan pengetahuan pengguna berkaitan ubat

### PENGENALAN PROGRAM DUTA KENALI UBAT ANDA (DUTA KUA)

Pada tahun 2007, Program Perkhidmatan Farmasi KKM melancarkan Kempen Kenali Ubat Anda dengan matlamat meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat tentang penggunaan ubat secara berkualiti. Untuk memperluas penyebaran maklumat, Program Duta Kenali Ubat Anda (Duta KUA) diperkenalkan pada tahun 2012. Program ini menggalakkan penglibatan masyarakat dalam mempromosikan penggunaan ubat secara berkualiti, dengan harapan dapat menyumbang kepada perubahan tingkah laku masyarakat.

Duta KUA dipilih secara sukarela atau melalui cadangan fasiliti kesihatan dan menjalani latihan komprehensif yang merangkumi modul Kenali Ubat Anda, ubat berdaftar, cara pengambilan dan penyimpanan ubat yang betul, serta peranan Duta KUA. Program ini menggunakan kaedah pembimbing rakan sebaya dan perubahan tingkah laku untuk memastikan penyebaran informasi yang berkesan.

Kajian National Survey on Use of Medicines (NSUM) 2015 menunjukkan peningkatan pemahaman masyarakat tentang cara penggunaan ubat yang betul dari 56.6% (2013) kepada 81.4% (2015). Kesedaran tentang kempen Kenali Ubat Anda juga meningkat dari 47.5% (2012) kepada 51.9% (2015). Diharapkan, penyebaran maklumat dan pendidikan melalui Program Duta KUA dapat terus membentuk perubahan tingkah laku dalam komuniti di Malaysia.

### **Rumusan Pencapaian Aktiviti Penggunaan Ubat Berkualiti-Pengguna (PUB-P) Negeri**

Pada tahun 2023, Hospital Kajang mencapai sasaran Program Penggunaan Ubat Berkualiti (PUB-P) dengan melaksanakan 37 program, melebihi sasaran 20 program yang ditetapkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS). Program ini termasuk 6 bersama Duta Kenali Ubat Anda (KUA) dan 1 Program Duta Prihatin Masyarakat (DPM). Pelbagai aktiviti dijalankan seperti pameran sempena acara kesihatan, ceramah, dan aktiviti interaktif. Program ini juga menggunakan media sosial untuk menyebarkan maklumat. Bengkel 'Training of Trainers' (TOT) untuk anggota farmasi diadakan untuk meningkatkan kecekapan mereka. Kerjasama dengan Lembaga Tabung Haji dan media massa membantu memperluas jangkauan maklumat. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran, kepatuhan penggunaan ubat, dan mengurangkan pembaziran ubat di kalangan masyarakat.

**Jadual Bilangan Aktiviti Yang Dianjurkan Dari Tahun 2021-2023**

Bilangan aktiviti	Ceramah	Pameran	TOT	Wawancara TV @ Radio	Ceramah Kesedaran Kepada Kakitangan	Lain-lain	Program Duta Kenali Ubat Anda	Program Duta Prihatin Masyarakat	Jumlah
2021	0	3	0	4	7	3	9	0	26 (23)
2022	1	7	0	1	9	27	18	1	64 (54)
2023	3	4	0	2	4	12	14	1	37 (40)


**Duta Prihatin Masyarakat**

**Program KUA dengan Kerjasama LTH**

### FARMASI PENGELUARAN - GALENIKAL DAN PRABUNGKUS

Unit Farmasi Pengeluaran Farmaseutikal dan Prabungkus merupakan unit yang menghasilkan produk-produk farmaseutikal internal, eksternal dan pra-bungkus ubat tablet, cecair dan krim untuk dibekalkan kepada unit-unit pemesan secara berterusan. Prabungkus dilakukan di dalam paket individu yang dilabel dengan nama dan kekuatan ubat, nombor kelompok dan tarikh luput. Penghasilan produk-produk ini dijalankan mengikut ciri-ciri Amalan Penyediaan Baik (Good Production Practice (GPP)).

Perbandingan 'workload' bagi persediaan farmaseutikal yang dihasilkan oleh unit pengeluaran dan pra-bungkus.

#### Jadual Statistik persediaan farmaseutikal internal dan external (2021-2023)

TAHUN		Persediaan	Persediaan	Persediaan
		Internal (L)	External (L)	External (Kg)
2021	PhIS	937.40	3,045.94	144.00
	Bukan PhIS	4.00	4.00	1.80
2022	PhIS	1,147.04	2,333.90	124.50
	Bukan PhIS	2.00	5.00	2.25

2023	PhIS	1431.60	2126.00	96.25
	Bukan PhIS	0.00	3.00	1.03

Berdasarkan statistik menunjukkan peningkatan persediaan internal (L) pada tahun 2023 berbanding 2022 iaitu sebanyak 24.81%. Hal ini disebabkan oleh kemasukan ubat sirup anti-TB yang perlu disediakan secara pukal. Persediaan external juga menunjukkan penurunan dari tahun 2022 dan 2023 iaitu sebanyak 8.97% (L) dan 23.25% (Kg) kerana pembelian ubat komersial yang terdapat dipasaran.

#### Jadual Statistik Prabungkus (2021-2023)

TAHUN	Cecair/Semi solid Internal (Botol/Jar)	Cecair/Semi solid Eksternal (Botol/Jar)	Ubat Biji		Unit Dos	
			Item	Paket	Item	Paket
2021	20,773	41,596	33	228,542	74	311,625
2022	19,260	32,889	41	254,012	65	282,872
2023	21297	22,840	38	292,421	98	413,154

Bagi prabungkus cecair eksternal, terdapat pengurangan sebanyak 30.55% daripada tahun 2022 disebabkan oleh pembelian beberapa produk komersial yang terdapat di pasaran. Bagi prabungkus ubat biji dan unit dos, terdapat peningkatan bilang paket iaitu sebanyak 15.12% dan 46.06% kerana pertambahan beberapa ubat unit dos dan pertambahan pesakit di wad.

### PERKHIDMATAN NUTRISI PARENTERAL DAN ADMIKSTUR INTRAVENA

Unit ini menyediakan perkhidmatan yang merangkumi penyediaan ubat-ubat steril yang memerlukan teknik aseptik seperti admikstur intravena dan larutan Nutrisi Parenteral dengan menggunakan fasiliti Bilik Bersih. Pemonitoran pesakit secara klinikal juga dijalankan.

#### Jadual Perbandingan Bilangan Kes dan Sediaan Nutrisi Parenteral (2021-2023)

	Tahun	2021	2022	2023
Dewasa	Kes	34	27	49
	Beg	253	245	282
Neonatal	Kes	51	42	51
	Beg	516	443	490

#### Jadual Perbandingan Sediaan IV Admikstur (2021-2023)

Jenis Sedian	2021	2022	2023
PCA Morphine 1mg/ml	407	416	469
Epidural Cocktail Levobupivacaine 0.1% + 2mcg/ml Fentanyl	329	426	413

Penggunaan epidural cocktail levobupivacaine 0.1% + 2mcg/ml fentanyl menunjukkan peningkatan setiap tahun kerana permintaan yang semakin meningkat. Bermula 20/2/2023 Epidural Cocktail Levobupivacaine 0.1% + Fentanyl 2mcg/ml ditukar ke Epidural Cocktail Bupivacaine 1mg/ml + Fentanyl 2mcg/ml kerana Inj Levobupivacaine telah telah ditamatkan pengeluarannya oleh pengilang.

### PERKHIDMATAN PENDISPENSAN METHADONE

Terapi Gantian Methadone adalah salah satu program 'Harm Reduction' untuk pengguna opiate. Program ini adalah untuk mengurangkan kesan-kesan negatif kesihatan yang berpunca daripada perilaku berisiko tinggi penagihan.

Klinik Methadone tidak beroperasi di Hospital Kajang. Walaubagaimanapun sekiranya terdapat pesakit methadone berdaftar yang masuk ke wad Hospital Kajang, pegawai farmasi akan melakukan pendispensan kepada pesakit tersebut setelah pesakit disaring oleh pegawai perubatan. Selain itu Farmasi Hospital Kajang turut membuat pembekalan stok methadone kepada klinik swasta yang berdaftar dengan program methadone Kementerian Kesihatan Malaysia.

#### Jadual Data Bilangan Pesakit dan Kuantiti Methadone Dibealkan 2021-2023

Pusat Rawatan	Tahun	Jumlah Pesakit		Jumlah Keseluruhan Bilangan Dos Methadone		Jumlah Pesakit Methadone	Jumlah Bilangan Dos
		Berdaftar	Aktif	DOT	DBB		
Wad Hospital Kajang	2021	-	-	-	-	25	200
	2022	-	-	-	-	18	94
	2023	-	-	-	-	40	452
Penjara Kajang (Lelaki)	2021-2023	Permit doktor tidak diperbaharui					
Poliklinik Khafidz, Poliklinik Damai dan Surgery Beranang	2021	410	94	5198	4086	-	-
		67	42	7694	6026	-	-
	2022	73	52	7989	6616	-	-
		411	102	6108	4155	-	-
	2023	74	52	8736	6780	-	-
417		95	5577	3537	-	-	

### PELAKSANAAN PHARMACY INFORMATION SYSTEM (PhIS) DI HOSPITAL KAJANG

Secara amnya, pelaksanaan PhIS di Hospital Kajang telah berjalan seperti yang dirancang. Penggunaan PhIS adalah di Unit Logistik yang melibatkan perolehan, penerimaan dan pembekalan ubat dan bukan ubat telah mencapai 100%. Pelaporan dan kawalan bajet juga dapat dilaksanakan menggunakan PhIS. Trend penggunaan ubat dan bukan ubat unit pemesan juga dapat dipantau dan membantu dalam proses perolehan dan kawalan peruntukan. Senarai ubat lambat bergerak dan hampir luput tarikh juga mudah dikenalpasti dan membantu mengelakkan pembaziran.

Mulai tahun 2018, berdasarkan Manual Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Program Perkhidmatan Farmasi Tahun 2018, KPI penggunaan PhIS dipantau dan pelaporan secara bulanan dibuat mulai Julai 2018.

Sasaran yang ditetapkan adalah penggunaan PhIS bagi setiap aktiviti **sehingga > 95%**. Namun, untuk tahun 2023 penggunaan PhIS telah dimansuhkan daripada KPI Program Perkhidmatan Farmasi walau bagaimanapun penggunaan modul PhIS ini masih dipantau di peringkat negeri. Berikut adalah pencapaian keseluruhan penggunaan PhIS bagi tahun 2021, 2022 dan 2023.

#### Jadual Pencapaian Penggunaan modul PhIS

AKTIVITI	PENCAPAIAN 2021	PENCAPAIAN 2022	PENCAPAIAN 2023
Bil. Preskripsi Outpatient (OP)	98.46	96.37	97.99
Bil. Preskripsi Inpatients (IP)	33.93	71.83	93.72
Bil. Pesanan kerajaan (LPO) dikeluarkan	100	97.52	99.33
Bil. Kaunseling OP,Bedside, Discharge	100	100	100
Bil. Kertas Kerja Extemporaneous	113.66	94.12	100
Bil. Beg Nutrisi Parenteral	90.56	87.19	93.89
Bil. Pertanyaan (DICE)	100	100	100
Bil. Permohonan KPK	100	100	100
Bil. CP1 diambil	100	100	100
Bil. DMTAC (pre)	100	100	100
Bil. permohonan TDM diterima	101.79	101.37	102.73
Bil. kes ADR dilaporkan	100	100	100

**10 modul dalam sistem PhIS yang dipantau penggunaannya** telah mencapai sasaran penggunaan PhIS **melebihi 95%** bagi tahun 2023. Peningkatan penggunaan yang ketara dapat dilihat bagi aktiviti pendispensan pada modul Farmasi Pesakit Dalam dan juga Nutrisi Parenteral namun kedua-dua modul ini masih tidak mencapai sasaran minimum yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, ini merupakan pencapaian yang baik dan boleh dibanggakan.

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Berikut merupakan jumlah Kursus/ Seminar/ Bengkel yang dianjurkan oleh Jabatan Farmasi sepanjang tahun 2023.

#### Jumlah Kursus/Seminar/Bengkel yang dianjurkan oleh Jabatan Farmasi sepanjang tahun 2023

Functional			Generik			Jumlah latihan dilaksana (tidak melibatkan sebarang peruntukan kewangan)	Jumlah penglibatan anggota
Bil latihan an	Penglibatan anggota		Bil latihan	Penglibatan anggota			
	PF	PPF		PF	PPF		
58	1103	118	3	17	0	61	1238

## AKTIVITI KUALITI/ PENYELIDIKAN

Jabatan Farmasi telah menjalankan beberapa aktiviti kualiti dan penyelidikan sepanjang tahun 2023. Satu projek inovasi bertajuk GlucoMixt telah siap sepenuhnya dan berjaya menerima dua penghargaan. Manakala terdapat satu projek QA dan dua projek penyelidikan masih sedang dijalankan.

### Pencapaian Projek Klinikal Audit / QA / KIK / Inovasi / Penyelidikan tahun 2023

Tajuk Projek	Jenis Projek	Pengiktirafan & Penghargaan	Tarikh	Lokasi
GlucoMixt	Inovasi	Anugerah Inovasi Kementerian Kesihatan Malaysia 2023 (Kebangsaan) - Penyertaan Peringkat Saringan	11 Julai 2023	-
GlucoMixt	Inovasi	Johan Kategori Inovasi, Minggu Kualiti Hospital Kajang 2023	17 Ogos 2023	Dewan Bestari, Hospital Kajang

### Projek Klinikal Audit / QA / KIK / Inovasi / Penyelidikan yang sedang dijalankan

Tajuk Projek	Jenis Projek
Increasing Percentage of Correct Management of Hypoglycemic Patients in Medical Wards	QA
Prospective Observational Study Exploring the Antibiotic Use Pattern and other Associated Factors for Prolonged Hospital Length of Stay (LOS) Among Surgical Patients.	Penyelidikan
Evaluation of Gentamicin Dosage Regimen Based on Achieved Serum Concentrations in Neonates	Penyelidikan

# JABATAN REHABILITASI

Jabatan Perubatan Rehabilitasi Hospital Kajang ditubuhkan pada JUN 2022. Jabatan ini terdiri daripada gabungan unit-unit interdisiplinari iaitu Rehabilitasi Klinikal (*Clinical Rehabilitation*), Fisioterapi (*Physiotherapy*) dan Terapi Cara Kerja (*Occupational Therapy*).

Jabatan rehabilitasi mempunyai:

- **Pakar Rehabilitasi : Pakar lawatan dari Hospital Serdang ( 2 orang )**
  1. Memberi perkhidmatan konsultasi dan pelan rawatan pesakit - outpatient (visiting clinic) dan inpatient.
  2. Mengenalpasti pesakit yang memenuhi kriteria untuk 'inpatient intensive rehab program' di Hospital Sultan Idris Shah, Serdang.
- **Pegawai Perubatan : ( 4 orang )**
  1. Sebagai 'liason officer ' dalam Program Kluster Klang Valley 4 (Perubatan Rehabilitasi)
  2. Menerima rujukan dari pelbagai jabatan.
  3. Review dan merawat pesakit di wad.
  4. Berbincang dengan pakar rehab Hospital Serdang untuk kes-kes tertentu.
  5. Merawat pesakit (*outpatient*) di klinik rehab bersama pakar lawatan.
  6. Memohon bantuan serta peralatan untuk pesakit melalui pelbagai saluran-peka B40, perkeso, zakat, JPA, JKSP,TBP dan sebagainya.
- **Pegawai/Jurupulih Fisioterapi (*Physiotherapist*): ( 8 orang )**

Mengendalikan komplikasi pernafasan (chest physio), meningkatkan fungsi fizikal dan mobiliti termasuk fungsi kekuatan otot,aplikasi senaman, latihan berjalan, perpindahan serta teknik penggunaan kerusi roda.
- **Pegawai/Jurupulih Cara Kerja (*Occupational Therapist*): (13 orang)**

Mengintegrasikan latihan kognitif dan fizikal bagi mencapai kebolehan maksimum pesakit dalam melakukan aktiviti asas harian termasuk aplikasi alat bantuan seperti *adaptive devices*, *orthosis* dan sebagainya.

Ke arah meningkatkan kualiti kehidupan pesakit kelainan upaya melalui pencapaian potensi fizikal, kefungsiian, psikologikal, vokasional dan avokasional yang optimum.

## MISI

Menyediakan perkhidmatan rehabilitasi berdasarkan kaedah interdisiplinari yang menyeluruh dan bersasaran bagi pesakit kelainan upaya ke arah pencapaian tahap berdikari yang optimum.

## OBJEKTIF

Untuk menyediakan perkhidmatan perubatan rehabilitasi bagi pesakit kelainan upaya melalui perkhidmatan pesakit dalam dan pesakit luar yang berkualiti dan cekap bagi membolehkan mereka mencapai tahap kualiti kehidupan dan kefungsiian yang optimum.

## KAKITANGAN JABATAN PERUBATAN REHABILITASI



## SKOP PERKHIDMATAN

### Perkhidmatan Umum Yang Disediakan

- *Spinal Cord Injury Rehabilitation*
- *Amputee Rehabilitation*
- *Neuromedical Rehabilitation*
- *Neurosurgical Rehabilitation*
- *Paediatric Rehabilitation*
- *Orthopaedic and Musculoskeletal Rehabilitation*

## Perkhidmatan Khusus Yang Disediakan

- *Prosthetic & Orthotics*
- *Diabetic foot care including wound off-loading services*
- *Serial casting for contractures*
- *Disability registration (OKU) and certification of complex cases*
- *Specialized wheelchair and seating services*
- *Assistive and adaptive devices prescription and procurement*

## Kriteria Kemasukan Ke Wad Rehabilitasi

- Pesakit dengan keadaan "*complex disabilities*" yang memerlukan kepakaran pelbagai pasukan interdisiplinari.
- Mempunyai "*cognitive ability to learn*".
- Bermotivasi tinggi.
- Mempunyai sokongan keluarga.
- *Good prognosis*

Pesakit yang dinilai dan sesuai untuk program rehabilitasi akan dirujuk ke Hospital Serdang atau Hospital Rehabilitasi Cheras (atas permintaan penjaga). Semua pesakit yang dilihat di wad akan dirunding dengan pakar rehabilitasi Hospital Serdang untuk pelan rawatan. Klinik Rehabilitasi stroke dan amputee setiap Isnin petang (2-5 PM) dijalankan dengan kehadiran pakar rehab Hospital Serdang bertempat di Klinik Pakar 2.

- ▶ Purata pesakit setiap klinik adalah 15 orang.

Perancangan mewujudkan wad rehabilitasi di Hospital Kajang pada tahun 2024 dengan penempatan 'inhouse' pakar rehabilitasi.




Klinik Pakar Lawatan Rehabilitasi




Rondaan wad

## STATISTIK PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

### DATA RUJUKAN KES JABATAN REHABILITASI JANUARI – DISEMBER 2023



## DATA INPATIENT TRANSFER PESAKIT REHAB KE HSIS SERDANG 2023



Data jumlah pesakit yang dirawat di klinik rehabilitasi mengikut tahun.

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### Pegawai perubatan menjalankan latihan sangkut (Attachment)

1. Hospital Rehab Cheras selama 6 minggu (11/4/22-18/5/22)
  - Dr Mohd Hasnor
  - Dr Roshini
2. Hospital Serdang (Lead Hospital Kluster) selama 2 minggu.
  - Dr Hafiza : 5/9/22 until 16/9/22
  - Dr Roshini : 17/9/22 until 30/9/22
  - Dr Syamala : 10/10/22 until 21/10/22

## CME DAN KURSUS

1. SYMPOSIUM 2022 (IMPROVE QUALITY OF LIFE AFTER STROKE) on 30<sup>th</sup> Oct 2022 at Marriott Hotel, IOI Resort by DAEHAN Rehabilitation Hospital Putrajaya.
2. CME Hospital Kajang on 27<sup>th</sup> Jan 2023 : Introducing Rehab Medicine Department.
3. International Symposium And Workshop On Robotic Rehabilitation on 2<sup>nd</sup> & 3<sup>rd</sup> March 2023 at Marriott Hotel , IOI Resort by DAEHAN Rehabilitation Hospital Putrajaya.
4. Kursus Taklimat Perkhidmatan Perawatan Domilisiari dan Paliatif Peringkat Negeri Selangor on 17<sup>th</sup> & 18<sup>th</sup> August 2022 di NIH Setia Alam
5. Seminar Kesedaran Rehabilitasi: Halatuju Orang Berkeperluan Khas di Komuniti; Beyond the Barriers on 25<sup>th</sup> July 2022 by HPUPM ( online platform)
6. National Symposium Post Covid-19 on 29<sup>th</sup> May 2023 in Hospital Sungai Buloh
7. Program Picture Perfect- Mastering Imaging Interpretation in Rehabilitation Medicine on 10<sup>th</sup> & 11<sup>th</sup> August 2023 in Fakulti Perubatan UITM Sungai Buloh



Mesyuarat Hospital Kluster Klang Valley 4



Mesyuarat bersama Pegawai PERKESO

## UNIT FISIOTERAPI

Unit Fisioterapi adalah salah satu komponen Jabatan Rehabilitasi terletak di belakang CSSD dan Jabatan Kerja Sosial Perubatan. Unit Fisioterapi mempunyai tenaga kerja seramai 7 orang Jurupulih Perubatan Fisioterapi dan seorang Pegawai Pemulihan Perubatan Fisioterapi dibantu oleh 2 orang Pembantu Perawatan Kesihatan. Unit Fisioterapi menyediakan perkhidmatan secara komprehensif kepada kes-kes yang dirujuk oleh doktor, meliputi aspek promotif (promotion), preventif (preventive), rawatan (curative) dan pemulihan (rehabilitative). Perkhidmatan Fisioterapi bertujuan untuk memaksimumkan tahap pergerakan, kekuatan dan fungsi pesakit / pelanggan bagi memastikan penyembuhan yang maksima dan kembali berdikari dalam komuniti seterusnya meningkatkan kualiti hidup pesakit / pelanggan.

Unit Fisioterapi Hospital Kajang menyediakan rawatan dan program Rehabilitasi seperti;

- Musculoskeletal
- Cardiorespiratory / ' Critical Care'
- Neurology / Stroke
- Pediatric (Neurology / Musculoskeletal)
- Women health
- Lymphoedema
- Vestibular rehab

## VISI

Profesyen Fisioterapi komited dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan mudah diperolehi oleh setiap lapisan masyarakat berteraskan kemajuan ilmu pengetahuan, kemahiran dan penggunaan kaedah rawatan berteknologi tinggi dan menepati keperluan pesakit dan menyumbang ke arah peningkatan kualiti hayat.

## MISI

Menyediakan perkhidmatan Fisioterapi berasaskan standard profesionalisme dalam rawatan rehabilitasi untuk mencapai tahap pemulihan yang optima kepada pelanggan serta memberi pendidikan kesihatan yang berterusan kepada pelanggan khususnya dan masyarakat amnya demi meningkatkan taraf kesihatan rakyat.

## OBJEKTIF

Memberi perkhidmatan rawatan pemulihan yang berkualiti dan merawat pesakit ke tahap yang maksima selaras dengan penyakit dan keadaan mereka.

## SKOP PERKHIDMATAN

### a) Rawatan

Perawatan Fisioterapi keatas pesakit-pesakit dalam wad dan pesakit-pesakit luar yang dirujuk oleh Pegawai Perubatan.

Selain dari perkhidmatan Fisioterapi yang diberikan pada hari bekerja, Unit ini juga menyediakan perkhidmatan Chest Physiotherapy keatas pesakit-pesakit di Unit Rawatan Rapi (ICU, CCU dan juga NICU) pada hari cuti mingguan dan kelepasan am.

### b) Promosi dan Pendidikan Kesihatan

1. Program tersebut dijalankan secara kolaborasi bersama unit-unit lain seperti pendidikan pesakit Diabetes dan Hipertensi
2. Memberi ceramah kesihatan yang berkaitan dengan fisioterapi dan kecergasan;
  - Program Pendidikan Kesihatan
  - Program Klinik Rehabilitasi
  - Program Cara hidup sihat
  - Kelas kecergasan
  - Strok team


### c) Latihan dan Program Pembelajaran Berterusan (continuous professional development/Research)

1. Membimbing dan menyelia pelatih-pelatih Fisioterapi yang menjalankan penempatan klinikal di Hospital Kajang.
2. Latihan keatas personel kesihatan seperti Jurupulih Perubatan Fisioterapi dan Doktor Pelatih yang membuat penempatan klinikal dibahagian-bahagian tertentu di Unit Fisioterapi, Hospital Kajang.
3. Memberi latihan dengan mengadakan kursus dalam perkhidmatan kepada personel kesihatan pebagai kategori dalam aspek yang berkaitan dengan rawatan dan pengurusan pesakit.
4. Mengadakan jadual bagi semua warga kerja Unit Fisioterapi menghadiri sesi CPD/ CME yang diadakan di Unit Fisioterapi pada setiap hari Jumaat (jam 4.00 hingga 5.00 petang) dan di Hospital Kajang setiap hari Jumaat (jam 3.00 hingga 4.00 petang)


5. Aspek modal insan sangat diperlukan untuk menjana tenagakerja yang cekap dan produktif. Pada tahun 2021,2022 dan 2023 semua anggota Unit Fisioterapi telah berpeluang menghadiri latihan samada berbentuk kursus atau bengkel yang diadakan secara virtual dan fizikal.Mereka yang berpeluang untuk menghadiri kursus/ bengkel akan diwajibkan membuat latihan susulan bagi berkongsi pengetahuan dan kemahiran dengan rakan sejawat.
6. Pada tahun 2023, satu kursus yang dianjurkan oleh Unit Penjagaan Luka telah menjemput kakitangan fisioterapi sebagai jemputan penceramah.
7. Unit Fisioterapi bersama unit OSH menjalankan programe I Fitter.
8. Pada tahun 2023 Unit Fisioterapi telah memenangi tempat pertama dalam pertandingan ‘Hand Hygine’ peringkat Hospital Kajang anjuran Unit Kawalan Infeksi sempena sambutan ‘World Hand Hygiene Day’
9. Pada tahun 2023 sambutan Hari Fisioterapi Sedunia Peringkat Negeri di Hospital Cyberjaya dan pada September terlibat dengan sukan KKM.

## STATISTIK PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

### BEBAN KERJA TAHUN 2021 HINGGA TAHUN 2023; DATA BILANGAN RAWATAN PESAKIT DALAM DAN LUAR UNIT FISIOTERAPI, HOSPITAL KAJANG



## DATA BILANGAN PESAKIT DALAM DAN LUAR UNIT FISIOTERAPI, HOSPITAL KAJANG



Sebagai kesimpulan, Unit Fisioterapi telah berusaha untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada semua pelanggan disamping terus berusaha untuk meningkatkan dan memantapkan perkhidmatan yang sedia ada kearah kecemerlangan

## UNIT TERAPI CARAKERJA

Unit Terapi Carakerja beroperasi di dalam bangunan Jabatan Rehabilitasi, Hospital Kajang . Ia terletak bertentangan dengan "Therapeutic Garden". Unit ini mula beroperasi sepenuhnya pada Oktober 1999 dengan kekuatan seorang Jurupulih Carakerja.

### VISI

Menyediakan Perkhidmatan Terapi Carakerja yang bersistematik, bertaraf antarabangsa dan mudah diperolehi di setiap peringkat sistem penjagaan dalam meningkatkan kualiti kehidupan pelanggan.

### MISI

Perkhidmatan ini diberikan oleh warga kerja yang berpengetahuan, berkemahiran dan mengamalkan nilai-nilai murni berdasarkan *evidence-based practice*

### OBJEKTIF

Memberikan Perkhidmatan Terapi Carakerja yang berkualiti, selamat, tepat dan berkesan kepada pesakit dan membantu pelanggan mencapai tahap kefungsi optima dari aspek kognitif, fizikal, emosi dan sosial supaya dapat hidup berdikari dalam aktiviti kehidupan seharian, pekerjaan dan aktiviti masa lapang sehingga dapat kembali semua ke pangkuan masyarakat.

## SKOP PERKHIDMATAN

Perkhidmatan Terapi Carakerja yang kami sediakan meliputi Pesakit Dalam dan Pesakit Luar merangkumi disiplin:


- Perubatan Rehabilitasi,
- Orthopedik,
- Medikal
- Surgikal
- Pediatrik
- Psikiatri
- Neurologi.
- Obstetrik Dan Ginekologi (O&G)

Modaliti rawatan yang ditawarkan Oleh Perkhidmatan Terapi Carakerja Hospital Kajang ialah:

- *Activity of Daily Living Assessment & Training,*
- *Motor & Functional Assessment & Training,*
- *Cognitive & Perceptual Assessment & Training,*
- *Pre School-Assessment & Training,*
- *Wheelchair Assessment & Training,*
- *Driving Assessment & Training,*
- *Work/Vocational Assessment & Training,*
- *Home/Workplace/School Assessment & Training,*
- *Behaviour Management,*
- *Developmental Assessment & Training,*
- *Aids and Adaptation,*
- *Compression Therapy,*
- *Creative Therapy,*
- *Social Skill Assessment & Training,*
- *Patients and Careers Education,*
- *Play and leisure (Exploration and Training),*
- *Relaxation Therapy,*
- *Sensory Assessment & Training,*
- *Splint and Orthosis.*


## STATISTIK PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

### STATISTIK PESAKIT DAN MODALITI UNIT TERAPI CARAKERJA HOSPITAL KAJANG TAHUN 2018 – 2023




Rajah menunjukkan jumlah Pesakit Dalam dan Luar yang telah mendapatkan rawatan Perkhidmatan Terapi Carakerja dari tahun 2018 hingga 2023 di Hospital Kajang. Jumlah pesakit yang datang pada tahun 2018 adalah sebanyak 10585 dan menunjukkan penurunan pada tahun 2019, 2020 dan 2021 kerana penularan pandemik Covid 19. Namun jumlah kedatangan pesakit semakin meningkat pada tahun 2022 dan 2023.

### STATISTIK PESAKIT UNIT TERAPI CARAKERJA HOSPITAL KAJANG MENGIKUT DISIPLIN TAHUN 2018 – 2023




Rajah menunjukkan pecahan pelanggan Terapi Carakerja Hospital Kajang. Pelanggan yang paling ramai adalah di bawah Disiplin Pediatrik iaitu 39% diikuti dengan Disiplin Orthopedik iaitu 29%, diikuti dengan Disiplin Medikal sebanyak 14%, diikuti dengan Disiplin Psikiatri iaitu sebanyak 10% dan diikuti dengan Disiplin Rehabilitasi iaitu 5% dan diikuti dengan Disiplin Surgikal iaitu 3% dan yang paling sedikit ialah Disiplin O & G iaitu hanya 0.3%.

**STATISTIK MODALITI RAWATAN PEMULIHAN CARAKERJA SECARA TERPERINCI 2023**



Rajah menunjukkan peratusan pecahan modaliti rawatan yang diberikan kepada pelanggan Terapi Carakerja. Perkhidmatan Terapi Carakerja mempunyai 20 Modaliti Rawatan seperti yang tersenarai. Modaliti rawatan yang terbanyak sekali diberikan kepada pesakit ialah *Patient's and carer's Education* iaitu sebanyak 23.2%, diikuti dengan rawatan *Motor & Functional Assessment* iaitu masing-masing adalah sebanyak 13.2% diikuti dengan modaliti *Developmental* iaitu 12.9% dan diikuti dengan Displin *Activity of Daily Living assessment and training* iaitu sebanyak 11%. Modaliti rawatan untuk *sensory assessment and training* dan *cognitive & perceptual* pula ialah masing-masing sebanyak 8%. Modaliti rawatan *Psychososial* ialah sebanyak 5.5% manakala modaliti rawatan *splint dan play and leisure* ialah masing-masing 4.7%. Modaliti rawatan yang kurang daripada 1% ialah *aid and adaptation* 0.96%, diikuti dengan *Relaxation therapy* iaitu sebanyak 0.93%. Modaliti rawatan yang paling sedikit yang diberikan kepada pesakit ialah modaliti rawatan *wheelchair* iaitu sebanyak 0.04%.


**STATISTIK PESAKIT DALAM DAN LUAR PERKHIDMATAN TERAPI CARAKERJA MENGIKUT KES BARU DAN ULANGAN TAHUN 2023**



Rajah menunjukkan statistik Pesakit Dalam Dan Luar Perkhidmatan Terapi Carakerja mengikut kes baru dan ulangan bagi tahun 2023. Jumlah kes untuk pesakit Dalam ialah sebanyak 1948 kes manakala jumlah kes pesakit luar ialah sebanyak 5299 kes. Keseluruhan kes pesakit baru yang dirujuk Unit Terapi Carakerja ialah sebanyak 2775 kes manakala untuk kes pesakit ulangan ialah sebanyak 4472 kes menjadikan keseluruhan kes yang menerima rawatan adalah sebanyak 7247 kes. Secara keseluruhannya kes meningkat jika dibandingkan dengan tahun 2022 iaitu hanya

sebanyak 6130 kes sahaja.

### STATISTIK MODALITI RAWATAN PESAKIT DALAM DAN LUAR PERKHIDMATAN PEMULIHAN CARAKERJA MENGIKUT KES BARU DAN ULANGAN TAHUN 2023



Rajah menunjukkan statistik bilangan modaliti rawatan Terapi Carakerja Pesakit Dalam Dan Luar mengikut kes baru dan ulangan bagi tahun 2023. Keseluruhan bilangan modaliti rawatan pesakit baru yang dirujuk ke Unit Terapi Carakerja ialah sebanyak 6910 rawatan manakala untuk bilangan rawatan pesakit ulangan ialah sebanyak 16108 kes dan menjadikan keseluruhan modaliti rawatan adalah sebanyak 23018 rawatan.

### KEY PERFORMANCE INDEX (KPI)

KPI	STANDARD	PENCAPAIAN 2023
% Pesakit strok dengan peningkatan keberdikarian aktiviti kehidupan seharian selepas intervensi	(Standard $\geq 75\%$ )	Tercapai 100% dimana seramai 20 pesakit strok yang memenuhi standard KPI telah menunjukkan peningkatan dalam keberdikarian aktiviti kehidupan seharian selepas intervensi. Jumlah kes stroke untuk tahun 2023 ialah sebanyak 127 kes.
% Pesakit Dalam dirujuk ke Terapi Carakerja yang menerima rawatan di dalam masa 24 jam hari bekerja	(Standard $\geq 95\%$ )	Tercapai 100% dimana seramai 721 orang pesakit Dalam telah menerima rawatan dalam masa 24 jam hari bekerja.
% Pesakit Luar dirujuk ke Terapi Carakerja yang menerima rawatan dalam masa 3 hari bekerja	(Standard $\geq 95\%$ )	Tercapai 100% dimana seramai 701 orang pesakit Luar dari 701 pesakit luar telah menerima rawatan dalam masa 3 hari bekerja.

### KEY PERFORMANCE INDEX (KPI): HAND

KPI	STANDARD	PENCAPAIAN 2023
% Kadar Peningkatan Kefungsian Prehension Tangan Bagi Kes Kecederaan Tangan Dan Anggota Atas.	(Standard $\geq 85\%$ )	Tercapai 100% dimana 57 pesakit dari 57 pesakit telah menunjukkan kadar peningkatan Kefungsian Prehension Tangan Bagi Kes Kecederaan Tangan

Dan Anggota Atas. Keseluruhan kes yang dirujuk ke Unit Terapi Carakerja pada tahun 2023 ialah sebanyak 170 kes.

### OBJEKTIF KUALITI MS ISO 9001:2015

KPI	STANDARD	PENCAPAIAN 2023
% Memberi rawatan kepada pesakit luar dalam masa 30 minit selepas pendaftaran dan rawatan diberikan mengikut temujanji	(Standard $\geq 90\%$ )	Tercapai 99.4% dimana seramai 4196 orang pesakit dari 4219 orang pesakit telah diberikan rawatan dalam masa 30 minit selepas pendaftaran dan rawatan diberikan mengikut temujanji.

### AKTIVITI UNIT 2023



Sesi Pembentangan Projek Inovasi Terapi Carakerja, Hospital Kajang di Bengkel Inovatif & Kreatif (KIK) / Inovasi, UPM



Kerjasama Unit Terapi Carakerja dengan Jabatan Psikiatri Pada Hari kesihatan Mental Hospital Kajang



Menang dalam Kempen “Hand Hygiene” anjuran Unit Kawalan Infeksi, Unit Pendidikan Kesihatan Dan Unit Kejururawatan



Menyantuni Lawatan Pengarah, Timbalan pengarah dan Doktor Rehabilitasi dari Hospital Rehabilitasi Cheras



Continuing Medical Education (CME) Luaran yang bertajuk *Functional behaviour Analysis (FBA) or Paediatric Patients* dari Puan Norliyana Raya, *Training and consultancy* bersama dengan staf Jurupulih Carakerja dari Kesihatan Awam



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Hospital Kajang 2023

Happy Occupational World Day yang di sambut secara sederhana



Gambar kenangan dengan staf yang bertukar keluar pada tahun 2023



Jamuan perpisahan dan Jamuan Jabatan Rehabilitasi

# JABATAN REKOD PERUBATAN

Jabatan Rekod Perubatan merupakan satu jabatan sokongan perkhidmatan bukan klinikal di Hospital Kajang yang beroperasi merangkumi aktiviti Pengurusan Rekod Perubatan, Pengurusan Laporan Perubatan, Pengurusan Pengurusan Statistik Hospital dan semua aspek yang berkaitan dengan peranan Jabatan Rekod Perubatan sebagai pengurus maklumat hospital.

Ditubuhkan sejajar dengan penubuhan Hospital Kajang, Jabatan Rekod Perubatan memainkan peranan penting didalam memberikan maklumat dan data-data yang komprehensif untuk memajukan perkembangan taraf perubatan dan perkhidmatan pesakit di hospital ini.

## VISI

Menjadi pusat maklumat yang sistematik, cekap, mantap, berkualiti dan berkrediliti.

## MISI

Berusaha kearah mencapai matlamat- Rekod sebagai asas akauntabiliti dan integriti.

## OBJEKTIF

- Kearah mewujudkan sistem pengurusan rekod perubatan yang berpusat dan berteknologi tinggi bagi mencapai tahap pengurusan rekod perubatan yang berkualiti.
- Kearah melaksanakan sistem penyediaan laporan perubatan yang menepati tempoh yang ditetapkan bagi mencapai kepuasan pelanggan yang maksima.
- Kearah menjana maklumat perangkaan perubatan yang tepat dan lengkap supaya semua perancangan pembangunan perubatan dapat dilaksanakan dengan berkesan.


## SKOP PERKHIDMATAN

Perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Rekod Perubatan :


1. Pengurusan Dokumentasi/ Rekod Perubatan Pesakit
2. Pengurusan Laporan Perubatan
3. Pengurusan Perangkaan informatik dan Statistik Kesihatan
4. Pengurusan Perundangan Perubatan
5. Pengurusan Pentadbiran Dan Sumber

## STATISTIK PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

### Pengurusan Dokumentasi/ Rekod Perubatan Pesakit



### Pengurusan Laporan Perubatan



### Pengurusan Perangkaan Informatik dan Statistik Kesihatan

STATISTIK PERANGKAIAN TAHUNAN HOSPITAL KAJANG					
Bil	PERKARA	2020	2021	2022	2023
1	Kemasukan Pesakit Dalam [ <i>Admission</i> ]	30,742	30,714	31,458	33,761
2	Kadar Penggunaan Katil [ <i>Bed Occupancy Rate (BOR)</i> ]	88.40	94.32	87.30	90.90
3	Jumlah Pesakit Keluar Wad [ <i>Discharges</i> ]	30,768	30,708	31,450	33,755
4	Purata Jangkamasa Tinggal (Hari) [ <i>Average Length Of Stay /ALOS (Days)</i> ]	3.43	3.88	3.91	3.79
5	Jumlah Kematian [ <i>Number Of Death</i> ]	909	1,508	1,044	978
6	Bilangan Pembedahan [ <i>Number Of Operations</i> ]	5,796	5,047	5,490	5,510
7	Jabatan Kecemasan [ <i>Emergency Department</i> ]	85,768	68,524	91,291	93,968
8	Klinik Kepakaran [ <i>Specialist Clinic</i> ]	87,078	86,633	100,360	107,220

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

- ✚ Continuing Medical Education (CME) Jabatan
- ✚ Continuing Medical Education (CME) Wajib Hospital Kajang

## AKTIVITI JABATAN 2023

- ✚ **Certified Coder for International Classification of Disease 11<sup>th</sup> Edition**



Gambar Jabatan CME anjuran Jabatan Rekod.



Audit Ketepatan Coding ICD10 Casemix Hospital Rehabilitasi Cheras



Audit Ketepatan Coding ICD10 Casemix Hospital Ampang (Zon Selatan)



Taklimat Penggunaan Sistem Maklumat Rawatan Pesakit (SMRP) version ICD11 di Putrajaya



Kerja-kerja Gotong Royong penyimpanan Rekod Pesakit ke Stor Simpanan  
Kedua Hospital Kajang di Asrama Jururawat Sg Chua

# JABATAN DIETETIK & SAJIAN

Jabatan Dietetik dan Sajian (JDS) merupakan salah satu Perkhidmatan Sokongan Klinikal yang terdapat di HKJG yang menyediakan

- i. **Perkhidmatan Dietetik Klinikal** yang dikendalikan oleh **Pegawai Dietetik** meliputi pemberian **Medical Nutrition Therapy (MNT)** kepada pesakit dalam dan pesakit luar yang dirujuk.
- ii. **Perkhidmatan Sajian Makanan** yang dikendalikan **Penolong Pegawai Penyediaan Makanan (PPPM)** dan **Pembantu Penyediaan Makanan (PePM)**

## VISI

Perkhidmatan Dietetik dan Sajian akan berusaha dalam perkembangan perkhidmatan dietetik dan sajian untuk membantu rawatan pesakit selaras dengan visi dan misi hospital serta Kementerian Kesihatan Malaysia. Sistem pengurusan akan mengutamakan inovasi, teknologi dan pengetahuan terkini ke arah peningkatan kualiti berterusan.

## MISI

- Membantu rawatan perubatan melalui perkhidmatan dietetik yang merangkumi promotif, pencegahan, rawatan dan rehabilitasi berdasarkan amalan evidence-based terkini.
- Memberi perkhidmatan makanan yang bersih, selamat dan sihat secara Optimum.
- Menyumbang kepada kajian dan penyelidikan dalam bidang pemakanan dan dietetik.

## OBJEKTIF

Untuk memastikan perkhidmatan dietetik klinikal dan perkhidmatan makanan yang cemerlang melalui penyampaian perkhidmatan secara professional, berkualiti dengan mengutamakan pelanggan.

## SKOP PERKHIDMATAN

### PERKHIDMATAN DIETETIK KLINIKAL

Beroperasi setiap hari mulai 7.30 pagi hingga 5.00 petang

- Memberi *Medical Nutrition Therapy* kepada pesakit dalam yang dirujuk oleh Pegawai Perubatan
- Memberi *Medical Nutrition Therapy* kepada pesakit luar yang dirujuk oleh Pegawai Perubatan

Klinik Diet Hospital Kajang	Isnin ( Minggu 1,3) Selasa – Khamis	8.30 pagi – 1.00 petang
Klinik Pediatrik (DM)	Khamis (Minggu 2)	2.30 petang – 4.30 petang
Klinik DMTAC	Isnin (Minggu 2,4)	2.30 petang – 4.30 petang
Klinik Multidisiplin Endokrin	Isnin	2.30 petang –4.30 petang

- Memberi ceramah atau maklumat berkaitan pemakanan dan dietetik kepada organisasi dalaman atau luaran yang memerlukan
- Terlibat di dalam 'Stroke Team', 'Wound Care Team' dan 'Endocrine Team' di Hospital Kajang
- Memberi latihan dietetik kepada pelatih dari Institusi Pengajian Tinggi
- Melibatkan diri dalam kajian serta penyelidikan dietetik klinikal mengikut keperluan demi peningkatan mutu perkhidmatan
- Menjalankan audit Kafetria Sihat
- Penglibatan di dalam Aktiviti Promosi Kesihatan


## PERKHIDMATAN SAJIAN MAKANAN

Beroperasi setiap hari mulai 6.30 pagi hingga 6.30 petang

- Menyediakan diet normal atau diet terapeutik kepada pelanggan seperti berikut:
  - pesakit dalam
  - pegawai perubatan bertugas atas panggilan (Dr. On-call)
  - pegawai perubatan dan anggota paramedik di Dewan Bedah
  - pesakit rawatan harian.
- Penghidangan diet pesakit adalah secara *bulk* bagi Diet Normal dan *plating* bagi Diet Terapeutik
- Membekalkan diet menggunakan bekas pakai buang bagi pesakit di Unit Kecemasan dan wad yang tiada kemudahan pantri.
- Membekalkan 'dry ration' kepada wad yang memerlukan seperti wad O&G.
- Menjalankan Program Jaminan Kualiti GMP dan HACCP
- Memberi latihan praktikal catering kepada pelatih dari Institusi Pengajian Tinggi
- Melibatkan diri dalam kajian serta penyelidikan sajian mengikut keperluan demi peningkatan mutu perkhidmatan

## STATISTIK PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

### PERKHIDMATAN DIETETIK KLINIKAL




Berdasarkan graf di atas, Perkhidmatan Dietetik Klinikal yang dijalankan adalah terdiri dari pemberian *Medical Nutrition Therapy (MNT)* bagi pesakit dalam wad yang dirujuk dan pesakit luar secara individu atau berkumpulan.

Secara keseluruhan MNT yang diberikan adalah tertumpu kepada kumpulan utama iaitu pesakit dalam berbanding pesakit luar. Statistik bagi pesakit luar adalah melalui:


- Kehadiran pesakit ke Klinik Diet berdasarkan temujanji yang diberikan
- Klinik multidisiplin mengikut jadual

Pada tahun 2023, sebagai langkah untuk menambahbaik perkhidmatan dietetik klinikal pesakit luar, percubaan untuk mengadakan klinik secara virtual telah dilaksanakan. Tujuan klinik virtual ini diadakan adalah bagi mensasarkan pesakit obesiti yang gagal hadir ke klinik diet. Klinik secara virtual berkumpulan telah diadakan sebanyak 4 sesi.




Graf di atas menunjukkan pemberian *Medical Nutrition Therapy* bagi Sokongan Pemakanan Enteral adalah lebih tinggi berbanding Kaunseling Pemakanan. Ini kerana kebanyakan pesakit yang dirujuk adalah pesakit yang perlu mendapatkan nutrisi yang optima sama ada secara pemakanan melalui *ryles tube* atau *Oral Nutrition Support (ONS)*

**Peratus Pesakit Yang Dilihat Mengikut Disiplin Klinikal**




Daripada carta pie di sebelah, boleh dirumuskan pesakit yang dilihat oleh Pegawai Dietetik terdiri dari disiplin klinikal seperti dinyatakan. Tiga disiplin yang tertinggi adalah Perubatan, Rawatan Rapi dan Pediatrik.

**Jumlah Pesakit Yang Di Lihat Oleh Pegawai Detetik Bagi Tempoh 5 tahun ( 2019-2023)**




